

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Norasiah Binti Yunus**

(No. K.P/Pasport: **700108-03-5932**)

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA070003**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis~~ (“Hasil Kerja ini”):

Analisis Leksikologi Penggunaan Peribahasa Dalam Al-Mu‘jam Al-Wasi‘t

Bidang Penyelidikan: **Leksikologi**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama: **Dr. Wan Hassan bin Wan Mat**

Jawatan: **Penyelia / Pensyarah**

ABSTRAK

Kajian ini mengemukakan sebuah analisis yang melibatkan bidang leksikologi yang berkaitan dengan penggunaan peribahasa dalam sebuah mu'jam Arab yang popular digunakan oleh para pencinta bahasa Arab amnya dan para pelajar bahasa Arab di Malaysia khususnya.

Analisis yang dilakukan adalah berdasarkan bab 1 dan bab 2, yang terdapat dalam bahagian pertama al-Mu'jam al-Wasi:t; karangan Dr. Ibra:him Anis, Dr. 'Abdul Ḥalim Muntaṣer Aṭiyyah al-Ṣowa:liḥiy dan Muḥammad Kholafullah Aḥmad. Penggunaan peribahasa dalam mu'jam adalah untuk menerangkan lagi makna sesuatu perkataan dengan lebih jelas dan menarik.

Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana faktor peribahasa memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maksud sesuatu kata dalam menginterpretasikan makna item leksikal yang terdapat dalam al-Mu'jam al-Wasi:t.

Analisis kualitatif digunakan bagi mengenal pasti item leksikal yang mempunyai peribahasa berdasarkan kajian makna yang dilakukan terhadap peribahasa dari segi mana denotasi dan konotasi serta kajian terhadap penggunaannya mengikut konteks masyarakat dan budaya Arab.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan kepentingan penggunaan peribahasa dalam menerangkan makna item-item leksikal dalam mu'jam yang dapat mendedahkan kepada kita tentang keindahan kesenian dan budaya sesuatu bangsa khususnya bangsa Arab yang mana ianya akan menarik minat kepada pengguna-pengguna kamus dan juga pencinta bahasa Arab.

ABSTRACT

The research present an analysis that involves the study of lexicology related to the usage of proverbs in popular “Arabic Mu‘jam” generally used by Arabic language lovers and specifically by Malaysian students.

The analysis is based on the first and second section of the first chapter in of al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ dictionary and essays by Dr. Ibra:him Anis, Dr. ‘Abdul Ḥalim Muntaṣer, and Aṭiyyah al-Ṣowa:liḥiy Muḥammad Kholafullah Aḥmad. The usage of idioms in mu‘jam is to explain the meaning of certain words clearly and in a more interesting way.

The objective of this analysis is to identify the roles of idioms in delivering the meaning of certain words. Besides that, the study aims to identify the role of idioms in interpreting the meanings of certain lexicons found in al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ.

Qualitative analysis is used to explore the lexicons used in the form of idioms based on studies about connotation and denotation of meanings of idioms and the application of idioms, according to Arabic culture and society.

In conclusion, this study will reveal the important of the usage of idioms in the lexicons of mu‘jam. In addition, the research will have significance for all who are interested in the Arabic language and culture and especially the users of Arabic language dictionaries.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah diucapkan ke hadrat Ilahi yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang kerana dengan keizinan dan hidayahNya dapat saya menyiapkan penulisan disertasi ini.

Jutaan terima kasih ingin saya rakamkan kepada penyelia, iaitu Dr. Wan Hassan Wan Mat atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan sepanjang berlangsungnya penulisan disertasi ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin menghulurkan ucapan terima kasih kepada Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Dr. Jawakhir Mior Jaafar atas perkongsian ilmu yang diberikan.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya amnya dan Fakulti Bahasa dan Linguistik khasnya kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian dalam program sarjana dan memberi kerjasama dan khidmat nasihat berkaitan dengan pengajian sepanjang saya menjalankan penulisan disertasi ini. Buat pengurusan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, terima kasih atas kerjasama dan layanan yang telah diberikan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat keluarga tersayang di atas dorongan dan sokongan yang telah diberikan untuk saya meneruskan pengajian. Selain itu, dikalungkan juga ucapan jutaan terima kasih kepada kawan-kawan dan individu yang turut membantu dalam memberi galakan, sumbangan serta idea-idea yang bernas sepanjang penulisan ini.

Akhir kalam, saya mendoakan agar Allah SWT membalas segala pertolongan dan kebaikan ke atas mereka yang terlibat dalam membantu saya dalam menyiapkan disertasi ini.

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
JADUAL PEDOMAN TRANSLITERASI	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Soalan Kajian.....	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian.....	11
1.7 Tinjauan Kajian Yang Berkaitan	12
1.8 Metodologi Kajian.....	14
1.8.1 Prosedur Kajian.....	14
1.8.2 Bahan Kajian.....	14
1.8.3 Analisis Data.....	15
1.8.4 Temu bual	15
1.8.5 Rangka Kajian.....	16

1.9	Konsep Operasional.....	18
1.9.1	Leksikografi.....	18
1.9.2	Leksikologi.....	19
1.9.3	Perumpamaan.....	20
1.9.4	Semantik.....	22
1.9.5	Peribahasa Dari Sudut Kognitif Semantik.....	26
1.9.6	Budaya.....	26
1.9.7	Makna Konotasi Dan Denotasi.....	27
1.10	Kesimpulan.....	31

BAB 2: MATHAL DAN AL-MU‘JAM AL-WASI:T SERTA KEDUDUKAN PERIBAHASA DALAM MU‘JAM

2.0	Pendahuluan.....	33
2.1	Definisi Mathal (Peribahasa) Dalam Bahasa Arab.....	34
2.1.1	Definisi Mathal Dari Segi Bahasa.....	35
2.1.2	Definisi Mathal Dari Segi Istilah.....	37
2.2	Peribahasa Mengikut Perspektif Masyarakat Melayu.....	39
2.2.1	Mathal (Peribahasa) Dari Sudut Ilmu Bala:ghah.....	42
2.2.2	Tashbi:h.....	43
2.2.3	Isti‘a: raṭ /Metafora (الإِسْتِعَارَة).....	45
2.2.4	Isti‘a:raṭ Tamthi:liyyat Dan Mathal.....	47
2.2.5	Kinayat.....	48
2.3	Bentuk-Bentuk Mathal.....	51
2.3.1	Al-Mathal Al-Mu:jaz al-Sa:’ir (المَثَلُ الْمُوجِزُ السَّائِرُ).....	51
2.3.2	Al-Mathal Al-Qiya:siyy (المَثَلُ الْقِيَّاسِيُّ).....	52
2.3.3	Al-Mathal Al-Khura:fiyy (المَثَلُ الْخُرَائِيُّ).....	52

2.3.4	Al-Mathal Al-Islamiyy (المَثَلُ الإسلاميّ).....	53
2.4	Kepentingan Mathal	57
2.5	Faedah-Faedah Mathal	58
2.6	Peranan ilmu Bala:ghah.....	63
2.7	Kesimpulan.....	65
2.8	Ilmu Semantik Arab (عِلْمُ الدَّلَالَةِ / عِلْمُ الْمَعْنَى).....	67
2.9	Jenis-Jenis Makna.....	68
2.9.1	Makna Leksikal.....	69
2.9.2	Makna Kata Dan Makna Istilah	70
2.9.3	Makna Peribahasa	70
2.10	Medan Makna Dan Komponen Makna	71
2.11	Hubungan Antara Makna.....	73
2.11.1	Sinonim (التَّرَادُف)	74
2.11.2	Antonim (التَّضَادُّ).....	74
2.11.3	Polisemi (الَلْفُظُّ الْمُشْتَرَكُ أو الإِشْتِرَاكُ اللَّفْظِيّ).....	75
2.11.4	Homonim (المُجَانِسَةُ اللَّفْظِيَّة)	76
2.11.5	Hiponim dan Hipernim (الكَلِمَةُ الْمُنْدَرِجَةُ)	76
2.12	Kesimpulan.....	77
2.13	Sejarah Perkembangan Peribahasa Arab	78
2.13.1	Kedudukan Peribahasa Pada Zaman Jahiliah	79
2.13.2	Kedudukan Peribahasa Pada Zaman Islam Dan Selepasnya	83
2.13.3	Pengaruh Kesusasteraan Arab Zaman Moden	87
2.13.4	Perkembangan Pengumpulan Mathal Dan Penyusunannya.....	89

2.13.4.1	Al-Amtha:l Al-Fuṣḥaṭ (الأمثال الفُصْحَة).....	92
2.13.4.2	Al-Amtha:l Al-‘A:mmiyyaṭ dan Al-Sha`biyyaṭ (الأمثال الشعبية والأمثال العامية)	93
2.14	Jenis-jenis Mathal	95
2.15	Perkembangan Peribahasa Dalam Masyarakat Melayu.....	96
2.16	Perbandingan Peribahasa Arab Dan Melayu	97
2.17	Permulaan Sejarah Perkamusan Arab.....	97
2.18	Perkembangan Perkamusan Arab	98
2.19	Pengenalan Mengenai Al-Mu‘jam Al-Wasi:ṭ.....	100
2.19.1	Al-Mu‘jam Al-Wasi:ṭ; Sebagai Kamus Tradisi Dan Kamus Semasa	102
2.19.1.1	Ciri-ciri Kamus Tradisi.....	102
2.19.1.2	Ciri-ciri Kamus Semasa.....	104
2.19.2	Maklumat Yang Terdapat Dalam Al-Mu‘jam Al-Wasi:ṭ	106
2.19.3	Penggunaan Mathal Yang Terdapat Dalam Al-Mu‘jam Al-Wasi:ṭ.	107
2.20	Kesimpulan.....	108

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan.....	111
3.1	Pemilihan Sampel	111
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	112
3.3	Kaedah Kajian Kepustakaan.....	112
3.4	Kaedah Analisis	115
3.5	Kaedah Pengumpulan Peribahasa.....	116
3.5.1	Kaedah Analisis Mengikut Kosa Kata Dalam Peribahasa.....	116
3.5.2	Kaedah Analisis Secara Keseluruhan Berdasarkan Objektif Kajian ..	118

3.6	Kesimpulan.....	120
BAB 4: ANALISIS MATHAL DALAM ENTRI AL-MU‘JAM AL-WASI:T		
4.0	Pengenalan.....	122
4.1	Analisis Mengikut Setiap Kosa Kata Dalam Peribahasa.....	122
4.2	Analisis Secara Keseluruhan Berdasarkan Objektif Kajian	126
4.2.1	Analisis Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Hamzah	128
4.2.2	Analisis Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Ba:’	148
4.3	Persamaan Antara Peribahasa Arab Dan Melayu.....	173
4.3.1	Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Hamzah	174
4.3.2	Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Ba: `	187
4.4	Kesimpulan.....	199
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.0	Pengenalan.....	203
5.1	Rumusan	203
5.1.1	Makna Denotasi Dan Konotasi Dalam Peribahasa.....	204
5.1.2	Peribahasa Arab Dan Melayu	205
5.2	Cadangan	209
5.3	Kesimpulan.....	210
BIBLIOGRAFI.....		212
LAMPIRAN.....		220

JADUAL PEDOMAN TRANSLITERASI

Transliterasi ejaan Arab ke Melayu adalah berpandukan pedoman yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pascasiswazah Bahasa Arab (JAPSAR), Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

1. Huruf-Huruf Konsonan

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaanya
1.	ء	'	ba'asa: بَأْسَ
2.	ب	b	badala: بَدَلَ
3.	ت	t	taraka: تَرَكَ
4.	ث	th	thabata: ثَبَّتَ
5.	ج	j	jarasa: جَرَسَ
6.	ح	ḥ	ḥasuna: حَسُنَ
7.	خ	kh	khasha'a: خَشَعَا
8.	د	d	darasa: دَرَسَ
9.	ذ	dh	dhafira: ذَفِرَ
10.	ر	r	rashada: رَشَدَ
11.	ز	z	za:ra: زَارَ
12.	س	s	salaka: سَلَكَ
13.	ش	sh	shariba: شَرِبَ
14.	ص	ṣ	ṣabiḥa: صَبِيحَ
15.	ض	ḍ	ḍaḥika: ضَحِكَ
16.	ط	ṭ	ṭa'ima: طَعِمَ
17.	ظ	ẓ	ẓafira: ظَفِرَ
18.	ع	‘	'adala: عَدَلَ

19.	غ	gh	ghafara: عَفَرَ
20.	ف	f	fataha: فَتَحَ
21.	ق	q	qasama: قَسَمَ
22.	ك	k	kathura: كَثُرَ
23.	ل	l	lahana: لَحَنَ
24.	م	m	mathala: مَثَلَ
25.	ن	n	nabata: نَبَتَ
26.	ه	h	hazala: هَزَلَ
27.	و	w	warada: وَرَدَ
28.	ي	y	yabisa: يَبَسَ
29.	ة	t	ja:mi'at: جَامِعَةٌ

2. Huruf-Huruf Vokal Pendek.

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaanya
1.	اَ	a	karama: كَرَمَ
2.	إِ	i	labisa: لَبَسَ
3.	أُ	u	kutiba: كُتِبَ

3. Huruf-Huruf Vokal Panjang.

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaanya
1.	أَ	a:	ma:lik : مَالِك
2.	إِي	i:	ti:n : تَيْن

3.	وُ	u:	mandu:b : مَنْدُوب
----	----	----	--------------------

4. Diftong.

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaanya
1.	أَيّ	ay	zaytu:n : زَيْتُون
2.	أَوْ	aw	law : لَو

5. Tashdi:d.

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaanya
1.	يّ	y	makkiyy : مَكِّيّ

Perhatian:

Namun bagi perkataan yang telah dimelayukan, penyelidik tidak menggunakan kaedah transliterasi, memandangkan perkataan tersebut sudah biasa digunakan dalam penulisan bahasa Melayu.

SENARAI KEPENDEKAN

Bil.	Kependekan	Perkataan
1.	PhD	Tesis Ijazah Kedoktoran
2.	UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
3.	KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
4.	USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
6.	UIA	Universiti Islam Antarabangsa
7.	SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
8.	P	Halaman
9.	SAW	Sallallahu Alaihi Wasalam
10.	SWT	Subhanahu Wata'ala
11.	t.t	Tanpa Tarikh
12.	r.a	Radiallahuanhu

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Menurut Ali al-Qasimy dalam Taufiqurrahman (2008), leksikologi (عِلْمُ الْمَعَاجِم) merupakan salah satu cabang ilmu linguistik yang mengkaji perbendaharaan kata atau kosa kata dan maknanya dalam sebuah bahasa atau beberapa bahasa. Manakala leksikografi adalah satu bidang yang berkaitan dengan proses penyusunan kamus atau mu'jam yang membicarakan tentang makna perkataan yang sentiasa berubah yang melibatkan satu senarai perkataan (biasa dalam turutan abjad) bersama padanan maknanya, sebutan, ejaan, persamaan, padanan makna dalam bahasa lain (R.R.K. Hartmann, 1993).

Menurut Hartman (1986), leksikografi juga meliputi dua aspek penting iaitu, proses mengumpulkan kata-kata, memasukkan leksikal atau sebagainya dan dari aspek teori, iaitu ilmu leksikologi yang diperlukan dalam menghasilkan kamus.

Tugas utama kamus adalah untuk menyampaikan makna leksikal. Penyampaian makna ini dibuat dengan menggunakan leksikal-leksikal lain. Begitu juga dengan penggunaan mathal (peribahasa) dalam kamus atau sesebuah mu'jam ini adalah untuk menyampaikan memperjelaskan lagi tentang makna sesuatu leksikal yang digunakan dalam sesuatu ayat. Menurut Maḥmu:d Syari:f (1981, p.144), mathal adalah kata-kata yang mengumpamakan satu perkara dengan perkara yang lain dengan tujuan memberi penjelasan dan gambaran kepada satu pihak berkenaan.

Kajian tentang leksikal sememangnya merupakan salah satu ilmu yang penting dalam lapangan linguistik. Hal ini disebabkan kajian yang dilakukan terhadap sesuatu bahasa tidak sempurna sekiranya tidak disertai atau diabaikan unsur maknanya. Ini kerana wujudnya kerencaman jenis kata, bentuk kata dan kepelbagaian makna. Maka kata-kata dalam setiap bahasa dapat dikategorikan kepada beberapa jenis hubungan antara perkataan dan makna perkataan. Dengan itu, jenis ini pula akan melahirkan beberapa hubungan semantik. Hubungan-hubungan makna tersebut adalah seperti sinonim, antonim, homonim, homofon dan lain-lain.

Selain itu, kamus atau mu'jam juga berperanan menerangkan sesuatu pemakaian kata yang berubah dari satu generasi kepada generasi yang lain. Biarpun berlaku perubahan, bahasa tersebut tetap difahami oleh penuturnya bersesuaian dengan perkembangan zamannya. Perubahan bahasa biasanya melibatkan perubahan dari segi bunyi, bentuk, dan makna. Perubahan makna dapat dikenal pasti apabila sesuatu bahasa diujarkan dengan menggunakan perkataan-perkataan yang jarang dituturkan yang memiliki pelbagai taburan makna.

Kajian ini pada dasarnya adalah bertujuan untuk meninjau dan memperkenalkan gaya bahasa peribahasa dengan lebih mendalam dan terperinci. Ia juga merupakan satu kaedah retorik Arab yang menampilkan aspek-aspek kehalusan dan keindahan bahasa serta rahsia-rahsia yang tersurat dan tersirat yang boleh memberi kesan kepada pengkaji dan pembaca.

Menurut Palmer (1981), terdapat beberapa aspek lain yang membentuk hubungan makna dalam semantik leksikal, termasuklah yang meliputi aspek sinonim, antonim, homonim, hiponim atau hipernim. Pelbagai hubungan makna ini secara kebetulan mempengaruhi kaedah huraian semantik dalam sesebuah mu‘jam.

Pengkaji berpendapat bahawa aspek perhubungan makna merupakan satu aspek yang penting. Oleh itu, kajian makna dalam lexis bahasa yang terdapat dalam mu‘jam yang diselitkan dengan peribahasa Arab merupakan topik yang menjadi fokus kajian. Tujuannya adalah untuk menyingkap keindahan dan kekuatan gaya bahasa perumpamaan dalam peradaban bahasa Arab umumnya dan mu‘jam khususnya.

Hal ini seterusnya telah mencetuskan idea serta ilham terhadap pemilihan tajuk ini. Di samping itu, ia dapat memberi peluang kepada penulis untuk menambahkan lagi sumber-sumber rujukan bahasa Arab.

Jika kita perhatikan, aspek semantik sangat mendapat perhatian dan diberi penekanan dalam proses penyusunan sesebuah kamus kerana aspek mencari makna sesuatu perkataan dalam kamus adalah pendorong utama seseorang itu merujuk kamus.

Persoalan ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Clarena Barnhat (1955) dan R.Quizk (1972) dalam Ibra:him Aḥmad (1994, p.104), yang menyatakan “atas alasan apa pengguna kamus merujuk sesebuah kamus untuk mencari makna sesuatu perkataan

dapat difahami dengan mudah sesuai dengan konsep kamus sebagai buku rujukan mengikut abjad diberi makna dan keterangan lain yang berkaitan, maka kamus memberi interpretasi makna secara tepat dan tuntas kepada pengguna kamus mengikut konteks penggunaan sesuatu perkataan”.

Jadi, tujuan utama peribahasa adalah memberi pemahaman akan makna sesuatu perkataan mengikut konteksnya yang sesuai. Walaupun penggunaan peribahasa tidak mendapat tumpuan dalam bidang leksikografi, namun pengkaji merasakan bahawa penggunaannya amat penting dalam bidang ini agar lebih memudahkan pengguna kamus mencari bahan rujukan secara efektif dan berkesan dengan hanya merujuk kepada satu sumber iaitu mu‘jam secara tidak langsung dapat memahami peribahasa itu sendiri.

1.1 Latar Belakang Kajian

Peribahasa merupakan salah satu aspek kajian dalam bidang Bala:ghah Arab yang merupakan salah satu entri yang terdapat dalam sesebuah kamus atau mu‘jam Arab. Gaya bahasa ini membawa kepada perbandingan antara sesuatu leksikal dengan leksikal tertentu, iaitu secara tidak langsung ia dapat memberi maksud tentang sesuatu perkara yang ingin disampaikan dengan tepat dalam bentuk gambaran yang menarik.

Penggunaan peribahasa yang terdapat dalam mu‘jam juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan boleh difahami maknanya yang asal dan juga pelbagai makna lain (dari segi ilmu Bala:ghah) bergantung kepada leksikal yang terdapat dalam konteks ayat yang ingin digambarkan, seperti perkataan ‘akala’ (أَكَلًا), yang membawa maksud

‘makan’ perkataan bertujuan membandingkan sifat makan (sifat yang ada pada manusia) dengan ‘masa’. Contoh yang didatangkan dalam mathal tersebut:

“أَكَلَ عَلَيْهِ الدَّهْرُ وَشَرِبَ”

Makna literal, “telah dimakan dan diminum oleh masa”. Manakala makna lain (konotasi) yang boleh difahami disebalik ungkapan ini membawa makna “orang yang lanjut usianya dan banyak pengalaman” (al-Mayda:niyy, 1978, p. 39).

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, gaya bahasa peribahasa merupakan salah satu gaya bahasa dalam bidang Bala:ghah. Bidang ini merupakan bidang yang menumpukan aspek semantik dalam perbincangannya dan merupakan satu kajian yang menarik untuk dikaji oleh pencinta bahasa Arab kerana gaya bahasa ini mengandungi makna denotasi dan konotasi yang membawa spesifikasi makna tertentu.

Hasrat pengkaji untuk menyingkap keindahan dan kekuatan uslub bahasa perumpamaan dalam peradaban bahasa Arab umumnya dan mu‘jam khususnya telah mencetuskan idea serta ilham terhadap pemilihan tajuk ini.

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi peluang untuk menambahkan lagi sumber-sumber rujukan bahasa Arab. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, gaya bahasa peribahasa merupakan salah satu gaya bahasa dalam bidang Bala:ghah. Bidang ini merupakan bidang yang menumpukan aspek semantik dalam perbincangannya dan merupakan satu kajian yang menarik untuk dikaji oleh pencinta bahasa Arab kerana

gaya bahasa ini mengandungi makna denotasi dan konotasi yang membawa spesifikasi makna tertentu.

1.2 Permasalahan Kajian

Sepertimana yang diketahui, peribahasa kurang mendapat perhatian umum. Hakikatnya, gaya bahasa peribahasa Arab penting kepada pencinta bahasa Arab kerana ia dapat memperkenalkan penggunaan sesuatu perkataan yang jarang digunakan dalam konteksnya yang sesuai. Hal ini kerana kebanyakan peribahasa banyak ditemui dalam karya klasik. Jadi, pengkaji telah terpanggil untuk meneliti aspek kajian ini dan diharapkan agar kajian seumpama ini dapat membantu pencinta bahasa Arab memperkaya kosa kata bahasa Arab secara tidak langsung dapat memahami adat dan budaya masyarakat Arab melalui peribahasa itu sendiri.

Kepentingan penggunaan gaya bahasa ini tidak terbatas hanya kepada mereka yang berkecimpung dalam bidang bahasa sahaja malahan ia juga berguna kepada mereka yang minat untuk mempelajarinya walaupun di luar bidangnya.

Walaupun begitu, bidang ini belum lagi menarik minat para pengkaji di negara kita. Tidak ramai yang membuat kajian yang mendalam tentang penggunaan peribahasa Arab kerana kekurangan rujukan dan kebanyakannya terdapat dalam buku berbahasa Arab.

Kajian mengenai penggunaan peribahasa Arab dalam mu'jam juga masih kurang meluas, walaupun kita sedar tentang penggunaan gaya bahasa ini telah lama digunakan dalam percakapan masyarakat Arab secara umumnya dan dalam peradaban dunia sastera Arab secara khasnya. Oleh itu ia merupakan satu sumber yang penting dan

menarik bagi pencinta bahasa Arab, serta telah menarik minat pengkaji membuat kajian mengenai isu ini. Hal ini kerana, kajian peribahasa di dalam mu‘jam masih belum dikaji sepenuhnya. Kebanyakan kajian mengenainya dibuat dalam al-Qur’an al-Karim dan juga Hadith.

Dalam kes ini, ramai pengkaji terlepas pandang terhadap gaya bahasa ini. Hal ini mungkin kerana kurang pendedahan tentang bentuk-bentuk keunikan Bala:ghah yang terdapat dalam gaya bahasa tersebut dan merupakan bidang kajian yang agak rumit dalam kalangan para pelajar di Malaysia kerana melibatkan adat dan adab masyarakat luar.

Hal ini juga dapat dilihat dari aspek penggunaan bahasa yang digunakan dalam kalangan pengguna kamus di negara kita tidak menitikberatkan gaya bahasa yang terdapat dalam peribahasa kecuali pada aspek-aspek atau bidang-bidang yang tertentu sahaja. Hal ini kerana gaya bahasa Bala:ghah ini memerlukan kepada pengamatan dan kepekaan bahasa. Oleh yang demikian, kebanyakan peribahasa terpinggir dan tidak begitu mendapat perhatian dalam kalangan pengguna mu‘jam pada masa kini.

Kebanyakan pengarang dan penyusun kamus menyentuh dan mengupas persoalan peribahasa secara tidak langsung ketika menerangkan makna leksikal bagi setiap entri yang disusun dalam kamus. Selain itu, mereka menerangkan makna perumpamaan dari sudut literal sahaja tanpa penghuraian makna secara teknikal. Maka, berlaku sedikit kesukaran dalam kalangan pengguna mu‘jam yang ingin mengkaji makna leksikal dengan lebih mendalam.

Oleh itu, mereka terpaksa memikirkan sendiri atau mencari rujukan lain bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengguna kamus, terutama dalam mencari makna denotasi dan konotasi¹. Sebagai contoh: "أَكَلُ مِنَ الشُّوسِ"² (makan lebih banyak daripada ulat), perkataan 'أَكَلُ' 'makan' menunjukkan makna denotasi iaitu sifat atau perlakuan manusia ataupun haiwan yang dapat difahami maknanya secara literal, sebagaimana yang dinyatakan di sini, tabiat makan yang sandarkan pada ulat, iaitu sentiasa makan tidak kenyang-kenyang, dibandingkan dengan sifat manusia bukan dari sudut perbuatan tetapi dari sudut makna konotasinya, iaitu sifat orang yang tidak pernah kenyang, juga orang suka membelanjakan wang 'boros' (Rathomy, 1982, p. 28).

Dalam huraian di atas, kita dapati bahawa terdapat unsur metafora yang membandingkan sifat serangga dengan manusia, iaitu orang yang kuat makan seperti ulat. Di sini pengkaji mendapati bahawa unsur semantik kognitif diterapkan untuk memperlihatkan nilai budaya dan sosial yang terdapat dalam masyarakat Arab. Gambaran ini digambarkan melalui penggunaan peribahasa.

Metafora juga menjadi model yang memberi makna kepada sifat dan perlakuan manusia, haiwan dan objek lain dalam rangkaian haiwan dan objek lain dalam rangkaian itu. Kita dapat memahami manusia dari sudut makhluk lain dalam rangkaian itu dan juga menerangkan perlakuan sesuatu haiwan dari sudut sifat dan perlakuan manusia.

Perlakuan kehidupan haiwan merupakan satu perlakuan yang paling berhasil dan produktif untuk memahami perlakuan manusia (Lakoff & Turner, 1989).

¹ .Makna denotasi dan konotasi adalah merupakan satu kata yang mempunyai dua makna iaitu makna sebenar dan makna baru yang terhasil daripada kiasan iaitu makna yang tersirat pada perkataan tersebut.

² .al-Wasi:t, jld 1:22.

Oleh sebab pengkajian ini bukan merupakan satu bidang yang mudah, pengkaji masih lagi menghadapi kesukaran dalam membezakan perubahan makna mengikut mengikut konteks dan situasi.

Menyedari hakikat ini, pengkaji merasa terpenggil untuk mengkaji penggunaan mathal dalam mu‘jam tersebut, khususnya dalam aspek makna. Dalam disertasi ini, pengkaji meneliti dan menganalisis kedudukan mathal dalam bab-bab dengan menyenaraikan bilangan kemasukannya dan meletakkan dalam jadual bagi memudahkan rujukan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini berhasrat untuk mencapai tiga objektif utama. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti peribahasa Arab dalam entri mu‘jam dari segi makna denotasi (hakiki) dan konotasi (maja:zi).
2. Menerangkan penggunaan peribahasa yang diselitkan dalam leksikal al-Mu‘jam al-Wasi:ʔ.
3. Merumuskan persamaan peribahasa Arab dan Melayu dari sudut makna.

1.4 Soalan Kajian

Di sini penyelidik mengemukakan beberapa persoalan kajian berdasarkan objektif kajian dan permasalahan kajian.

1. Apakah makna denotasi dan konotasi yang terdapat peribahasa Arab?
4. Apakah penggunaan peribahasa yang diselitkan dalam leksikal al-Mu‘jam al-Wasi:ʔ?

2. Apakah terdapat persamaan di antara peribahasa Arab dan Melayu dari sudut makna?

1.5 Kepentingan Kajian

Gaya bahasa peribahasa Arab penting kepada pencinta bahasa Arab kerana ia dapat memperkenalkan penggunaan sesuatu perkataan yang jarang ditemui dan digunakan dalam teks biasa. Hal ini kerana kebanyakan peribahasa banyak ditemui dalam karya klasik. Jadi, kajian ini dapat membantu pencinta bahasa Arab memperkaya kosa kata bahasa Arab secara tidak langsung dapat memahami adat dan budaya masyarakat Arab melalui peribahasa itu sendiri.

Selain itu, kajian ini akan mendedahkan kepada para pembaca akan kepentingan memahami makna konteks sesuatu leksikal tanpa melihat makna literal semata-mata. Selain itu, kajian ini dapat membantu para pembaca untuk mendalami makna mathal melalui rujukan mereka terhadap kamus. Melalui kajian ini juga, para pembaca dapat menilai aspek-aspek kekuatan dan kelemahan yang dapat dicungkil melalui kamus ini khususnya berkaitan dengan pemerian makna bagi setiap leksikal dalam entri yang disusun dalam mu'jam.

Rentetan daripada itu, kajian ini juga menganalisis gaya bahasa peribahasa ini dari beberapa aspek penting seperti pengelasan, tujuan dan keistimewaannya. Oleh kerana makna leksikal terdedah kepada banyak faktor yang mendorong kepada perubahan, pengkaji perlu menghuraikan aspek-aspek ayat yang terdapat dalam mu'jam untuk mendedahkan makna-makna leksikal yang berkaitan bagi mengetahui keberkesanannya dalam menyampaikan sesuatu mesej.

Oleh itu, kajian ini perlu diberi perhatian dan tumpuan agar ia dapat memberi sumbangan yang bermanfaat dalam penerokaan ilmu retorik dengan menerokai keunikan makna leksikal yang menampilkan gaya bahasa Arab yang biasanya dapat dipaparkan melalui susunan ayat (dalam bentuk mathal).

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini di bawah bidang leksikografi bahasa Arab. Secara keseluruhannya, kajian ini berkisar mengenai penggunaan bahasa perumpamaan bahasa Arab yang terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ.

Pengkaji hanya memilih dua bab utama al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ iaitu bab huruf hamzah dan ba:ḥ bagi mengumpulkan data kajian. Pengkaji hanya mencari perkataan yang bermula dengan huruf hamzah dan ba:ḥ sahaja dan menggunakan peribahasa dalam membuat penghuraian makna perkataan.

Kajian ini membincangkan aspek penggunaan peribahasa melibatkan bidang semantik dari segi proses pemerian makna, dari sudut denotasi dan konotasi serta penggunaan uslub yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Secara keseluruhannya ia tertumpu kepada perbincangan dan perbahasan berkaitan analisis leksikal yang diselitkan dengan gaya bahasa perumpamaan yang terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ.

Seterusnya pengkaji dapat menampilkan huraian yang lengkap berdasarkan kajian ini, iaitu berkisarkan gaya bahasa pada mathal, penggunaan dan tujuannya dalam mu'jam tersebut melalui data kajian yang telah dipilih.

1.7 Tinjauan Kajian Yang Berkaitan

Pengkaji telah meninjau beberapa kajian yang telah dilakukan khususnya oleh ahli ilmuwan di negara kita dan juga ahli bahasa di negara Arab. Kajian tentang leksikografi kurang mendapat perhatian kalangan para sarjana bahasa kini.

Walaupun kajian ini telah lama dikaji oleh ulama' bahasa Arab silam tetapi bagi pengkaji, kajian ini merupakan perkara baru yang melibatkan dua disiplin ilmu, iaitu ilmu Bala:ghah dan ilmu leksikografi Arab secara khusus. Justeru itu, pengkaji berusaha memberikan tumpuan dalam bidang ini dengan membuat tinjauan yang berkaitan dengan kajian ini.

Antara kajian yang berkaitan dengan tajuk ini adalah seperti berikut:

Kajian pertama bertajuk "Penggunaan Gaya Bahasa Perumpamaan Dalam Al-Qur'an: Satu Analisis" oleh Azhar Muhammad pada tahun 1997 merupakan sebuah disertasi pada peringkat Ijazah Sarjana. Kajian ini menampilkan perumpamaan-perumpamaan yang dikemukakan oleh al-Qur'an al-Karim kepada manusia untuk dikaji dengan lebih lanjut maksud tersirat dan tersurat yang ingin disampaikan. Beliau berpendapat gaya bahasa perumpamaan dalam al-Qur'an berperanan penting bukan sahaja untuk menyampaikan mesej, tetapi sebagai penghubung antara manusia dan penciptanya.

Manakala kajian kedua, iaitu kajian mengenai bidang leksikografi. Kajian ini bertajuk “Kajian Medan Maklumat Di Dalam al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ” oleh Radzuan bin Ahmad pada tahun (1999). Merupakan sebuah disertasi Ijazah Sarjana. Disertasi ini membincangkan mengenai medan maklumat yang terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ. Walaupun begitu kajian ini tidak menyentuh secara terperinci mengenai penggunaan leksikal mathal yang terdapat dalam medan maklumat mu‘jam tersebut.

Kajian yang ketiga adalah mengenai peribahasa Arab. Kajian ini bertajuk ”Pemburuan dalam bahasa Arab” oleh Wan Hassan Wan Mat dalam tesis PhD beliau pada tahun 2009. Tesis ini membincangkan mengenai mathal yang difokuskan kepada haiwan, peralatan buruan dan teknik pemburuan yang terdapat dalam kitab ‘Majma‘ al-Amtha:l karangan Ahmad bin Muhammad al-Mayda:niyy.

Kajian seterusnya mengenai perkamusan Arab yang mengkaji tentang kamus Arab, “al-Misba:h al-Muni:r” karya al-Fayyumiyy oleh Wan Mat Wan Teh dalam disertasi Ijazah Sarjana beliau pada tahun 1985. Seterusnya kajian lain di peringkat Ijazah Sarjana seperti: “Kepentingan Membezakan Hakikat dan Maja:z” oleh Salsabil Haji Mohd Zain (2009) dan sebagainya. Perbincangan beliau hanya difokuskan kepada perumpamaan yang terdapat dalam al-Qur’an dan Hadith sahaja. Walaupun begitu, bidang yang berkaitan dengan perumpamaan yang terdapat dalam mu‘jam belum lagi diterokai secara meluas.

1.8 Metodologi Kajian

Pengkaji menjalankan kajian ini dengan menggunakan pelbagai kaedah. Kajian yang pertama ialah kaedah pengumpulan data yang melibatkan kajian perpustakaan yang mana al-Mu‘jam al-Wasi:t merupakan bahan primer dan rujukan dari sumber lain merupakan rujukan sekunder.

Kaedah yang seterusnya ialah kaedah menganalisis data sehinggalah kepada kaedah mengorganisasikan pemerolehan data dalam bentuk penulisan. Lanjutan perbincangan yang terperinci berkenaan kaedah kajian yang digunakan akan dilakukan oleh pengkaji dalam bab yang seterusnya, iaitu dalam metodologi kajian.

1.8.1 Prosedur Kajian

Kajian ini dibuat dengan mengeluarkan gaya bahasa peribahasa yang terdapat dalam kamus al-Mu‘jam al-Wasi:t. Peribahasa ini seterusnya diasingkan mengikut huruf berdasarkan entri leksikal yang terlibat. Leksikal ini seterusnya akan dianalisis dengan menjelaskan maknanya secara denotasi dengan merujuk kamus dan makna konotasi dengan merujuk kepada konteks penggunaannya dalam peribahasa. Peribahasa Arab ini akan dibandingkan dengan peribahasa Melayu yang sesuai dari segi makna.

1.8.2 Bahan Kajian

Bahan kajian terdiri daripada pelbagai leksikal yang terdapat dalam entri di dalam mu‘jam. Walaupun di dalam entri tersebut terdapat pelbagai jenis kata masukan, namun pengkaji hanya memilih leksikal yang berkaitan dengan peribahasa sahaja untuk

dijadikan bahan analisis. Bahan ini melibatkan jenis kategori-kategori yang terdapat dalam peribahasa tersebut yang terdapat dalam bab-bab yang tertentu.

1.8.3 Analisis Data

Pengkaji menganalisis teks yang dipilih dan difokuskan terhadap entri yang terdapat di dalam al-Mu‘jam al-Wasiṭ yang ditulis oleh Ibra:him Anis, ‘Abdul Ḥalim Muntaṣer, Aṭiyyah al-Ṣowa:lihiy dan Muḥammad Kholafullah Aḥmad.

Penganalisan data dalam pemerian makna mathal merangkumi semua entri yang terdapat di dalam mu‘jam tersebut yang bermula dari setiap bab. Penulis meneliti satu persatu unsur-unsur yang terkandung di dalamnya. Selain itu, analisis ini juga bertujuan untuk menentukan ciri-ciri yang terkandung di dalam sampel kajian dan akhirnya mengkategorikan mengikut kategori-kategori yang tertentu.

1.8.4 Temu bual

Pengkaji juga mengadakan perbincangan secara tidak formal dengan orang-orang yang pakar dalam bidang Bala:ghah dan juga penutur natif bahasa itu sendiri. Hasil daripada perbincangan ini pengkaji akan mengutarakan beberapa permasalahan berkenaan topik ini agar dapat menghuraikan permasalahan yang terdapat sepanjang penyelidikan untuk memantapkan lagi mutu kajian ini.

Kajian ini bertujuan mendedahkan makna-makna denotasi dan konotasi yang terdapat dalam penggunaan leksikal disebalik gaya bahasa peribahasa dalam bahasa Arab.

Selain itu, kajian ini juga bermotif untuk melihat teori yang terdapat dalam gaya bahasa peribahasa ini diaplikasikan dalam penggunaan leksikal tersebut.

1.8.5 Rangka Kajian

Secara umumnya kandungan kajian ini adalah seperti berikut:

Bab Pertama

Penulis akan membincangkan mengenai bab ini dengan mendedahkan pengenalan tajuk kajian yang akan dibincangkan secara umum, iaitu menyentuh pengenalan tentang leksikografi dan leksikologi, latar belakang kajian dan permasalahan kajian. Setelah itu penulis akan mengemukakan objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan metod pengumpulan data, langkah dan kaedah yang dijalankan satu persatu sebelum kajian ini diperoleh.

Bab Kedua

Bab ini membincangkan tentang mathal dan perkembangannya serta perkara yang berkaitan dengan mu'jam. Kajian ini adalah mengisarkan lanjutan pengenalan secara terperinci tentang definisi mathal dan pandangan ahli retorik Arab terhadap Gaya bahasa peribahasa dan menerangkan kesenian asas gaya bahasa perumpamaan. Selain itu, sejarah perkembangan al-Mu'jam al-Wasi:ṭ dan juga penggunaan mathal dalam mu'jam akan diterangkan dalam bab ini. Pengenalan tentang kamus, kajian mengenai pengarang kamus dan penyusunan kamus serta pembahagian asas yang dilakukan terhadap gaya bahasa perumpamaan, penggunaan mathal dalam kamus, faktor

perubahan makna, hubungan makna dengan makna dan keistimewaan kajian dalam bab ini turut diperbincangkan.

Bab Ketiga

Manakala dalam bab ketiga, pengkaji menjelaskan metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian, untuk mencapai objektif yang digariskan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif daripada data yang diperolehi daripada entri dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t.

Bab Keempat

Dalam bab ini pula, merupakan analisis kajian yang dijalankan dengan membawa contoh-contoh entri yang terdapat dalam mathal yang ada dalam setiap bab dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t. Tinjauan terhadap keutamaan pengarang meletakkan makna dari sudut makna denotasi dan konotasi iaitu dari bahasa sumber kepada bahasa sasaran serta kajian tentang penggunaannya.

Contoh-contoh tersebut dianalisis berpandukan data yang diperoleh setelah membuat kajian yang terperinci dari bab ke bab mengenai kemasukan entri yang mengandungi mathal dalam mu‘jam tersebut.

Bab Kelima

Bab ini adalah dapatan dan kesimpulan kepada perbincangan yang telah dikupas dengan panjang lebar dalam kajian yang berikutnya. Pengkaji membuat rumusan berdasarkan kesimpulan yang diperoleh dan seterusnya dikemukakan cadangan dan penutup.

1.9 Konsep Operasional

Konsep operasional ini bertujuan membincangkan definisi serta lingkungan pengertian yang berkaitan dengan kajian. Pengertian yang terperinci dan pemerian konsep hanya dilakukan pada topik-topik kajian utama yang berkaitan dengan aspek kajian.

Setiap konsep operasional yang dikemukakan dalam topik ini mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain. Konsep-konsep operasional dalam kajian ini merangkumi topik perumpamaan, semantik dari segi makna, makna denotasi dan makna konotasi dan juga leksikografi.

1.9.1 Leksikografi

Menurut Walker (1986) dalam Salinah Jaafar (1995), bidang leksikografi bermula sejak dari abad pertama Masihi lagi iaitu bermula dengan bentuk senarai kata, dan kini berkembang pesat sehingga menghasilkan beberapa penyelidikan yang berguna selain dari menghasilkan kamus. Ianya adalah merupakan salah satu bidang yang berkaitan dengan perancangan korpus.

Perkataan 'kamus' berasal dari bahasa Arab yang bermaksud lautan, samudera yang sangat dalam dan berbahaya (A.Teeuw, 1964, p. 388). Perkataan ini juga mungkin berasal dari Parsi. Ianya dikenali dengan istilah mu'jam dalam bahasa Arab. Kamus yang mula-mula sekali menggunakan istilah ini ialah, Mu'jam al-Sahabah, yang dihasilkan oleh Abu Jala:l Aḥmad bin 'Ali al-Muthanna (Abdullah Hussain, 1970, p. 339).

1.9.2 Leksikologi

Leksikologi adalah merupakan salah satu ilmu yang membicarakan tentang penggunaan leksikal dalam sesuatu ayat.

Leksikologi berasal dari bahasa Yunani 'lexico' atau 'leksikon' ia merupakan satu cabang ilmu linguistik yang membincangkan tentang kata, sifat, makna, hubungan antara kata (semantik), kelompok kata, serta keseluruhan leksikon. Ilmu ini berkait rapat dengan leksikografi yang juga ilmu yang berkaitan kata, terutama dalam kaitannya dengan penyusunan kamus. Dengan kata lain, leksikografi juga disebut sebagai penerapan praktis dari leksikologi.³

Sementara kata lexis pula berasal dari perkataan Greek. Lexis yang bermakna 'speech'. Istilah ini popular kerana sering digunakan untuk merujuk kepada sesuatu kata dan merupakan perkataan Greek yang asli. Menurut Ison, lexis merupakan satu istilah yang khusus terdapat dalam linguistik British yang menunjukkan kosa kata sebuah bahasa atau sub bahasa yang mengandungi leksemnya (Mac Athur 1992, p. 602).

Kamus Dewan (1994, p. 785) mentakrifkan lexis sebagai perbendaharaan kata sesuatu bahasa, kosa kata, leksikon. Lexis merupakan sinonim kepada perkataan leksikon yang juga bermakna perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau sesuatu bidang.

³.dalam wikipedia bebas

Penggunaan sesuatu lexis dalam sesuatu bahasa terikat dengan budaya bahasa itu dan peredaran zaman. Ini kerana terdapat juga perkataan yang dulunya digunakan dengan maksud lain, tetapi digunakan dengan maksud lain pada masa kini. Hal ini berteraskan pengalaman dalam kehidupan masyarakat atau cerita-cerita Arab kuno. Seperti penggunaan kata yang terdapat pada leksikal ‘qita:r’ (قِطَار) yang difahami pada masa kini ialah keretapi tetapi pada masa dahulu ia bermaksud sekumpulan kafilah Arab yang mengenderai unta yang berjalan dengan beratur seperti kereta api (al-Mu`jam al-Wasi:t, 1972, p. 74).

Untuk memahami maksud sesuatu peribahasa, kajian tentang sesuatu budaya juga perlu untuk mendapatkan maksud yang lebih tepat. Menurut an-Najja:r (1984, p. 6), menterjemahkan sesuatu teks, bererti memindahkan corak hidup dan konsep (makna) daripada bahasa sumber menerusi sistem linguistik budaya penerima.

1.9.3 Perumpamaan

Kamus dewan Edisi Empat mentakrifkan perumpamaan yang berasal dari kata umpama dengan tiga entri makna iaitu:

- i. Kata umpama iaitu sesuatu yang dianggap sama dengan ibarat, mithal dengan menggunakan lambang, penyajak dapat memberi makna yang banyak dan berlapis-lapis pada ungkapan-ungkapan.
- ii. Peribahasa yang berupa perbandingan dengan sesuatu yang lain (umumnya yang mengandungi ujaran).
- iii. Sesuatu yang dijadikan contoh, mithal-mithal yang telah berlaku dan lain-lain.

Perumpamaan (mathal) yang dimaksudkan adalah merupakan salah satu contoh ayat yang berperanan untuk menerangkan makna leksikal yang terdapat dalam entri yang terdapat dalam sesebuah kamus atau mu'jam. Perumpamaan ialah kata yang mengumpamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain yang mana ianya bertujuan untuk menampilkan kehalusan gambaran sesuatu makna leksikal yang terdapat dalam sesebuah kamus atau mu'jam dan dikaitkan dengan unsur-unsur lain.

Perumpamaan dalam bahasa Arab tertumpu kepada makna-makna contoh dan persamaan. Kemudian ia diperluaskan lagi kepada kata-kata yang bertujuan untuk memberi perumpamaan dan perbandingan antara satu perkataan dengan perkataan lain. Antara bentuk-bentuk yang berkaitan dengan perumpamaan ialah al-tasybih (similie), al-maja:z (perlambangan), al-isti'a:rat (metafora), personifikasi dan sebagainya.

Kebanyakan pelajar keliru mengenai perbezaan di antara perumpamaan dengan peribahasa. Oleh itu, pengkaji mengupas secara sepintas lalu mengenai perbezaan antara kedua-duanya. Untuk mengetahui dengan lebih tepat, pengkaji telah mengemukakan maksud peribahasa dengan merujuk kepada kamus, iaitu:

- i. Menurut kamus Dewan, peribahasa bermaksud ayat atau kelompok yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, ianya termasuklah bidalan, pepatah, pegangan mereka yang teguh seperti yang terdapat dalam contoh tersebut “biar mati anak, jangan mati adat, sudah cukup menerangkan kebudayaan mereka. (Kamus Dewan Edisi Empat).
- ii. Peribahasa juga bermaksud bidalan, pepatah, ayat atau kelompok kata yang tetap susunannya dan mempunyai maksud yang tertentu. (Kamus Pertamaku, 1994).

- iii. Mengikut (Tesaurus Bahasa Melayu Dewan, 2005), peribahasa (kata Nama) pula bersinonim dengan bidalan, personifikasi, analogi, hiperbola, ibarat, kiasan, pematah, pepatah, perbahasan, tamsil, ucapan, bahasa, ujar-ujar, ungkapan, perumpamaan dan juga metafora.

Oleh itu peribahasa adalah lebih bersifat umum bersinonim dengan bidalan, personifikasi, analogi, hiperbola, ibarat, kiasan, pematah, pepatah, perbahasaan, tamsil, ucapan, bahasa, ujar-ujar, ujar-ujaran, ungkapan, mamang, perumpamaan, metafora. Manakala perumpamaan adalah salah satu ungkapan yang lebih bersifat khusus bersinonim dengan ibarat, misal, laksana, seperti, macam, amsal, sebagai dan bak.

1.9.4 Semantik

Istilah semantik berasal dari kata Yunani kuno 'sema' yang bermaksud 'isyarat'. seterusnya kata itu menerbitkan kata 'semantikos' yang bermaksud 'bererti'⁴. Dari itu, terbitlah istilah semantik ilmu yang mengkaji tentang kajian makna dan makna adalah sebahagian daripada bahasa, maka semantik juga menjadi sebahagian daripada linguistik. Malangnya 'makna' meliputi pelbagai aspek bahasa (F.R. Palmer, 1992).

Kajian semantik juga berkaitan dengan kajian tentang sesuatu lambang yang mempunyai skop gunaan yang lebih luas terhadap bahasa. Kebanyakan ahli bahasa pada hari ini memberikan keutamaan kepada suatu penghuraian makna yang formal dari segi konteks. Secara intuitif, bidang makna boleh digunakan sebagai rujukan (cross-reference) pada setengah-setengah tempat dalam sesuatu penyelidikan.

⁴.Linguistik Am 1981:225

Bidang ini membahagikan kepada beberapa hakikat makna iaitu:

i. Pilihan menentukan makna

Unsur ini penting dalam menentukan makna sebagai contoh perkataan ‘selamat pagi’ walaupun ianya diucapkan setiap pagi dan menjadi bahasa basahan bagi seseorang dan kadangkala maknanya sudah dilupakan kerana ianya sudah menjadi satu kebiasaan penggunaanya, namun, kata-kata ini masih menunjukkan kata-kata yang berguna seperti berfungsi memberi hormat, berfungsi dari segi sosial untuk berbaik, membuka perbualan dan lain-lain.

ii. Makna berhubung dengan kebudayaan

Lyons (1969) mengatakan proses menjadi dwibahasa itu merupakan proses penyerapan dua kebudayaan oleh penutur tersebut. Dengan kata lain, bahasa amatlah rapat dengan kebudayaan dalam mana bahasa itu dituturkan. Contoh terjemahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu iaitu ‘take a seat’ ‘mengambil tempat duduk’ kalau diamati betul-betul ucapan ini akan menyebabkan orang akan mengambil kerusi untuk dibawa ke mana-mana. Sesuatu ungkapan perlulah diterjemahkan dan difahami dari segi kebudayaan untuk menghasilkan makna yang tepat. Oleh itu, budaya juga turut mempengaruhi perujuk dalam memahami maksud entri yang dirujuk, perkara ini boleh dilakukan dengan merujuk kepada penutur jati bahasa Arab itu sendiri yang lebih memahami budaya dan bahasa yang dipertuturkan (Eugene. A.N, 1998).

iii. Makna bergantung pada konteks

Konteks juga memang penting dalam makna. Makna sesuatu perkataan yang diujarkan boleh diketahui dengan melihat konteks penggunaan perkataan itu⁵. Di sini pengkaji mendatangkan contoh dalam perkataan Arab iaitu perkataan, ‘الصَيَّاد’ (al-ṣayya:d), bermaksud nelayan bila digabungkan dengan kata ‘laut’ manakala bila di hutan ia bermaksud pemburu dan di sungai ia bermaksud pemancing atau pengail.

Contoh ayat tersebut:

- a. “صَادَ الصَيَّادُ الْأَسْمَاكَ فِي الْبَحْرِ” (nelayan itu telah menangkap ikan di laut).
- b. “صَادَ الصَيَّادُ الْأَسَدَ فِي الْغَابَاتِ” (pemburu itu telah menangkap seekor singa di hutan).
- c. “صَادَ الصَيَّادُ الْأَسْمَاكَ فِي النَّهْرِ” (pengail itu telah menangkap ikan di sungai).

iv. Medan makna

Dalam mencuba memberi makna kepada sesuatu biasanya kita menggunakan kata-kata lain, contohnya apabila kita memberi makna universiti, maka banyak lagi kata-kata lain yang mempunyai kaitan dengan makna tersebut seperti pensyarah, professor, kuliah, siswa, makmal dan sebagainya, iaitu kata yang mencakupi medan makna tersebut.

v. Pemindahan makna

Dalam simpulan bahasa terdapat kata-kata yang dipakai untuk kata-kata yang bermakna jauh sekali dari makna asal, misalnya kaki, ada banyak simpulan

⁵. Hajah Maimunah Hj. Omar, 2006 dalam Bahasa Melayu komunikasi. Jabatan Pengajian Melayu, UiTM.

bahasa yang memakai kata ‘kaki’, iaitu ‘kaki kayu’, ‘kaki ayam’, ‘kaki bangku’ dan sebagainya.

vi. Makna berubah

Makna bukan sahaja berubah menurut konteks, penggunaan, pilihan dan pemindahan sahaja. Makna suatu kata itu juga boleh berubah mengikut sejarah, sebagai contoh ‘menyeberang’ pada suatu masa dahulu menyeberang sungai, dan sekarang dipakai untuk menyeberangi jalan.

vii. Hubungan Makna dengan Tatabahasa

Dalam nahu transformasi disebut mengenai apa yang dianggap ayat gramatis dan tidak gramatis. Ayat betul terdiri dari ayat yang cukup syarat dari segi tatabahasa dan membawa makna penuh. Contohnya Ali minum air, ayat ini cukup syarat dan sempurna iaitu memenuhi kedua-dua syarat, nahu dan makna (Palmer, 1981, p. 225).

Bidang ini juga menyentuh tentang perbezaan antara makna tatabahasa dan makna kamus (leksis), penentuan perkataan-perkataan seerti (sinonim) dan perkataan-perkataan yang berlainan erti (antonim) dengan berdasarkan kepada kategori makna yang berlainan yang dibawa oleh kedua-dua jenis perkataan itu, dan sifat-sifat makna dalam struktur ayat menurut analisis kandungan kategori makna itu, serta penubuhan konsep makna sintaksis dalam analisis.

1.9.5 Peribahasa Dari Sudut Kognitif Semantik

Dari sudut kognitif, peribahasa amat menjimatkan proses mental. Berasaskan satu situasi khusus, kita dapat memahami pelbagai situasi lain. Dengan kata lain, kita dapat satu adegan (scene) tentang satu peristiwa dalam minda kita dengan hanya merujuk secara tidak langsung kepada satu peristiwa atau fakta lain.

Contohnya dalam peribahasa Melayu, “menari yang tidak pandai, dikatakan lantainan terjungkit”. Kita dirujuk dengan satu adegan atau senario. Iaitu seseorang yang tidak pandai menari lalu menyalahkan lantai yang tidak rata, tanpa menyedari kelemahannya yang menyebabkan tarian tidak baik. Seterusnya adegan ini dipindahkan atau dipetakan kepada mana-mana situasi seseorang yang menyalahkan orang lain (atau mencari alasan), serta tidak mahu mengaku kelemahan dan kebodohnya sendiri (Cf. Analisis peribahasa *Blind Blame the Ditch* oleh Lakoff dan Tunner 1989, p. 162).

1.9.6 Budaya

Budaya merupakan situasi sosial yang merangkumi setiap aspek kehidupan manusia dari segi cara bertindak, berfikir dan berkelakuan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Budaya juga ditakrifkan sebagai kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir), berkelakuan dan sebagainya. Budaya juga diklasifikasi sebagai satu cara hidup yang diamalkan dalam kumpulan tertentu yang meliputi sistem sosial, ekonomi, politik, kepercayaan, adat resam, dan sikap (Kamus Dewan, 2005).

Oleh itu bahasa juga adalah sebahagian daripada budaya yang berbentuk '*mentifacts*' yang tergolong dalam bentuk pemikiran dan kepercayaan sesebuah budaya yang samada dalam bentuk ucapan atau sistem kepercayaan.

1.9.7 Makna Konotasi Dan Denotasi

Kemahiran berbahasa bukan berdasarkan kebolehan mengolah ayat mengikut tatabahasa atau nahu semata-mata, ia juga meliputi aspek makna yang tersurat (denotasi) dan tersirat (konotasi), "deep meaning", makna yang ingin diutarakan oleh seseorang mungkin sudah dimaklumi oleh umum, tetapi proses untuk mengembangkan makna tersebut agar difahami oleh semua individu adalah sukar. Jadi kebolehan makna supaya dapat difahami inilah yang membezakan antara individu dengan individu lain (Muhammad Saiful Anuar Yussoff, 2002).

Perbezaan makna konotatif dan denotatif terletak pada nilai rasa pada sebuah kata, setiap kata penuh mempunyai makna denotatif manakala tidak semua mempunyai makna konotatif, kecuali kata yang mempunyai nilai rasa, samada positif ataupun negatif (Tajudin Nur, M.H , 2010).

i. Makna Denotasi (Tersurat)

Denotasi merujuk makna kamus dan makna tanpa konteks sesuatu leksikal dan disebut juga dengan makna konseptual atau makna kognitif. Makna ini adalah makna yang difahami oleh sekalian penutur bahasa tertentu dan ianya berlawanan dengan makna konotasi.

Makna ini diperoleh daripada makna yang tertulis atau makna ujaran, samada disampaikan melalui tulisan atau lisan. Dalam bahasa Arab, ia dikenali sebagai makna hakikat iaitu lafaz yang digunakan untuk makna asal atau asli. Contohnya ialah perkataan ‘ḍha:b’ (binatang melata), iaitu difahami dari sudut adatnya adalah binatang yang berkaki empat yang hidup di padang pasir.

Juga contoh perkataan ‘singa’ ‘أَسَدٌ’ (asad) , dari sudut makna asalnya adalah seekor binatang liar, manakala makna di sebalik makna denotasi mempunyai makna konotasi, juga dikenali sebagai ‘makna tambahan’ (maja:z), bermaksud ‘pinjaman’. Perkataan ‘singa’ ‘أَسَدٌ’ (asad) menunjukkan sifat seorang yang berani. Singa merupakan konotasi kepada sifat berani yang terdapat pada seorang lelaki. Dalam bahasa Arab dikenali dengan ‘isti`arat’ (metafora) (al-Mayda:niyy, 2007).

Oleh itu, melalui makna leksikal juga, akan wujud makna lain yang dikehendaki oleh penutur ini menggambarkan sesuatu makna dapat difahami melalui pengucapan tanpa pengantaraan (al- Jurja:niyy, 1989).

ii. Makna Konotasi (Tersirat)

Konotasi merujuk makna sampingan atau makna tambahan yang diberikan oleh sesebuah leksikal di sebalik makna utama dan rujukannya. Kebiasaannya, makna sampingan mempunyai nilai rasa iaitu positif dan negatif.

Menurut Tajuddin Nur (2010), positif dan negatif nilai rasa sebuah kata sering terjadi akibat digunakan rujukan kata itu sebagai sebuah perlambangan atau simbol. Jika

digunakan sebagai simbol positif, ia bermakna konotasi positif, tetapi jika digunakan sebagai simbol negatif, ia bermakna konotasi negatif.

Makna sampingan juga mempunyai perbezaan antara seseorang individu dengan individu lain dan daripada sesebuah masyarakat dengan masyarakat yang lain. Hal ini kerana makna mempunyai hubungan dengan pengalaman peribadi seseorang atau dalam sesebuah masyarakat. Makna konotasi juga melibatkan persoalan nilai sejarah, tradisi, kepercayaan, agama dan budaya.

Makna konotasi iaitu maja:z dalam bahasa Arab, merupakan makna yang berbeza dengan makna yang ditulis dan juga makna yang ingin diungkapkan. Bahasa ini wujud dalam masyarakat Arab dan juga Melayu kerana timbulnya keinginan menyatakan atau menyampaikan dengan maksud lain. Makna yang penting di sini dari sudut nilai komunikasi.

Dalam peribahasa atau simpulan bahasa, makna ini difahami daripada dua atau lebih perkataan yang mempunyai satu makna, iaitu makna dalam peribahasa kebanyakannya difahami daripada keseluruhan perkataan di dalamnya.

Contoh: leksikal 'قَطَعَ' (qaṭa'a) dalam ayat "قَطَعَ الطَّالِبُ دِرَاسَتَهُ لِيَعُولَ أُسْرَتَهُ"⁶ membawa makna literal "murid itu telah memutuskan persekolahannya untuk menolong keluarganya". Leksikal 'قَطَعَ' (qaṭa'a) di sini bukan didatangkan dengan makna yang sebenar, perkataan ini hanya dapat difahami maknanya yang sebenar mengikut konteks keseluruhan ayatnya. Makna tambahan yang dapat difahami pada leksikal 'قَطَعَ'

⁶. (Tajudin Nur, M.H , 2010, p.53).

(qata‘a) bermaksud, ‘berhenti’, iaitu murid itu berhenti dari persekolahannya untuk menolong keluarganya.

Manakala leksikal ‘قَطَعَ’ (qata‘a) yang mempunyai makna denotasi (hakiki) seperti yang terdapat dalam ayat “قُطِعَ الحَبْلُ بِالسَّكِينِ” membawa maksud “tali itu telah dipotong dengan menggunakan pisau”. Perkataan ini dapat difahami dengan jelas makna denotasinya, iaitu ‘potong’. Di sini dapat dilihat bahawa makna dalam peribahasa merupakan makna yang dapat difahami daripada gabungan kata dan kadang-kadang maknanya tidak dapat difahami secara literal tetapi secara kiasan.

Makna konotasi juga berbeza dari kelompok sesebuah masyarakat, iaitu berlandaskan pandangan hidup dan norma-norma penilaian kelompok masyarakat tersebut, sebagaimana contoh:

‘مِنْ مَأْمَنَةٍ يُؤْتَى الحَذِرُ’

Maksudnya “daripada tempat yang aman didatangi ancaman”

(al-Mu‘jam al-Wasi:t; 1:5).

Daripada ungkapan tersebut, maksud yang dapat difahami di sini adalah walaupun kita berada di tempat yang selamat, tetapi harus berjaga-jaga. Kelekaan kita akan memberi peluang kepada musuh untuk mengambil peluang terhadap kita. Oleh itu, ungkapan ini mengingatkan kepada kita supaya selalu berwaspada walaupun berada di tempat yang aman (Si:niyy et. al, 1996, p.175).

Manakala peribahasa dalam masyarakat Melayu pula berbunyi, “jangan di sangka laut yang tenang tiada gelora” membawa maksud “sesuatu yang aman, tidak semestinya tiada bahaya”.

Walaupun terdapat perbezaan dari segi ‘lafaz dan kata’ dalam ungkapan tersebut, namun kedua-duanya mempunyai persamaan dari segi ‘makna atau maksud’. Hal ini sememangnya berlaku kerana perbezaan antara dua budaya, di mana ungkapan yang diungkapkan sesuai dengan pandangan kelompok masyarakat tersebut.

1.10 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dalam bab 1 ini telah dibincangkan beberapa aspek pengenalan kajian. Secara keseluruhannya, bab-bab tersebut menyentuh perkara dan aspek-aspek yang hendak dikaji. Butir-butir pengenalan bagi perkara dan aspek perbincangan penulisan dinyatakan di dalam bab ini, manakala perbincangan lanjut terhadap isi-isinya akan diolah dalam bab 2, 3 dan bab 4. Manakala bab 5 merupakan rumusan bagi kesemua bab.

Pengenalan kajian ini juga dilakukan untuk memudahkan pengkaji membuat tumpuan dan fokus terhadap perkara dan aspek kajian. Bab pengenalan ini dijadikan sebagai landasan dan panduan kepada pengkaji. Hal ini supaya setiap perbincangan yang dibuat pada bab-bab berikutnya menepati dan tidak tersasar daripada objektif kajian yang sebenarnya.

Selain itu, bab ini juga menyatakan tentang permasalahan atau isu kajian yang telah menjadi minat pengkaji untuk mengkaji perkara-perkara berhubung dengan penggunaan mathal dalam mu`jam yang mana ianya berkaitan dengan bidang semantik. Beberapa permasalahan telah dikenal pasti dan dijadikan fokus kajian. Setiap entri yang berkaitan dengan mathal dihurai dari segi makna dan penggunaannya yang berkaitan dengan isu kajian.

Berpandukan permasalahan kajian tersebut, turut disertakan beberapa objektif kajian yang akan ditumpukan penghuraian mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dalam bab-bab yang akan datang. Perbincangan tentang konsep operasional yang dikemukakan juga adalah berdasarkan kepada permasalahan kajian.

BAB 2

MATHAL DAN AL-MU‘JAM AL-WASI:T SERTA KEDUDUKAN PERIBAHASA DALAM MU‘JAM

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan pengenalan mengenai mathal (peribahasa Arab) iaitu ungkapan yang mempunyai ciri gaya bahasa yang menarik yang dapat memikat pembaca yang membacanya.

Pengkaji memberi gambaran yang menyeluruh mengenai mathal (peribahasa) Arab, definisi dan takrif peribahasa serta jenis-jenisnya. Pendedahan tentang mathal dalam bidang Bala:ghah Arab ini penting, kerana ia berperanan dalam memperjelaskan makna yang terdapat dalam peribahasa Arab dari segi makna denotasi (hakikat) dan juga makna konotasi (maja:z). Huraian tentang kedudukan mathal dalam bahasa Arab, definisi mathal, jenis-jenis mathal dan perkara yang berkaitan dengan ilmu semantik Arab.

Selain itu pengkaji juga menyentuh mengenai ilmu dilalah (semantik). Ilmu ini juga memainkan peranan yang penting dalam menambahkan lagi penerangan yang berkaitan dengan mathal. Penerangan secara ringkas mengenai ilmu bayan yang terdapat dalam ilmu Bala:ghah yang berkaitan dengan maja:z untuk menjelaskan kedudukan mathal tersebut:

Setelah itu penulis akan membincangkan pula sejarah peribahasa Arab yang merangkumi Arab Jahiliyah dan juga zaman Islam. Huraian tentang jenis-jenis dan perkembangan mathal, kepentingan mathal serta faedah-faedah mathal. Dalam konteks

ini, pengkaji akan membicarakan tentang penggunaan peribahasa yang terdapat dalam prosa-prosa Arab dan juga dalam al-Qur'an al-Karim dan juga Hadith.

Seterusnya pengkaji akan mengupas tentang kepentingan peribahasa Arab, beberapa kajian mengenai ciri peribahasa yang merangkumi gambaran (world-view) peribahasa, dan gaya bahasa yang terdapat dalam peribahasa berikut.

Seterusnya pengkaji pula akan menyorot isu-isu mengenai keunikan peribahasa Arab dari semua negara. Justeru itu, mengupas tentang terbentuknya peribahasa-peribahasa melalui syair, puisi, cerita dan kata-kata orang.

Akhirnya pengkaji juga menerangkan secara ringkas tentang sejarah perkamusan Arab, pengenalan mu'jam, kedudukan entri serta penggunaan peribahasa Arab dalam al-Mu'jam al-Wasi:t. Pengkaji merasakan perlu dibuat pendedahan tentang huraian tersebut memandangkan kedua-duanya mempunyai kaitan dengan analisis kajian yang dijalankan dalam mu'jam tersebut. Bab ini diakhiri dengan sebuah kesimpulan dalam bentuk yang menyeluruh tentang mathal, perkembangan peribahasa dan mu'jam.

2.1 Definisi Mathal (Peribahasa) Dalam Bahasa Arab.

Mathal adalah perumpamaan-perumpamaan yang merupakan satu ungkapan yang mempunyai maksud tertentu kepada sesuatu budaya masyarakat setempat pada masa itu bahasanya jelas, ringkas, padat, bernas, berhikmah yang senang diterima kebenarannya oleh sesiapa yang mendengar dan juga diselitkan dengan syarahan dan ucapan untuk menyatakan akan kebenaran kata-kata tersebut.

Di sini penulis membahagikan definisi mathal kepada dua bahagian dan juga mengemukakan beberapa takrifan mengenainya mengikut pandangan-pandangan ulama-ulama dahulu dan terkini.

2.1.1 Definisi Mathal Dari Segi Bahasa

Mathal dari segi bahasa; Iaitu perkataan yang diambil dari kata jama` (mathal) yang perkataan asalnya ialah mathal, mathil, mithlu dengan kata lain yang bermaksud syabh, syibh dan syabih diertikan dengan perumpamaan (Ibra:him Madkhu:r, 1985, p. 888).

Mengikut kamus dewan⁷, makna perumpamaan terbahagi kepada beberapa katagori:

- i. Perumpamaan sesuatu yang dianggap sama dengan, ibarat, misal dengan menggunakan lambang, penyajak dapat memberi makna yang banyak dan berlapis-lapis pada ungkapannya.
- ii. Sejenis peribahasa yang berupa perbandingan dengan sesuatu yang lain (umumnya mengandungi ujaran).
- iii. Sesuatu yang dijadikan contoh (misal hal-hal yg telah berlaku dan lain-lain).
- iv. Simile yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu (orang, benda, dan sebagainya). Contoh: “bodoh macam lembu”, ungkapan yang mempunyai persamaan makna dengan peribahasa Arab iaitu “bodoh macam keldai”.

Mengikut kamus pelajar edisi kedua⁸. Sesuatu yang dianggap sama dengan ibarat dan juga peribahasa yang berupa perbandingan dengan sesuatu yang lain dan umumnya berisi pengajaran.

⁷ . dalam <http://prpm.dbp.gov.my/>

Ibn Manzur pula, menyatakan mathal sebagai sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang seumpama dengannya, maka jadilah ia seumpamanya “sama seperti yang dimisalkan” (al-Maidaniyy, 1977).

Sementara itu, Ibn al-‘Arabi berpandangan ada perbezaan makna di antara al-mathal dan al-mithl. Al-mathal ialah ungkapan tentang persamaan makna sesuatu yang difikirkan, manakala al-mithl ialah ungkapan tentang persamaan sesuatu yang dapat dirasai oleh pancaindera (Ibid, 1977).

Ibn al-Sikkit pula berkata, mathal adalah suatu ungkapan yang berbeza dari ungkapan yang dibandingkan tetapi mempunyai erti yang sama dengan makna ungkapan tersebut (Ibid, 1977).

Perumpamaan adalah sesuatu yang dianggap sama dengan ibarat dan misal. Perbandingan perkataan dengan sesuatu perkataan yang lain secara umumnya mempunyai ujaran (Kamus Dewan, 2005).

Ahli bahasa Arab telah membicarakan perkataan perumpamaan ini dengan mathal terdiri daripada beberapa maksud yang tertentu iaitu: ‘al-shibih’ ‘persamaan’, ‘al-mathal wa al-naḍir’ (seperti dan perbandingan) (Mohamad Izwan Md Yusof, 2007).

⁸ dalam <http://prpm.dbp.gov.my/> (Dewan bahasa dan Pustaka, , 2005)

2.1.2 Definisi Mathal Dari Segi Istilah

Dari segi istilah, ianya menunjukkan makna dalam bentuk perkataan yang menarik dan padat serta mempunyai pengaruh mendalam terhadap jiwa, samada dalam bentuk tashbi:h ataupun perkataan bebas.

Mengikut al-Mubarrad, mathal adalah perkataan yang diambil daripada satu contoh, iaitu menyamakan keadaan sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain dengan makna yang berlainan, iaitu perkataan yang asal ditashb:ihkan (disamakan) (al-Maydaniyy, 1977).

Manakala mengikut pendapat Ibra:him bin Niẓam, memberi gambaran dengan menyatakan bahawa ciri-ciri yang terdapat pada mathal terdiri daripada empat ciri iaitu:

- i. Penggunaan lafaz yang ringkas
- ii. Gaya bahasa kiasan yang menarik
- iii. Penggunaan perbandingan yang elok
- iv. Penggunaan makna yang tepat dan padat

Menurut Arthur Taylor, peumpamaan merupakan gaya bahasa yang didapati melalui ikutan tradisi dan situasi masyarakat pada masa itu. Manakala pendapat golongan zaman moden, iaitu Yusuf Izuddin menyatakan perumpamaan adalah gambaran yang sebenar mengenai keadaan masyarakat sesuatu tempat pada masa yang tertentu, dalam Maḥmu:d Ismail Şi:niyy (1996).

Shauqi Dḥaif pula berpendapat bahawa mathal adalah falsafah kehidupan yang pemikiran kehidupan masyarakat pada masa itu tidak dapat diketahui melainkan dengan

memahami dan mempelajari perkembangan dalam setiap individu masyarakat dan perkembangan pemikiran di kalangan manusia (Ibid, 1996).

Menurut Othman Khalid, mathal adalah membenarkan sesuatu yang dibicarakan mengenai bangsa, etika berfikir, mentaliti, tradisi dan adat kebudayaan mengenai masyarakat itu sendiri merangkumi kehidupan sosial, politik dan pemikiran (Ibid, 1996).

Manakala mathal pada pandangan Muḥammad Abu Sufah, perumpamaan sama ada yang didatangkan dengan makna yang tersurat yang dipetik daripada kata-kata atau makna yang tersirat yang mengandungi kata-kata hikmah dan peringatan, semuanya berkaitan dengan kehidupan masyarakat tersebut (Ibid, 1996).

Menurut Syeikh Moḥammad ‘Ali al-Sabu:ni (2006, p. 15), mathal adalah gaya bahasa (uslub) yang terangkum dalam bidang retorik Arab. Beliau membahagikannya kepada beberapa bahagian iaitu: tashb:ih, tamthil, isti‘a:rat dan kina:yaṭ. Bahagian-bahagian ini terangkum dalam bidang ilmu bayan seperti yang diterangkan di awal bab ini.

Perumpamaan menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1993), adalah merupakan perbandingan makna yang jelas, ungkapannya dijelaskan dengan perkataan seolah-olah, ibarat, bak, seperti, laksana, macam, bagai dan umpamanya.

Dengan ini perumpamaan bertujuan untuk menerangkan atau membandingkan sesuatu ungkapan kepada pendengar agar memahami mesej yang ingin disampaikan dengan cara perbandingan. Perbandingan ini juga wujud di antara budaya. Umpamanya terdapat mesej yang sama antara budaya Arab dan Melayu. Contohnya, “cantik

umpama bulan purnama”, begitu juga gambaran ‘kecantikan seseorang’ digambarkan dalam peribahasa Arab, iaitu kata al-Mutanabbi:

“كَالْبَدْرِ مِنْ حَيْثُ التَّمَتَّ رَأَيْتُهُ”⁹.

Maksudnya, “engkau akan melihatnya seperti bulan purnama yang memancar cahaya menembusi kegelapan”.

2.2 Peribahasa Mengikut Perspektif Masyarakat Melayu

Peribahasa memainkan peranan yang penting dalam masyarakat terutamanya dalam kalangan orang-orang Melayu. Peribahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran atau ingatan secara kiasan atau sindiran.

Mengikut masyarakat Melayu, istilah mathal bermakna perumpamaan, pepatah, bidalan dan metafora. Umumnya, perumpamaan, pepatah, bidalan, metafora, simpulan bahasa dan kata-kata hikmah adalah tergolong dalam katagori peribahasa yang masih terus digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga hari ini.

Antara beberapa contoh peribahasa termasuklah “Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga”, “masa itu emas”, “ibarat burung, mata lepas badan terkurung”, “bagai aur dengan tebing”, “seperti api dalam sekam”, “seperti anak ayam kehilangan induk”, “hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati”, “bahasa jiwa bangsa”, “bertepuk sebelah tangan tak akan berbunyi”, “ukur baju pada badan sendiri”, dan “muafakat membawa berkat”.

⁹. (Ali al-Jarim & Musthafa Amin, 1987, p. 25)

Menurut Za'ba¹⁰, peribahasa ialah susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya.

Terdapat pihak yang mengklasifikasikan peribahasa seperti berikut:

- a. Peribahasa selapis yang terdiri daripada pepatah, bidalan dan perbilang (pepatah).
- b. Peribahasa berlapis (perumpamaan).
- c. Lidah pendeta.

Menurut Safiah Hussain (1988), perumpamaan ialah ungkapan yang dimaksudkannya adalah berlainan kata-kata zahirnya. Manakala menurut Lutfi Abas (1984), ialah kata-kata yang digunakan untuk tujuan mengumpamakan atau membandingkan kepada sesuatu perkataan yang lain. Contohnya, “bagai menatang minyak yang penuh”, bermakna menjaga dengan penuh kasih sayang, “bagai isi dengan kuku”, yang menunjukkan hubungan yang terlalu rapat.

Abdul Razak Abdul Karim (1994), menyatakan bahawa peribahasa ialah ayat atau urutan kata-kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Peribahasa telah sehati dengan kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman dan digunakan dengan meluas dalam kehidupan mereka sehari-hari khususnya dalam masyarakat Melayu dahulu. Keadaan ini adalah kerana kata-kata dalam peribahasa sedap didengar serta luas dan benar tujuannya. Kata-kata ini digunakan sebagai perbandingan, teladan dan pengajaran.

¹⁰ . <http://www.tutor.com.my/stpm/peribahasa/peribahasa.htm>

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1993), bahasa kiasan tergolong kepada dua jenis iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Kiasan yang sudah mantap dari segi bentuk bahasanya dan maknanya diistilahkan sebagai peribahasa. Kiasan yang tidak mantap bentuk dan maknanya diistilahkan sebagai bukan peribahasa. Sebagai contoh, bentuk ‘kacang lupakan kulit’ tidak boleh diubah kepada bentuk yang lain, umpamanya ‘kulit dilupakan oleh kacang’ dan ‘lupanya kacang kepada kulit’. Oleh yang demikian, bahasa kiasan tersebut adalah peribahasa.

Peribahasa merupakan satu kalimat yang membentuk makna dan fungsinya dalam masyarakat, bersifat turun temurun dan digunakan untuk menghias karangan atau percakapan mencakupi bidalan, pepatah, perumpamaan dan ibarat (Harimurti, 1984).

Menurut Za’ba dalam Winsted (1950) perbezaan peribahasa seperti perumpamaan dan simpulan bahasa dibezakan melalui penggunaan kata ‘seperti’, ‘bagai’, ‘umpama’, ‘laksana’, ‘seolah-olah’ dan ‘macam’.

Manakala pandangan Humphrey’s dalam Winsted (1950), pula mengatakan peribahasa merupakan ungkapan lama yang digunakan berulang kali yang mana ungkapan tersebut berkaitan dengan pengalaman atau pemerhatian seseorang. Perumpamaan ini terdiri daripada pelbagai jenis adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej.

Pepatah seakan-akan sama dengan bidalan, tetapi pepatah mempunyai rangkaian perkataan berkerat-kerat atau berpatah-patah. Sebagai contoh, “diam ubi berisi, diam besi berkarat”, bermaksud orang yang pendiam tetapi berakal itu lebih baik daripada orang yang pendiam tetapi bodoh.

Bidalan hampir sama dengan peribahasa, iaitu segala susunan, percakapan yang pendek yang melekat di mulut orang ramai sejak beberapa tahun lamanya, oleh kerana indah dan bijak perkataan, luas dan benar maksud tujuannya serta digunakan sebagai bandingan, tauladan dan pengajaran (Safiah Hussain, 1998).

2.2.1 Mathal (Peribahasa) Dari Sudut Ilmu Bala:ghah

Mathal merupakan salah satu daripada bahasa kiasan dalam bahasa Arab. Bahasa kiasan yang terdapat dalam kategori al-maja:z, yang menerangkan makna konotasi dengan fahaman yang mendalam mengenai makna yang terdapat dalam peribahasa Arab. Ia juga terangkum dalam salah satu komponen ilmu Bala:ghah (Wan Hassan Wan Mat, 2009).

Manakala bahasa kiasan yang digunakan oleh orang Melayu untuk panduan dalam peraturan hidup, memberi pesanan, teguran, pendidikan dan sindiran halus kepada seseorang yang hendak ditegur, proses berbahasa tidak sekadar menyusun kata-kata untuk penyampaian mesej tetapi mempunyai makna konotasi (Saidatul Nornis, 2001).

Al-Maja:z pula merupakan salah satu cabang kepada ilmu baya:n (Ilmu yang mempelajari kaedah-kaedah yang berkaitan dengan ungkapan sesuatu makna dengan pelbagai cara yang bersesuaian dengan konteks ayat). Antara perbincangannya berkaitan dengan maja:z (penggunaan kata secara metafora), tashbi:h (perumpamaan) dan kina:yaṭ (penggunaan kata kiasan) (Azhar Muhammad, 1997).

Maja:z juga merupakan gaya tutur, atau seni bertutur, atau seni bertutur. Oleh itu, antara kata maja:z yang dipergunakan mencakupi peminjaman perkataan (isti`a:raṭ),

perumpamaan (tamthil), berubah-ubah (maqlub), susunan kata (taqadum wa ta`khir), buang (hadhf), pengulangan kata (tikrar), ungkapan tidak dizahirkan (ikhfa`), ungkapan yang dizahirkan (izhar), sindiran (kina:yaṭ) dan sebagainya (La:yshi:n, 1978, p.129).

2.2.2 Tashbi:h

Dari segi bahasa, tashbi:h bermaksud penyamaan dan secara istilah merupakan dua perkara atau lebih mempunyai persamaan pada sifat dalam hal-hal tertentu (kata yang diserupakan dan kata yang diserupai) dinyatakan dengan jelas (al-Ha:syimiyy Aḥmad, 1968).

Menurut ‘Ali al-Ja:rim dan Muṣṭafa: ‘Usma:n (1987), penjelasan tersebut menggunakan huruf kaf atau sejenisnya, samada tersurat atau tersirat.

Contoh:

"أَنْتَ كَاللَّيْثِ فِي الشَّجَاعَةِ"

Maksudnya, "Engkau bagaikan serigala dari sudut keberanian" (Ibid, 1987).

Contoh pertama, 'أَنْتَ', (anta) adalah musyabbah (yang menyamai) , 'اللَّيْثِ', (al-layth) adalah musyabbah bih (yang disamakan). Huruf 'كَ', (kaf) merupakan 'adat tashb:ih' (alat untuk menyamakan) manakala 'فِي الشَّجَاعَةِ', (fi al-syaja:'at) merupakan wajah syibih (aspek persamaan).

Peribahasa ini digunakan adalah untuk menjelaskan tentang sifat berani seseorang yang diumpamakan dengan sifat singa. Ini adalah 'singa' merupakan lambang 'keberanian' di kalangan masyarakat Arab.

Para sasterawan membahagikan unsur tashbi:h kepada empat bahagian, iaitu:

- i. Al-musyabbah (المُشَبَّه), /sesuatu yang menyamai.
- ii. Al-musyabbah bih (المُشَبَّه بِهِ), /objek yang disamakan.
- iii. Adat al-tashb:ih (أداة التشبيه), /alat untuk menyamakan.
- iv. Wajah al-syibih (وَجْه الشَّبْه), /aspek persamaan.

Manakala contoh yang konotasi ‘maja:z’ pula terjadi pada tashbi:h, apabila salah satu unsur pada bahagiannya tidak ditampilkan, sebagaimana contoh tersebut:

”يَخْطُبُ الْأَسَدُ أَمَامَ الْمِنْبَرِ“,

Maksudnya: “singa itu sedang berpidato di atas minbar” (Ibid, 1987). Manakala maksud konotasinya: “seorang lelaki yang berani sedang berpidato di atas minbar”. Dalam ayat ini musyabbahnya ‘الرَّجُلُ’ (al-rajul) tidak dinyatakannya. Perkataan tashbi:h juga berasal daripada kata kerja ‘شَبَّهَ يُشَبِّهُ تَشْبِيْهًا’ yang bermaksud menjadikan sesuatu itu serupa, sama, sebanding dan beberapa makna lain yang seumpamanya (al-Marbawiy, tt, p. 313).

Tashbi:h juga adalah merupakan proses perkongsian makna di antara sesuatu perkara dengan perkara yang lain, dengan kata lain persamaan dari aspek makna (al-Qazwi:niyy, 1980).

Oleh itu, tashbi:h berfungsi memberi penerangan yang jelas mengenai makna serta menguatkan lagi maksud dan sebutan ungkapan tersebut. Ungkapan ini dapat memberi kesan ke dalam jiwa pendengar, sehingga orang yang mendengar ungkapan tersebut dapat menyelami perasaan dan pengalaman seperti pengalaman fisiologi orang yang menuturkan ucapan tersebut (Badawi, 1990, p. 190).

Di sini pengkaji mendapati bahawa tashbi:h (perumpamaan), gaya bahasa perkataan yang indah dan mempunyai maksud yang tersirat yang disertai dengan perbandingan secara terangan atau tidak. Ianya menggunakan ‘adat tashbi:h’ seperti perkataan ‘كَأَنَّ’, ‘seolah-olah’, ‘ك’ ‘ibarat’, ‘مِثْلُ’ ‘umpama’ dan sebagainya.

Menurut al-Jurjaniyy (1979), berpendapat bahawa mathal adalah terbentuk daripada tashbi:h murakkab sahaja, yang mana ciri persamaan antara keduanya diambil dari pelbagai bentuk yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Beliau membahagikan tashbi:h kepada dua bahagian:

- i. Perbandingan yang dibuat adalah jelas dan tidak memerlukan kepada penghuraian lanjut.
- ii. Perbandingan terhasil melalui penghuraian lanjut dan analisis yang lebih teliti, bahagian ini dikenali sebagai perumpamaan (al-tamthil atau al-mathal).

Tashbi:hadalah permulaan bagi sesuatu mathal. Kesemua mathal adalah berasal daripada tashbi:h. Ayat-ayat tashbi:h yang digugurkan daripadanya partikel tashbi:h dan juga mushabahah akan bertukar namanya kepada isti‘a:rat. Isti‘a:rat yang mantap digunakan secara meluas tanpa sebarang batas (Wan Hassan Wan Mat, 2009).

2.2.3 Isti‘a: rat /metafora (الإِسْتِعَارَة)

Makna isti‘a:rat dari segi bahasa ialah ‘minta pinjam’ ia berasal dari kata kerja اسْتَعَارَ يَسْتَعِيرُ اسْتِعَارَةً yang memberi maksud seorang meminta daripada yang lain supaya meminjamkannya (Muṣṭafa:, et al, 1989).

Manakala dari segi istilah ilmu bayan ialah “penggunaan sesuatu sebagai ganti kepada kata yang lain kerana adanya kaitan atau hubungan yang sama dan tanda yang membuktikan penggunaan kata tersebut”, seperti penggunaan perkataan ‘الأسد’ (al-asad), bermaksud ‘singa’ yang menggambarkan keberanian (Ibid, 1989).

Dalam bahasa Melayu isti‘a:raṭ bermaksud metafora, menurut S. Nathesan (2008), metafora ialah penggunaan kata-kata yang tidak mendukung makna sebenar, sebaliknya mendukung makna lain yang dilukiskan secara persamaan atau perbandingan, contoh seperti berikut: “...daun lalang di kiri dan kanan menari”. ‘Menari’ dalam ungkapan ini bukanlah membawa makna literal, iaitu melakukan sesuatu tari dengan muzik, tetapi membawa makna “lalang itu bergerak ke kiri dan ke kanan kerana tiupan angin”.

Menurut ‘Ali al-Ja:rim dan Muṣṭafa: ‘Usma:n (1987), dalam al-Balahghaṭ al-Wa:ḍiḥaṭ menyatakan, bahawa isti‘a:raṭ adalah satu bahagian dari maja:z lughawi dan ia merupakan tashbi:h yang dibuang salah satu komponennya. Oleh itu hubungan antara makna sebenar dan makna lain adalah musyabahah selamanya.

Menurut beliau lagi isti‘a:raṭ terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Isti‘a:raṭ taṣri:hiyyaṭ (اسْتِعَارَةٌ تَصْرِيحِيَّةٌ)

Isti‘a:raṭ taṣri:hiyyaṭ , iaitu isti‘a:raṭ yang musyabah bihnya ditegaskan,

contoh: kata seorang Arab badwi tentang temannya.

“كَانَ أَخِي يَفْرِي الْعَيْنَ جَمَالًا وَالْأُذُنَ بَيَانًا”

Maksudnya, “saudaraku menjamu mata dengan keindahan, dan telinga dengan kejelasan”.

Ungkapan ini menyatakan bahwa memberi kenikmatan mata dengan keindahan dan telinga dengan kejelasan diserupakan dengan menjamu tamu. Oleh itu, menjamu mata dan telinga itu bermaksud ‘kenikmatan’ kaitan atau qari:nahnya adalah kata ‘جَمَالًا’ (jama:lan) dan ‘بَيَانًا’, (baya:nan).

ii. Isti‘a:raṭ makniyyat (اسْتِعَارَةٌ مَكْنِيَّةٌ)

Isti‘a:raṭ makniyyat , iaitu Isti‘a:rat yang musyabah bihnya dibuang dan sebagai isyarat ditetapkan salah satu sifat khusus. Contohnya:

Firman Allah Ta‘ala:

{ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا }

Maksudnya, ‘Wahai Tuhanku, sesungguhnya, tulangku telah lemah dan kepalaku telah dipenuhi uban’ (Maryam: 4).

Ayat ini menyatakan bahawa kepala diumpamakan dengan bahan bakar, iaitu musyabah bihnya dihilangkan dan digantikan dengan salah satu sifat khususnya ‘اشْتَعَلَ’, (ishta‘ala) ‘menyala’, yang dikaitkan ‘qari:nah’ ‘menyala’ di kepala (uban di kepala).

2.2.4 Isti‘a:raṭ Tamthi:liyyat Dan Mathal

Isti‘a:raṭ Tamthi:liyyat, dikategorikan sebagai isti‘a:raṭ murakkabat (الإِسْتِعَارَةُ الْمُرَكَّبَةُ), iaitu ‘metafora kompleks, juga dikenali sebagai ‘التَّمْثِيلُ’ (tamtil), iaitu dengan cara ‘perumpamaan’. Penggunaan kata yang kompleks melambangkan maksud yang berlainan antara maksud asal dan makna yang kedua (al-Mayda:niyy, 2007).

Apabila penggunaan isti‘arat ini telah digunakan dengan meluas dan diketahui umum, ia menjadi mathal. Penggunaannya terus dalam bentuk asalnya, tanpa dilakukan ke atasnya sebarang penyesuaian samada dari aspek bahasa mahupun aspek nahu. Contohnya:

"الصَّيْفُ ضَيَّعَتِ اللَّبَنَ"

Maksudnya: musim panas engkau telah menghilangkan (membuang susu). Manakala dari sudut makna konotasi, ungkapan ini bermaksud “menyesali sesuatu perbuatan yang telah berlaku”. Iaitu pada musim panas, orang akan minum banyak susu atau yogurt untuk menyejukkan badan. Jadi, hal ini menggambarkan banyak susu dihabiskan pada musim panas. Ganti nama ‘ta’ dalam ‘ضَيَّعَتِ’ dikekalkan dengan baris di bawah walaupun diucapkan kepada lelaki.

2.2.5 Kinayaṭ

Al-Mubarrid (258H), dalam karyanya al-Ka:mil, telah menerangkan mengenai konsep kina:yaṭ. Beliau telah mengkategorikan kina:yaṭ berdasarkan fungsinya kepada tiga kategori iaitu:

- i. Menjadikan sesuatu lebih umum
- ii. Memperindah ungkapan
- iii. Bertujuan untuk pujian

Namun begitu ia lebih menekankan kepada bentuk yang kedua iaitu, kina:yaṭ sebagai penyempurna keindahan ungkapan, khususnya yang diambil dari ayat-ayat al-Qur’an al-Karim. Istilah kina:yaṭ mempunyai kesamaan dengan gaya bahasa metonimia¹¹ yang

¹¹ . metonami daripada perkataan dari bahasa Yunani iaitu ‘meta’ yang bermaksud ‘perubahan’ dan ‘onoma’ yang bermaksud ‘nama’

berasal dari Yunani, iaitu gaya bahasa yang menjadikan sebuah kata untuk menyatakan hal lain kerana mempunyai pertalian yang seakan sama (Gory Keraf, 2004, p. 142).

S. Nathesan (2008, p. 88), pula menyatakan bahawa metonomi adalah penggunaan nama sesuatu untuk merujuk kepada benda lain yang sifatnya ada hubungan logiknya. Contoh ‘tikar sembahyang’ dalam ayat ini bermaksud “saya tidak menyentuh tikar sembahyang”, membawa makna ‘solat’, kerana tikar sembahyang mempunyai hubungan dengan solat, yang mana perkara ini telah lazim di kalangan masyarakat beragama Islam menggunakan tikar sembahyang untuk bersolat.

al-Mayda:niyy (2007), menyatakan bahawa kina:yaṭ dari segi bahasa adalah : ‘ كُنِيَ عَنْ ‘ كُنِيَ، كِنَايَةً، الْأَمْرُ بِغَيْرِهِ yang bermaksud ‘menggelar dengan gelaran sesuatu dengan gelaran tertentu yang bukan nama sebenarnya, ‘gelaran’ atau ‘sindiran’. Dengan kata lain, kinayaṭ didefinisikan seperti berikut:

"إِنْ تَتَكَلَّمُ بِالشَّيْءِ مِمَّا يُسْتَدَلُّ بِهِ عَلَيْهِ"

Maksudnya: “bercakap dengan menyebut sesuatu tetapi mempunyai maksud yang lain”.

Para ulama Balaghah memberikan berbagai-bagai definisi untuk kina:yaṭ, menurut beliau lagi, kina:yaṭ bermaksud:

"إِنَّ إِزَادَةَ الْمَعْنَى الْأَصْلِيَّ لِلْفِظِّ مَعَ إِزَادَةِ الْمَعْنَى الْآخَرَ الَّذِي يُكْنَى بِاللَّفْظِ عَنْهُ جَائِزَةٌ وَلَكِنَّهَا غَيْرُ لَازِمَةٍ دَائِمًا، فَقَدْ يُرَادَانِ مَعًا، وَقَدْ تُهْمَلُ إِزَادَةُ الْمَعْنَى الْأَصْلِيَّ وَيُرَادُ الْمَعْنَى الْآخَرَ فَقَطْ."

Maksudnya: “Bagi sesuatu perkataan, boleh berlaku ia mengikut makna asalnya dan boleh menjadi makna yang lain tetapi bukan sesuatu yang semestinya berlaku. Adakalanya ia mengkehendaki kedua-duanya, dan adakalanya, mengabaikan makna asal dan mengkehendaki makna lain”.

Oleh yang demikian, kina:yaṭ terjadi apabila sesuatu ungkapan yang ingin dikatakan tetapi berlainan lafaz. Perkataan atau ungkapan asal diganti dengan sesuatu lafaz yang lain yang memberikan maksud yang dikehendaki. Lafaz itu hendaklah mempunyai sesuatu yang lazim baginya, iaitu sesuatu yang ingin diperkatakan oleh seseorang itu (diperingkat permulaannya).

Contohnya:

"فُلَانٌ كَثِيرٌ الرَّمَادِ"

Maksudnya: "si polan yang mempunyai banyak abu".

Maksud yang ingin disampaikan di sini, berbentuk abstrak yang bersifat konkrit, iaitu abu yang difahami di sini adalah bukan maksud yang sebenar. Maksud sebenar yang dikehendaki di sini, "seseorang yang amat pemurah" (Ibid, 2007).

Menurut Yu:suf Abu al-`Adu:s (2007), 'banyak abu' bermaksud: orang yang banyak memasak makanan, menunjukkan orang yang ramai dikunjungi tetamu dan merupakan kiasan kepada "seseorang yang dimuliakan serta bersifat pemurah". Contoh lain yang sama maksud dengan contoh tersebut:

"فُلَانٌ نَعِيٌّ الثَّوْبِ"

Maksudnya: "seseorang yang bersih bajunya"

Ungkapan ini dikiasan kepada seseorang yang berhati mulia. Tidak menerima rasuah dan tidak melakukan sesuatu perkara yang boleh menghilangkan kemuliaanya (Mohamad Ali Sabuni, 2006, p. 23).

Oleh itu kina:yaṭ merupakan bahasa sindiran dan ungkapan yang seumpama ini apabila digunakan secara meluas ianya menjadi mathal. Terutama ungkapan yang boleh

diperluaskan penggunaannya dalam berbagai-bagai keadaan, tempat dan persekitaran (Osman Haji Khalid , 1987).

2.3 Bentuk-Bentuk Mathal

Sebagaimana yang kita sedia maklum, mathal bukanlah satu topik yang besar yang diperbincangkan dalam kalangan sastera Arab. Hal ini adalah kerana perumpamaan boleh didapati dalam semua bidang termasuklah dalam syair dan juga prosa atau puisi Arab. Dengan ini mathal Arab terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

Bentuk mathal Arab terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

- i. al-Mathal al-mu:jaz al-sa:'ir (المَثَل المَوْجَز السَّائِر)
- ii. al-Mathal al-qiya:siyy (المَثَل القِيَّاسِي)
- iii. al-Mathal al-khura:fiyy (المَثَل الْخُرَائِي)
- iv. al- Mathal al-Isla:miyy (المَثَل الْإِسْلَامِي)

2.3.1 al-Mathal al-Mu:jaz al-Sa:'ir (المَثَل المَوْجَز السَّائِر)

Bentuk mathal ini tidak diketahui sumbernya di kalangan masyarakat, tidak terikat dengan peraturan tatabahasa, manalaka secara bertulis yang diambil dari kebudayaan masyarakat di seluruh dunia seperti syair, khutbah dan sebagainya. Contoh pepatah mereka:

”كَالْمُسْتَجِيرِ مِنَ الرَّمْضَاءِ بِالنَّارِ”¹²

Maksudnya: “umpama meminta pertolongan daripada api dalam mengatasi kepanasan”.

¹² . (Maḥmu:d Ismail Şi:niyy, 1996, p. 135).

Pepatah ini menyatakan percubaan untuk menyelesaikan masalah dengan menempah masalah yang lebih besar. Ianya merupakan kiasan bagi seseorang yang meminta bantuan kepada seseorang yang sama sekali tidak mempunyai sesuatu apa pun, juga dikiaskan pada seseorang yang dapat melepaskan diri dari sesuatu bahaya tetapi jatuh ke dalam bahaya yang lebih besar lagi.

2.3.2 al-Mathal al-Qiya:siyy (المَثَل القِيَّاسِيّ)

Iaitu perumpamaan yang bersifat naratif, deskriptif, cerita atau gambar bertujuan untuk menyampaikan idea dengan cara analogi dan perumpamaan yang dinamakan oleh ahli-ahli bahasa dengan nama al-tamthil murrakab atau disamakan dengan yang lain bagi tujuan untuk menerangkan sesuatu.

Jenis ini lebih terperinci jika dibandingkan dengan jenis sebelumnya dengan penggabungan idea yang mendalam dengan memberikan gambaran yang menarik.¹³

2.3.3 al-Mathal al-Khura:fiyy (المَثَل الخُرَافِيّ)

Ungkapan yang menakjubkan, iaitu cerita yang berfaedah disandarkan kepada bukan manusia untuk tujuan pengajaran atau humor yang seumpama dengannya. Contohnya: perbandingan tiga ekor lembu yang mempunyai warna yang berbeza, seperti yang terdapat dalam ungkapan tersebut:

”¹⁴أَكَلْتُ يَوْمَ أُكِلَ الشَّوْرُ الْأَبْيَضُ“

¹³ . Abi `Abd Allah bin Isma`il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardidhah al-Bukhari al-ja`fi(1981), Sahih al-Bukhari, Kita:b al-Tib, Baba 5 min al-Baya:n Siḥran, hadith 662

¹⁴ . al-Mu`jam al-Arabiyy, 1996: 109.

Maksudnya: “sesungguhnya aku telah dimakan pada hari si lembu putih dimakan”.

Kisah ini ditujukan kepada Sayidina Ali bin Abi Talib, beliau berkata: Sesungguhnya aku dan Othman telah diumpamakan seperti tiga ekor lembu jantan yang mempunyai tiga warna yang berlainan iaitu merah, hitam dan putih yang mana di kalangannya terdapat seekor singa yang ingin memakan ketiga-tiga lembu tersebut yang akhirnya telah terpedaya dengan helah singa itu. Kisah ini adalah kiasan kepada Sayidina Ali yang di hina semenjak hari pembunuhan Othman lagi. Terdapat juga ungkapan yang sama dengan ungkapan ini, berbunyi;

"إِنَّمَا أُكِلْتُ يَوْمَ أَكَلِ الثَّوْرَ الْأَسْوَدَ"¹⁵

Maksudnya: “sesungguhnya aku telah dimakan pada hari si lembu putih itu dimakan lagi”.

2.3.4 al-Mathal al-Islamiyy (المَثَلُ الْإِسْلَامِيّ)

Manakala mathal al-islamiyy merupakan mathal yang terdapat dalam Hadith dan al-Qur'an, ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

i. al-Mathal al-Muṣarrāh (المَثَلُ الْمُصَرَّح)

Ungkapan yang menggunakan perkataan mathal yang di dalamnya dijelaskan dengan nyata lafaz mathal atau sesuatu yang menunjukkan tashbi:h. Contoh ayat dalam al-Qur'an al-Karim, Firman Allah Ta'ala:

{مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ}.

¹⁵ . (al-Askariyy, 1988, Jld. 1.p. 70)..

Maksudnya: “mereka diumpamakan seperti orang yang menyalakan api setelah api menerangi sekitarnya, maka Allah memadamkan cahaya mereka dan membiarkan mereka dalam kegelapan” (Surah al-Baqarah: 17).

Dalam ayat di atas, Allah mendatangkan perumpamaan yang dikiaskan kepada orang-orang munafik, yaitu mereka tidak dapat mengambil manfaat dari petunjuk-petunjuk yang datang daripada Allah. Ini disebabkan sifat-sifat kemunafikan yang berada dalam dada mereka. Kegelapan yang dimaksudkan di sini, tidak dapat hidayat atau petunjuk dari Allah.

Contoh perumpamaan yang terdapat dalam Hadith al-Bukhari dan Muslim, dari Abu Musa al-Asha‘ri:

"إِنَّمَا مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالْجَلِيسِ السُّوِّءِ كَحَامِلِ الْمِسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ، فَحَامِلُ الْمِسْكِ إِذَا أُنْ بُحِذِيكَ وَإِنَّمَا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ، وَإِنَّمَا أَنْ بَجِدَ مِنْهُ رِيحاً طَيِّبَةً، وَنَافِخُ الْكَبِيرِ إِذَا أُنْ يُحْرِقُ ثِيَابَكَ، وَإِنَّمَا أَنْ بَجِدَ مِنْهُ رِيحاً خَبِيثَةً".

Maksudnya: “diumpamakan teman yang soleh dan teman yang jahat ialah seperti berkawan dengan orang yang membawa minyak wangi dan meniup dapur tukang besi.

Orang yang membawa minyak wangi tidak akan mensia-siakan anda, samada anda membelinya atau hanya mendapat bau harumnya. Manakala orang yang meniup dapur tukang besi pula, mungkin ia boleh menyebabkan baju anda terbakar atau menyebabkan kamu akan mendapat bau yang tidak elok”.

ii. **al-Mathal al-Ka: min (المَثَلُ الكَامِنُ)**

Ungkapan yang di dalamnya tidak disebut dengan jelas lafaz tamthil (perumpamaan), tetapi dapat difahami dari maknanya yang indah. Mathal ini diambil dari makna yang tersirat dalam susunan ayat iaitu berdasarkan kepada maksud ayatnya sahaja, bukan daripada perkataan (Bakar Muhammad Ismail, 1986). Contoh daripada ayat al-Quran:

وقوله تعالى: {وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافُتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا}.

Maksudnya: “Janganlah kamu nyaringkan suara ketika dalam solat dan jangan pula merendharkannya dan ambilah jalan pertengahan” (al- Isra` : 110).

Ayat ini menerangkan supaya jangan menyaringkan bacaan dalam solat dan jangan pula terlalu perlahan, cukuplah sekadar dapat didengar oleh ma`mum, iaitu galakan merendahkan suara ketika solat.

Manakala contoh dalam Hadith ialah:

i. Ayat-ayat yang senada dengan perkataan.

"خَيْرُ الْأُمُورِ أَوْسَطُهَا"¹⁶

Maksudnya: “sebaik-baik urusan adalah pertengahan” “sebaik-baik urusan adalah pertengahan”.

ii. Ayat yang senada dengan perkataan.

"لَيْسَ الْخَبْرَ كَالْمُعَايَنَةِ"¹⁷

Maksudnya: “khabar itu tidak sama dengan menyaksikan sendiri”.

iii. Ayat yang senada dengan perkataan.

¹⁶ . Hadis al-Baihaki dalam sunan Kubra(3:273)

¹⁷ .Oleh at-Tabraniy dalam Jami` as-Saghir

18. «لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ حُجْرَةٍ مَرَّتَيْنِ»

Maksudnya: “orang mukmin tidak disengat dua kali dari lubang yang sama”.

iii. al-Mathal al-Mursal (المَثَلُ الْمُرْسَلُ)

Ungkapan yang terdiri dari kalimat-kalimat bebas yang tidak menggunakan lafaz tashbi:h secara jelas, tetapi kalimat tersebut berfungsi sebagai tashbi:h. Mathal ini bukan difahami melalui perkataan, tetapi makna disebalik susunan ayat (Ibid, p. 25).

Contoh dalam al-Quran:

{لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ}

Maksudnya: “tidak ada yang akan menyatakan terjadinya hari itu selain Allah”.

(Surah al-Najm: 58).

Contoh mathal dalam Hadith:

«سَبَقَكَ بِهَا عَكَاشَةٌ»¹⁹

Maksudnya: “telah ditetap kamu dengannya ‘Aka:shaṭ”.

Dalam Hadith ini, perumpamaan ini telah ditujukan kepada ‘Aka:shaṭ, iaitu salah seorang sahabat nabi yang telah dijamin masuk syurga tanpa hisab. Beliau adalah ‘Aka:shaṭ bin Muḥsin Ibnu Ḥartha:n bin Qis bin Marrat bin Kabi:r. Beliau dikenali sebagai Abu Muḥsin. Seorang yang bijak, bersih hati dan seorang yang berani dan Rasulullah SAW wafat semasa umurnya 44 tahun.

¹⁸. Sahih Bukhari: Nom. 5782/ (Ali al-Jarim & Musthafa Amin, 1987,p.135).

¹⁹. Riwayat Bukhari dalam Jami` as-Sahih. Nom. 6541

Menurut al-Mayda:niyy dalam kitabnya al-Mathal al-Qur'a:niyyat: 39, memberi pandangan secara umum bahawa mathal dalam al-Qur'an al-Karim yang disampaikan dalam bentuk gaya bahasa penyampaian merupakan satu gambaran sesuatu yang belum pernah dialami oleh manusia dan tidak dapat digambarkan dengan fikiran manusia.

Mathal tersebut, bertujuan untuk memberi gambaran tentang sesuatu dengan lebih jelas kepada pemikiran dan pandangan pendengar serta meyakinkan tentang sesuatu benda yang ingin disampaikan, dalam Wan Hassan Wan Mat (2009).

Mathal tersebut juga, bertujuan menjadikan benda yang ingin disampaikan itu lebih menarik dan dapat memyampaikan mesej yang sesuai dengan sesuatu perasaan dan bertujuan untuk memuji, menghina serta merendahkan seseorang.

2.4 Kepentingan Mathal

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa mathal memainkan peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat yang berbeza budaya, corak hidup dan pengetahuan mereka. Penggunaan mathal dari pelbagai masyarakat bukan sahaja dapat dilihat dari sudut penulisan dan penggunaan dalam percakapan, malah corak hidup masyarakat itu sendiri. Sebagaimana kita dapat melihat penggunaan kata-kata yang menarik yang terukir di setiap bangunan atau dinding-dinding dan peralatan rumah dan juga ada yang digantung di tempat-tempat perniagaan yang ditulis dengan khat-khat yang cantik dan ukiran yang menawan yang dapat menawan dan menenangkan hati bagi setiap pembaca yang membacanya (Maḥmu:d Ismail Şi:niyy, 1996).

Mathal juga berperanan sebagai pemberi pheringatan, nasihat, galakan, celaan, iktibar, pengakuan dan memberi makna dengan sesuatu yang abstrak. Mathal juga mengandungi penerangan tentang pheringkat balasan, pujian, celaan, balasan baik dan jahat, memuliakan atau menghina sesuatu, di samping memberikan atau hendak membatalkan sesuatu perkara (al-Zarkasyi, p. 486).

Menurut ‘Abdul Maji:d al-Bayanu:ni, (1991, p. 35), terdapat empat gaya bahasa mathal yang tidak terdapat pada gaya bahasa lain iaitu:

- i. Keindahan kiasan
- ii. Keelokan perbandingan
- iii. Ketepatan dan kepadatan makna
- iv. Keringkasan lafaz yang digunakan

2.5 Faedah-Faedah Mathal

Mengikut Mohd ‘Ali Sabuni (al-Sa:bu:ni, 2006, p. 13), menyatakan bahawa tujuan mathal adalah untuk menerangkan perkara yang susah, mendekati yang jauh, dan memperjelaskan makna, tidak membebankan fikiran untuk memikirkan sesuatu makna sebagaimana yang didatangkan oleh al-Qur’an al-Karim, contoh-contoh perumpamaan untuk menyedarkan para pendengar dan pembaca tentang makna yang terdapat dalam kitab yang mulia.

Oleh itu, al-Qur’an al-Karim mempunyai hikmah kerana perumpamaan dalamnya adalah bertujuan menerangkan makna dan memberi pengajaran yang berkaitan hukum dan situasi tertentu.

Sebagaimana contoh perumpamaan yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim.

Firman Allah:

{وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَالِمُونَ}

Maksudnya: “dan misal-misal perbandingan yang demikian itu kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu yang dapat memahaminya”.

(al-Ankabut: 43).

Faedah mempelajari mathal mengikut Ismail Şini:y adalah seperti berikut:

- i. Mathal merupakan salah satu seni yang diungkapkan yang dapat memberikan gambaran pemikiran tentang kehidupan masyarakat dan keadaan kebudayaan.
- ii. Dengan mempelajarinya juga mengetahui masa kata-kata itu diungkapkan. Selain itu, kita dapat mempelajari tentang kehidupan masyarakat sesuatu bangsa dari segi kehidupan sosio budaya, ekonomi, dan juga politik.
- iii. Di samping itu juga dapat mengetahui kehendak dan cita-cita sesuatu bangsa dari masa ke semasa serta dapat mengetahui kebudayaan Islam, kerana mathal yang diungkapkan adalah menunjukkan realiti tentang suara rakyat dan apa yang tersemat dalam pemikiran dan akal mereka.

Pada pendapat Manna'Khali:l al-Qattan (2000), terdapat beberapa faedah al-mathal kepada manusia. Di antaranya ialah:

- i. Peribahasa lahir dalam keadaan rasional (yang boleh diterima akal), yang dapat dirasakan oleh pancaindera manusia, dan dapat diterima akal, kerana pengertian-pengertian abstrak tidak dapat gambarkan dengan ungkapan berbentuk konkrit. Contoh: perumpamaan dalam al-Qur'an al-Karim yang

menerangkan tentang pahala yang tidak akan diperoleh oleh orang-orang munafik walaupun mereka berbuat kebaikan.

Firman Allah Ta`ala:

{فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا لَا يَقْدُرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا}

Maksudnya: “maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan” (al- Baqarah, 264).

- ii. Peribahasa menerangkan mengenai sesuatu fakta dan menggambarkan benda yang ghaib seolah-olah wujud. Contohnya, mereka yang memakan, mengambil riba tidak dapat berdiri seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan lantaran penyakit gila.

Firman Allah Ta`ala:

{الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ}

Maksudnya: “orang-orang yang memakan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila” (al- Baqarah, 275).

Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri, melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata

(berpendapat). Sesungguhnya ‘jual beli’ itu sama seperti ‘riba’, padahal Allah telah menghalalkan ‘jual beli’ dan mengharamkan ‘riba’.

- iii. Mengumpul makna mathal dalam ungkapan yang ringkas lagi indah, seperti yang terdapat dalam al-Mathal al-Ka:min dan al-Mathal al-Mursal sebagaimana yang disebut pada sebelumnya.
- iv. Mendatangkan ungkapan yang boleh melemahkan semangat sebagaimana yang boleh melemahkan jiwa orang yang mendengarnya.
- v. Mendatangkan ungkapan untuk menjauhkan (tanfir), iaitu benda yang mendatangkan kebencian dalam dalam jiwa seperti larangan Allah tentang larangan mengumpat.

Sebagai contoh ayat al-Qur’an berbunyi:

{ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُّحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ }

Maksudnya: “janganlah sebahagian daripada kamu mengumpat sebahagia yang lain, adakah kamu suka memakan daging saudaramu yang sudah mati, maka sudah tentulah kamu merasa jijik padanya” (al-Hujurat: 12).

Allah melarang sesetengah mereka daripada mengumpat saudaranya.

Betapa jijiknya perbuatan itu seolah-olah orang yang memakan daging saudaranya yang telah mati.

- vi. Mendatangkan ungkapan yang bertujuan untuk memuji seseorang. Sebagaimana contoh dalam al-Quran, surah (al-Fath: 29).

{ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ } .

Maksudnya: “demikianlah sifat-sifat mereka dalam taurat dan dalam injil iaitu dibaratkan sifat mereka seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya, maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat, lalu menjadi besarlah ia dan tegak lurus di atas pokoknya. Tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya, kerana Allah ingin melemahkan hati orang-orang kafir (iaitu dengan menunjukkan kekuatan orang-orang mukmin)”.

- vii. Mendatangkan mathal untuk menunjukan sifat manusia yang dibenci. Sebagaimana Allah menggambarkan tentang orang yang diberi kitab Allah maka ianya menyeleweng dan mengikut hawa nafsunya.

Firman Allah:

{وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي آتَيْنَاهُ آيَاتِنَا فَانسَلَخَ مِنْهَا فَأَتْبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ الْعَاوِينَ}* (١٧٥). وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحْمِلَ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَتْرَكُهُ يَلْهَثُ. ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا، فَاقْصُصِ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ} (١٧٦).

Maksudnya: “dan bacakanlah kepada mereka berita orang yang telah kami berikan kepadanya ayat-ayat kami (pengetahuan tentang isi-isi al-kitab), kemudian dia melepaskan diri daripada ayat-ayat itu, lalu dia diikuti oleh syaitan (sampai ia tergoda), maka jadilah ia termasuk orang-orang yang sesat” (al-A`raf, 175). Dan kalau kami menghendaki, sesungguhnya kami tinggikan darjatnya dengan ayat-ayat itu, tetapi dia cenderung kepada dunia dan menurutkan hawa nafsunya yang rendah, maka perumpamaanya seperti anjing. Jika kamu menghalaunya dihulurkan lidahnya dan jika kamu, membiarkannya dihulurkan lidahnya juga. Demikian itulah perumpamaan orang-orang yang

mendustakan ayat-ayat kami, maka ceritakanlah ayat-ayat itu agar mereka berfikir (al-A`raf: 176).

- viii. Mendatangkan mathal untuk menunjukkan sesuatu yang disenangi jiwa, menyampaikan peringatan, mengagumkan hati, dapat memberi nasihat dan boleh menakutkan. Sebagaimana yang digambarkan dalam ayat al-Qur'an al-Karim untuk memberi peringatan dan pengajaran.

Contoh Firman Allah Ta`ala:

{وَلَقَدْ صَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ}

Maksudnya: “sesungguhnya telah kami buatkan bagi manusia dalam al-Qur'an ini setiap perumpamaan supaya mereka dapat pelajaran” (al-Zumar, 27).

2.6 Peranan ilmu Bala:ghah

Ilmu Bala:ghah memainkan banyak peranan bagi memastikan sesuatu bahasa dapat memikat jiwa pembaca atau pendengar. Antara peranan ilmu Bala:ghah adalah seperti berikut:

- i. Bala:ghah dapat membimbing orang untuk berbahasa sesuai dengan konteks atau tuntutan keadaan pada saat ia berbicara (عِلْمُ الْمُعَايِنِ).
- ii. Bala:ghah juga mengajar cara-cara melontar idea, gagasan atau maksud dan tujuan melalui bahasa yang indah dan menarik (عِلْمُ الْبَيَانِ).
- iii. Bala:ghah menjelaskan sudut yang dapat memperindahkan bahasa, baik dari segi pilih katanya ataupun maknanya (عِلْمُ الْبَدِيعِ). Iaitu hubungan antara bahasa dengan gaya berbahasa yang indah dengan penggunaan disiplin ilmu

yang mengkaji pengungkapan bahasa yang indah dan hebat yang dikenali sebagai stilistik (بِلاغَة) (Ibid, 8).

Oleh itu, Bala:ghah adalah disiplin ilmu bahasa yang mengkaji bagaimana merungkai ungkapan yang indah dengan diksi dan gaya bahasa yang tepat dan menarik dan difahami serta dapat mempengaruhi jiwa pembaca atau pendengar.

Manakala semantik pula adalah disiplin ilmu bahasa yang memfokuskan kajiannya pada bidang makna yang terdapat pada ungkapan atau ujaran yang diucapkan oleh penutur dengan memahami maksud yang terdapat disebalik ungkapan tersebut. Contohnya :

الجمالُ بَيْنَ لِيَاسِهَا²⁰

Maksudnya: “keindahan itu terletak di antara pakaiannya”.

Ungkapan ini didatangkan dalam bentuk kina:yaṭ (sindiran) dalam bentuk pujian, maksudnya untuk memberi pujian kepada seorang wanita. Ungkapan ini menjelaskan bahawa, “keindahan bukan hanya ada pada pakaiannya sahaja tetapi pada penampilannya”.

Penggunaan bahasa seperti ini menambahkan ketinggian makna ungkapan tersebut yang disebut sebagai “muḥassinat al-ma'nawiyat” (المُحَسِّنَاتُ المَعْنَوِيَّة). Bala:ghah secara harfiah bererti sampai ke puncak atau kehebatan berbahasa. Kehebatan dan kepandaian seseorang dilihat dari bahasanya. Hal ini kerana Bala:ghah mendatangkan

²⁰ . Dalam (Tajudin Nur, 2010, p. 9)

makna yang hebat dan jelas. Melalui ungkapan yang benar dan fasih, ia dapat memberi kesan yang mendalam ke dalam jiwa pendengarnya. Menurut istilah Bala:ghah, orang yang hebat dalam tutur kata dan bicaranya dinamakan dengan mukallim ba:ligh (مُكَلِّمٌ بَالِغٌ) iaitu 'orang yang menyampaikan' atau mukallim fa':il (مُكَلِّمٌ فَاعِلٌ) 'orang yang melakukannya' (Tajuddin Nur , 2010).

Di sini kita dapat lihat kepentingan hubungan antara ilmu Bala:ghah dan ilmu Semantik. Kedua-duanya tidak dapat dipisahkan.

2.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, mathal Arab mendapat perhatian di kalangan ahli-ahli sasterawan, ahli bahasa dan cendekiawan bahasa yang dahulu dan terkemudian, yang mana mempunyai beberapa kepentingan dari segi bahasa, ianya merupakan salah satu sumber daripada bahasa. Manakala dari segi istilah pula, ianya merupakan gaya bahasa sastera yang banyak mempunyai keistimewaannya.

Oleh itu mathal Arab dianggap istimewa kerana ia menggambarkan kehalusan dan keseniannya dalam menyampaikan sesuatu mesej, dan kesahihan dalam ungkapan. Sesungguhnya terciptanya mathal tersebut dipengaruhi oleh kemampuan pemikiran dan pengalaman hidup sesebuah masyarakat dalam interaksi mereka dengan alam sekitar, samada dari segi fizikal ataupun sosial.

Oleh itu melalui mathal tersebut mereka dapat menyampaikan rasa hati atau pemikiran serta perasaan yang lebih berkesan kepada orang lain. Sebagaimana ungkapan yang diungkapkan oleh nabi SAW yang berbunyi:

”إِنَّ مِنَ الْبَيَانِ لَسِحْرًا“,

Maksudnya: “sesungguhnya sebahagian dari penjelasan itu sihir”

(al-Askariyy, 1988, p. 13. Jld. 1).

Maksud daripada ungkapan ini adalah ‘penjelasan yang baik’ itu dimaksudkan ‘sihir’ kerana ianya boleh mempengaruhi dan menarik perhatian sesiapa yang mendengarnya. Ungkapan ini sememangnya telah masyhur, begitu juga dengan penuturnya yang sememangnya telah dikenali umum di kalangan masyarakat Arab dan bukan Arab, sehingga kini ungkapan ini sangat popular sehingga ke hari ini.

Justeru itu, perkembangan mathal ini mendapat perhatian di kalangan masyarakat dan berkembang dari satu generasi ke generasi lain sehingga kini, masyarakat mula berminat untuk mengkaji, mempelajarinya dan menggunakan peribahasa ini dalam percakapan mereka.

Peribahasa terdiri daripada pelbagai bentuk dan tujuannya, sebagaimana contoh-contoh yang terdapat dalam al-Qur’an al-Karim dan juga Hadith. Peribahasa yang dinyatakan di sini adalah bertujuan untuk mendedahkan kepada pembaca supaya memahami, mengetahui dan mengambil pelajaran daripada ilmu yang disampaikan dengan gaya bahasa yang menarik dan unik.

Peribahasa juga berfaedah dan memainkan peranan penting dalam masyarakat supaya menghindarkan diri daripada perbuatan negatif, memberi nasihat yang lebih efektif dengan susunan ayat-ayat menarik yang boleh mempengaruhi jiwa para pendengar dan

pembaca. Walaupun mempunyai ayat yang ringkas tetapi mempunyai makna yang luas dan makna yang tersirat di dalamnya.

Ungkapan yang menarik dalam masyarakat Melayu dikenali sebagai ‘bunga bahasa’ yang mana dapat memikat sesiapa yang mendengarnya. Peribahasa merupakan cabang ilmu Bala:ghah (retorik) bahasa Arab. Ilmu ini memainkan peranan penting bagi memastikan penggunaan bahasa yang betul dan menarik.

2.8 Ilmu Semantik Arab (عِلْمُ الدَّلَالَةِ / عِلْمُ الْمَعْنَى)

Selain daripada ilmu-ilmu seperti ilmu nahu, soraf dan juga ilmu aswat, semantik merupakan salah satu ilmu yang dapat dipelajari untuk memahami atau mempelajari linguistik Arab dengan dengan berkesan. Hal ini kerana ilmu ini menerangkan tentang hubungan makna, medan makna dan perkembangan makna dalam konteks bahasa Arab.

Menurut Tajuddin Nur (2010), sebagaimana yang dipersetujui oleh ahli-ahli bahasa, ianya merupakan bidang ilmu yang membahaskan tentang makna. Analisis semantik untuk sesebuah bahasa hanya berlaku untuk bahasa yang berkaitan. Pengalaman menunjukkan bahawa setiap bahasa memiliki cirinya yang tersendiri pada pembentukan makna dalam kata.

Sebagai contoh perkataan ‘unta’ dalam bahasa Melayu mempunyai banyak nama dalam bahasa Arab iaitu, ‘جَمَلٌ’ (jamal), ‘نَاقَةٌ’ (na:qaṭ), ‘بَعِيرٌ’ ba:‘ir, ‘عِشَارٌ’ ‘isha:r, ‘مِعْشَارٌ’ (mi‘sha:r), dan ‘ضَامِرٌ’ (ḍha:mir).

Mempelajari makna hakikat juga menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dapat difahami oleh setiap masyarakat. Oleh itu pemakaian bahasa haruslah mengikut kaedah tatabahasa dan kaedah pilihan kata (diksi) yang betul.

Sebagaimana bahasa Malaysia mengambil istilah semantik daripada bahasa asing begitu juga bahasa Arab menggunakan istilah السِّمِّيَّاتِيكُ atau juga dikenali sebagai 'عِلْمُ الدَّلَالَةِ' atau 'عِلْمُ الْمَعْنَى'.

2.9 Jenis-Jenis Makna

Terdapat berbagai-bagai jenis makna yang dibincangkan dalam bidang ini. Umar (1993), dalam bukunya 'ilmu al-dilalat' membahagikan jenis makna ini kepada 5 jenis iaitu, makna dasar, makna konotasi, makna stilistik (gaya bahasa), makna personal, dan makna pictorial. Manakala Leech (1976), membahagikan kepada 7 jenis makna iaitu, makna konseptual, makna efektif, makna refleksi, makna kolokatif, makna konotatif, makna stilistik dan makna tematik.

Setiap jenis makna itu dapat dibezakan oleh kriteria-kriterianya tertentu. Namun secara umumnya, sesuatu leksikal dapat dibezakan dengan adanya makna konotatif dan denotatif. Berdasarkan ketepatan makna, jenis makna dapat diketahui samada makna kata dan makna istilah atau makna umum dan khusus. Di sini pengkaji hanya mengambil makna kata yang tertentu sahaja yang dikira amat penting dalam kajian ini.

2.9.1 Makna Leksikal

Leksikal adalah makna yang adjektif dari bentuk nomina leksikon (kosa kata). Satuan leksikon adalah leksem, yaitu satuan bentuk bahasa yang bermakna, jika leksikon disamakan dengan kosakata, leksem pula disamakan dengan makna. Oleh yang demikian itu, kita dapati bahawa makna leksikal adalah makna yang bersifat leksikon, leksem atau bersifat kata.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa makna leksikal adalah sesuai dengan referennya (pemakaiannya), makna yang sesuai mengikut keadaan dan nyata dalam kehidupan kita.

Contohnya perkataan ‘بَيْتٌ’ (bayt) membawa makna yang berbeza seperti:

- i. “سَكَنْتُ فِي بَيْتِ أَبِي” “saya tinggal dirumah kedua orang tuaku”.
- ii. “بَيْتِي جَنَّةٌ” “rumahku syurgaku”.
- iii. “طُفْتُ فِي الْبَيْتِ الْعَتِيقِ” “saya tawaf di kaabah”.
- iv. “أَكْرَمْتُ أَهْلَ الْبَيْتِ إِكْرَامًا” “saya sangat memuliakan keluarga nabi SAW”.

Terdapat perubahan makna yang dapat dilihat pada contoh di atas. Leksikal yang terdapat pada ayat pertama dan kedua, memang sesuai penggunaannya. Perkataan ‘bayt’ pada ayat yang pertama, bermaksud ‘rumah’ iaitu makna yang sebenar. Manakala ayat yang ketiga, bermaksud ‘kaabah’ dan ayat yang keempat, bermaksud ‘keluarga Nabi SAW’, iaitu memberi makna sebaliknya, bukan makna sebenar.

Kalau diperhatikan contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa makna leksikal adalah gambaran yang jelas tentang suatu konsep yang dilambangkan oleh kata itu. Hal ini

berbeza dengan makna bukan leksikal, iaitu penggunaannya dapat dijelaskan apabila ianya berada dalam perkataan atau satuan sintaksis yang lain.

2.9.2 Makna Kata Dan Makna Istilah

Perbezaan di antara makna kata dan istilah adalah berdasarkan kepada makna kata dalam penggunaannya secara umum dan khusus. Makna umum adalah makna yang digunakan dalam percakapan seharian manakala makna khusus juga dikenali dengan makna istilah iaitu memiliki makna tetap dan pasti yang digunakan dalam bidang kegiatan dan keilmuan tertentu.

Contohnya, perkataan ‘كِتَابٌ’ kitab bermaksud umum iaitu ‘buku’, manakala dalam agama Islam kitab dikenali dengan al-Qur’an al-Karim dan agama Kristian dikenali dengan Bible, dengan ini penggunaan istilah kitab di sini menjadi lebih khusus mengikut bidang agama yang berlainan.

2.9.3 Makna Peribahasa

Makna peribahasa adalah makna konotasi, yang mempunyai perbezaan antara satu budaya dengan budaya masyarakat lain. Sebagaimana peribahasa yang diungkapkan mempunyai latar belakang budaya dan norma-norma bahasa yang tersendiri. Peribahasa Arab dan ungkapan Melayu juga mempunyai nilai perbezaan mengikut budaya masyarakat tersebut. Contoh: Peribahasa Arab:

”أَسْمَعُ جَعَجَعَةً وَلَا أَرَى طِيْحَنَا”

Maksudnya: “aku mendengar suara bising tapi tidak nampak mesin gilingnya”

(al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 124).

Peribahasa ini menunjukkan mengenai “seseorang yang banyak bercakap atau pandai bercakap tetapi malas bekerja”. Manakala ungkapan Melayu pula, menunjukkan “seseorang yang pandai cakap tetapi malas bekerja”, disamakan dengan peribahasa yang berbunyi, “*ringan mulut, berat punggung*”, bermaksud: “pandai bercakap tetapi malas bekerja”. Terdapat juga, peribahasa Melayu yang mempunyai maksud sama mengenai seseorang yang banyak cakap sehingga menyebabkan bunyi bising, “seperti murai tercabut ekor” (Alias bin Hj. Muda, 2010).

Walaupun terdapat perbezaan dari segi lafaz dan kata, namun ianya mempunyai persamaan dari segi makna dan mesej yang ingin disampaikan. Masyarakat Arab menggunakan ‘جَعَجَعَة’ (ja‘jat) iaitu, ‘hiruk pikuk bunyi unta’, menunjukkan gambaran bising, kerana unta pada masa itu merupakan binatang yang penting untuk mereka pada masa dahulu.

Manakala masyarakat Melayu pula, menggambarkan ‘murai’ untuk menyatakan maksud ‘bising’ menunjukkan, tabiat haiwan tersebut yang sinonim dengan masyarakat Melayu pada masa itu.

2.10 Medan Makna Dan Komponen Makna

i. Medan makna

Medan makna (*semantic field* atau *semantic domain*) adalah salah satu bahagian daripada sistem semantik yang bahagian dari bidang kebudayaan atau realiti dalam alam semesta tertentu yang direalisasikan oleh sekumpulan unsur leksikal yang maknanya berhubungan, sebagai contoh nama kata yang berkaitan dengan ‘sekolah’,

‘istilah kekeluargaan’, ‘istilah ekonomi’, ‘perubatan’ dan sebagainya mempunyai medan maknanya yang tertentu (Kridalaksana, 1982).

Kata atau leksem dalam setiap bahasa dapat dikelompokkan ke dalam kelompok-kelompok tertentu yang maknanya saling berkaitan dan berdekatan kerana sama-sama berada dalam satu bidang kegiatan dan keilmuan, seperti kata ‘كَرْسٍ’ (darasa) ‘belajar’ mempunyai kompenan makna yang tertentu yang berkaitan dengannya seperti ‘دَارِسٍ’ (da:ris) ‘pelajar’ ‘مُدَّرِّسٍ’ (mudarris) ‘pengajar’ ‘مَدْرَسَةٍ’ (madrasat) ‘tempat belajar atau sekolah’ ‘إِمْتِحَانٍ’ (imtiḥa:n) ‘peperiksaan dan lain-lain kata yang berkaitan dengan leksikal tersebut dianalisis sehingga dapat diketahui perbezaan dan persamaan kata antara satu sama lain.

Dalam setiap bahasa yang berlainan mempunyai unsur leksikal dan kata yang maknanya berhubungan dalam satu bidang tertentu, jumlahnya berbeza dari satu bahasa dengan bahasa lain. Ini adalah disebabkan pengaruh budaya dan keadaan kemajuan sesuatu masyarakat dalam penggunaan bahasa yang berkaitan.

Di sini pengkaji mengambil contoh ringkas mengenai istilah keluarga dalam bahasa Arab mempunyai lebih banyak leksikal berbanding dengan bahasa Jerman dan Melayu, dan iaitu bapa saudara dan emak saudara dalam bahasa Melayu dikenali dengan gelaran mak cik (emak saudara) dan pakcik (bapa saudara).

Manakala dalam bahasa Jerman, sebagai ‘tante’ (makcik) dan ‘onkel’ (pak cik) tetapi dalam bahasa Arab mempunyai pecahan tambahan iaitu, ‘نَحَالٍ’ dan ‘نَحَالَةٌ’ bemaksud,

‘pakcik dan makcik sebelah emak’, manakala perkataan ‘عَمِّمٌ’ dan ‘عَمَّةٌ’ bermaksud ‘pak cik dan makcik sebelah ayah’.

ii. Kompenan Makna

Kompenan makna atau kopenan semantik (*semantic feature, semantic property, semantic marker*) menunjukkan setiap kata atau unsur leksikal terdiri dari satu unsur atau beberapa unsur yang bersama-sama membentuk makna kata atau makna unsur leksikal tersebut.

Sebagai contoh, Kamus Bahasa Arab al-Munjid (1975) dalam Tajuddin Nur (2010), mendefinisikan kata ‘الْفَرَسُ’ kuda adalah ‘حَيَوَانٌ أَهْلِيٌّ أَكْثَرُ اسْتِعْمَالِهِ لِلرُّكُوبِ’ binatang jinak yang banyak digunakan sebagai tunggangan. Oleh itu ciri-ciri jinak menjadi ciri-ciri umum daripada kata ‘الْفَرَسُ’ kuda, maka ciri-ciri makna tunggangan menjadi ciri-ciri khusus yang membezakan dengan ‘الْبَقَرُ’ lembu atau ‘الْعَمَمُ’ kambing, binatang ‘الْبَقَرُ’ dan ‘الْعَمَمُ’ juga mempunyai ciri-ciri binatang yang jinak, tetapi bukan tergolong dalam ciri-ciri binatang tunggangan seperti kuda.

2.11 Hubungan Antara Makna

Dalam bahasa arab dan juga bahasa-bahasa lain, mempunyai hubungan makna atau relasi semantik antara satuan bahasa dengan bahasa yang lain. Hubungan makna ini terjadi melalui keadaan persamaan makna ‘التَّرَادُفُ’ (al-tara;duf) sinonim, ‘التَّضَادُّ’ (al-taḍa:d) antonim, ‘الإِشْتِرَاكُ اللَّفْظِيُّ’ (istira:k al-lafziyy) polisemi, ‘لَفْظِيَّةٌ مُجَانِسَةٌ’ (lafziyat muja:nisaṭ) homonim, ‘عَمُوضٌ’ (ghumu:d) kegandaan makna atau ambiguiti dan juga hiponim dan hipernim.

2.11.1 Sinonim (التَّرَادُف)

Sinonim adalah terjadi daripada dua ujaran atau ujaran dalam bentuk morfem terikat, kata, frasa atau kalimat yang menunjukkan persamaan makna atau hampir sama. Misalnya, perkataan Arab ‘صَدِيق’, ‘رَفِيق’, ‘صَاحِب’, ‘زَمِيل’ begitu juga dengan perkataan Melayu mempunyai persamaan makna pada perkataan, ‘teman’, ‘kawan’, ‘rakan’, ‘sahabat’. Perkataan-perkataan tersebut mempunyai makna hampir sama, walaupun tidak terdapat perkataan yang bersinonim yang mempunyai makna yang benar-benar sama secara tepat.

2.11.2 Antonim (التَّضَادُّ)

Istilah ‘antonim’ pada mulanya diukur oleh C.J. Smith pada tahun (1867). Beliau menerbitkan perkataan berbentuk ‘sinonim and antonim’ sebagai pasangan sinonim. Ia juga menyukai istilah *counterterm*²¹, tetapi ia juga mengakui beberapa orang masih menyukai istilah antonim. Oleh itu antonim tergolong dalam terminologi semantik, khususnya semantik kata (Tajudin Nur, 2010).

Antonim adalah makna yang berlawanan, iaitu perkataan atau kata-kata yang mempunyai makna yang tidak sama, contohnya perkataan ‘كَبِير’ ‘besar’ berantonim dengan kata ‘صَغِير’ ‘kecil’, secara umumnya ianya tergolong dalam perkataan yang berlawanan, contoh , ‘بَرِيد’ ‘sejuk’ lawan ‘حَار’ ‘panas’ .

Tidak semua perkataan mempunyai pertentangan makna antara satu dengan yang lain, sebagai contoh perkataan ‘غَنِي’ ‘kaya’ dengan ‘مِسْكِين’ ‘miskin’, kerana dua perkataan ini

²¹ .Istilah lain bagi perkataan sinonim

bukanlah bersifat mutlak, iaitu orang yang tidak kaya belum tentu merasa miskin. Begitu juga orang yang miskin belum tentu tidak kaya.

2.11.3 Polisemi (اللفظ المشترك أو الاشتراك اللفظي)

Polisemi biasanya dimaksudkan sebagai hubungan kata atau frasa yang mempunyai makna lebih dari satu dan mempunyai etimologi yang sama yang dikenali dalam bahasa Arab sebagai 'الاشتراك اللفظي' atau 'اللفظ المشترك'.

Sebagai contoh perkataan 'ضرب' (daraba) yang secara leksikalnya bermaksud 'memukul', mempunyai makna yang berbeza bergantung pada konteks ayat, sebagaimana contoh-contoh yang terdapat pada ayat-ayat berikut:

- i. 'ضرب' bermaksud perumpamaan

{وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ، قَالَ مَنْ يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ}

Maksudnya, dan ia membuat 'perumpamaan' bagi kami, dan dia lupa kepada kejadiannya, lalu berkata; "siapakah yang menghidupkan tulang belulang yang telah hancur luluh" (Yasi:n: 78).

- ii. 'ضرب' bermaksud memukul

{وَإِذِ اسْتَسْقَى مُوسَى لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ، فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا}

Maksudnya: "dan ingatlah ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya", maka Kami berfirman: "pukullah batu itu dengan tongkatmu", (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air (al-Baqarat, 60).

iii. 'ضَرَبَ' bermaksud memancung

{ فَإِذَا لَقَيْتُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَضَرْبَ الرِّقَابِ }

Maksudnya: “dengan yang demikian, apabila kamu berjuang menentang orang-orang kafir (dalam peperangan jihad), maka ‘pancunglah’ lehernya” (Muhammad, 4).

Berdasarkan ayat al-Qur’an di atas, kewujudan polisemi ditinjau dengan berasaskan konteks penggunaannya.

2.11.4 Homonim (المُجَانِسَةُ اللَّفْظِيَّةُ)

Mengikut Verhaar (1978), mendefinisikan homonim sebagai ungkapan (berbentuk kata, frasa, klausa) yang bentuknya sama dengan ungkapan lain iaitu (kata, frasa dan klausa), tetapi berbeza maknanya. Seperti perkataan ‘بَيْتٌ’(bayt) bermaksud ‘rumah’ dan ‘بَيْتٌ’ bermaksud ‘bayt syair’ dan perkataan ‘قَرِيبٌ’(qari:b) bermaksud ‘dekat’ dan ‘قَرِيبٌ’ bermaksud ‘kerabat’ dan kata ‘سِنَّ’(sinn) bermaksud ‘usia’, ‘gigi’ atau ‘mata pena’.

Kadang-kadang penggunaan kata ini boleh membawa kekeliruan jika tidak didatangkan dalam konteks yang tertentu. Hal ini kerana homonim mempunyai sebutan dan bentuk ejaan yang sama dan berlainan dari segi makna.

2.11.5 Hiponim dan Hipernim (الكَلِمَةُ الْمُنْدَرِجَةُ)

Kata hiponim berasal dari bahasa Yunani Kuno onoma ‘sama’ dan hippo ‘di bawah’ yang bermaksud terkandung di bawah nama lain. Dari segi semantik, hiponim juga juga

merupakan bahagian dari suatu makna dari suatu ungkapan yang lain.

Contohnya: perkataan ‘وَزْدَة’ ‘mawar’ adalah hiponim dari kata ‘زَهْرٌ’, ‘bunga’, kerana kata ‘وَزْدَة’ ‘mawar, termasuk dalam kategori bunga, tetapi ‘زَهْرٌ’ buka sahaja terhad kepada kata ‘وَزْدَة’ ‘mawar’ sahaja, ianya juga merangkumi bunga ‘يَاسْمِينٌ’, yasmin, ‘هُرَامِي’, ‘tulip’, ‘تَيْلُوفَرٌ’, ‘teratai’ dan sebagainya (Venhaar, 1978, p. 137).

Di sini kita dapati bahawa hiponim merupakan kata umum yang mempunyai hubungan kata-kata yang lebih khusus atau hubungan kekeluargaan yang mempunyai lingkungan atau anggotanya yang terdiri daripada kata umum kepada kata yang lebih khusus.

2.12 Kesimpulan

Analisis jenis makna, medan makna dan kompenan makna adalah merangkumi struktur dalam ilmu semantik. Oleh itu kita dapati kata bermakna sebagaimana kata filsuf Jerman, Wittgenstein (1830 dan 1858), ‘kata tidak mungkin dipakai dan bermakna untuk semua konteks kerana konteks itu selalu berubah dari waktu ke waktu, makna tidak lengkap di luar kerangka pemakaiannya (Parera, 1990).

Semantik juga menetapkan tatacara kajian makna secara ilmiah dengan menggunakan metode yang jelas lagi bersistematik. Semantik tidak hanya memfokuskan kepada kajian secara teori sahaja malahan ia mengkaji elemen makna terhadap bahasa manusia secara amali dan aplikasi. Kajian makna secara teori ini mengaplikasi hasil-hasil kajian semantik secara teori dalam sebuah buku khas yang dikenali sebagai kamus ‘mu‘jam’ dalam bahasa Arab (Muhammad Marwan Ismail et.al, 2009, p. 34).

Oleh itu, hubungan antara makna itu penting untuk mengetahui makna yang terdapat dalam ujaran ataupun tulisan. Dengan ini kita dapati bahawa makna frasa dan ayat bergantung pada makna perkataan yang terkandung dalamnya mengikut struktur dan gabungannya.

Semua bahasa bergantung kepada makna dalam perkataan dan ayat. Setiap perkataan mempunyai pecahan maknanya yang tersendiri. Sesetengahnya hanya dapat difahami penggunaan maknanya dengan tepat apabila berada dalam konteks ayat.

2.13 Sejarah Perkembangan Peribahasa Arab

Peribahasa Arab berkembang sejak beribu tahun dahulu dengan adanya perkembangan sastera Arab yang berlaku beberapa peringkat mengikut zaman dan peredarannya, sehingga berkembang ke serata dunia hingga ke hari ini. Ia menjadi rujukan dan menarik minat masyarakat hari ini untuk mengkaji dan mempelajari ketinggian kesenian yang terdapat pada peribahasa tersebut.

Mengikut Muhammad Bukhari Lubis (1994), dalam Nasrun Adil Mohd Yusuf (2003), menyatakan bahawa Kesusasteraan Arab dilihat dari sudut peringkat masanya, zaman ini meliputi tempoh masa yang tidak melebihi 2000 tahun, iaitu bermula sejak abad sebelum kedatangan Islam dan berterusan sehingga ke hari ini.

Perkembangan perumpamaan Arab adalah merupakan salah satu unsur kesenian yang terdapat dalam sastera Arab, yang mana kita ketahui bahawa perkembangan Kesusasteraan Arab berkembang pada zaman jahiliyah, zaman pra Islam sehingga

zaman Arab moden sehinggalah ke negara luar terutama ke Afrika Selatan dan Utara dan akhirnya ke negara Asia (Ibid, 2003).

Di sini pengkaji ingin mengupas secara ringkas tentang perkembangan peribahasa Arab mengikut peringkat-peringkat perkembangan kesusasteraannya dan membawa sedikit gambaran tentang perkembangan peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu untuk memberi gambaran secara keseluruhan kepada kita tentang kedudukan peribahasa di mata dunia umumnya dan kedudukan di kalangan masyarakat Arab khususnya (Ibid, 2003).

2.13.1 Kedudukan Peribahasa Pada Zaman Jahiliyah

Kita tidak menetapkan tarikh kemunculan peribahasa Arab dengan tepat ini adalah kerana ia merupakan salah satu kesenian turun temurun pada masa dahulu lagi. Hal ini adalah kerana kepentingan peribahasa pada masa itu dapat mencerminkan alam sekitar masyarakat, budaya, alam sekitar dan semangat masyarakat dan hati nurani bangsa, baik yang masih murni ataupun yang telah dipengaruhi oleh budaya asing seperti Parsi, Yunani, Rom dan India, kerana sifat ini adalah pandangan popular pada masa itu dituturkan tetapi tidak diketahui siapa penuturnya (Ibid, 2003).

Perumpamaan atau bidalan merupakan salah satu bentuk prosa yang terdapat dalam zaman jahiliyah. Ia boleh diertikan sebagai kata-kata ungkapan yang popular dan tersebar luas dalam sesebuah masyarakat. Dalam perumpamaan mengandungi dua keadaan, iaitu keadaan pertama telah pun berlaku atau diketahui sudah berlaku, manakala keadaan yang kedua pula ialah keadaan baru yang sama bentuknya dengan

keadaan yang lepas, jadi keadaan baru ini diumpamakan atau dibandingkan dengan keadaan yang telah terkenal dan sudah berlaku (Osman Khalid, 1987, p.130).

Biasanya perumpamaan ini membayangkan secara benar kehidupan dalam sesebuah masyarakat serta mencerminkan secara khususnya pemikiran masyarakat tersebut. Di samping itu, perumpamaan ini juga menggambarkan tradisi, adat istiadat dan kepercayaan sesuatu masyarakat, ringkasnya perumpamaan merupakan cermin penyuluh yang menyingkap aspek sosial, politik dan budaya sesuatu bangsa. Perumpamaan ini diselitkan pada sesuatu kata akan lebih melahirkan keindahan serta mempertingkatkan mutu kata-kata tadi (Ibid, p. 130).

Terdapat juga sesetengah peribahasa Arab terikat dengan sesuatu peristiwa yang berlaku dan dapat diketahui penuturnya, yang mana penuturnya tergolong dalam kalangan orang-orang ternama dan terkenal seperti Bi'aktham bin Şayfi:, Ahnaf bin Qi:sy dan lain-lain. Manakala ada sesetengah peribahasa yang dikaitkan dengan orang-orang yang terkenal, tetapi tidaklah menjadi satu kemestian untuk mengetahui penuturnya, seperti contoh peribahasa tersebut disandarkan kepada Sinimar dan Basu:s iaitu:

‘جَزَاءِ سِنِمَارٍ’ atau ‘جَزَاهُ سِنِمَارٍ’²² atau ‘أَشَامٌ مِنَ الْبَسُوسِ’²³ dan juga ungkapan yang disandarkan kepada Tarafah, iaitu ‘حَالًا لَكَ الْجُوُّ فَبَيْضِي’²⁴.

Sesetengah perumpamaan Arab penyusunnya menjaga kisah yang asal dan mengenal pasti penuturnya, seperti ungkapan yang dituturkan oleh Dhabbat bin 'Ad, ‘إِنَّ أُنَا’

²² . (al-Askariyy, 1988, p. 305. Jld. 1).

²³ . (al-Askariyy, 1988, p. 556. Jld. 1).

²⁴ .(Maḥmu:d Ismail Şi:niyy, 1996).

(جَلَّ)، oleh Saḥim ibnu Wathil al-Riya:hi: dan ungkapan Qira:d bin 'Ajda' yang menceritakan kisahnya bersama Nu`man:

“إِنَّ غَدًا لَّنَاظِرِهِ قَرِيبٌ”.

Maksudnya: “sesungguhnya esok dekat penantiannya”

(Maḥmu:d Ismail Şi:niyy 1996, p. 8).

Maksud yang ingin disampaikan iaitu supaya bersabar dalam melakukan sesuatu perkara atau mengambil tindakan serta tidak terburu-buru dan tergesa-gesa. Ibarat kata pepatah Melayu, “makan bubur panas-panas”²⁵.

Perkembangan peribahasa Arab pada masa jahiliyah berkembang selari dengan perkembangan sastera pada zaman itu. Antara faktor yang menyumbang kepada perkembangan kesenian budaya pada masa itu salah satu faktornya adalah kerana percampuran antara budaya Rom dan Parsi ke dalam budaya Arab yang menjadikan sastera Arab pada masa itu mencapai ketinggian dalam bidang kesusasteraan walaupun hanya dalam bentuk lisan.

Walaupun kesusasteraan lisan sederhana dan pemikiran yang mudah tetapi mempunyai nilai estetika yang tinggi, ini adalah kerana nilai ini dihasilkan oleh imaginasi yang tinggi dan perasaan yang halus. Imaginasi ini hanya mampu dihasilkan oleh segelintir daripada bangsa Arab Jahiliyah pada masa itu yang meminati dalam bidang seni syair yang disanjung oleh masyarakat Arab pada masa itu.

²⁵ . http://ms.wikipedia.org/wiki/Peribahasa_bermula_dengan_huruf_%22M%22

Kebanyakan penyair pada masa ini mendapat kedudukan yang tinggi disebabkan puak Arab pada masa itu hidup berpuak-puak dan ta'sub pada puak masing-masing. Keadaan ini menyebabkan penyair diperlukan untuk menaikkan martabat dan kedudukan kabilah mereka.

Oleh kerana komunikasi lisan menjadi perantaraan yang sangat penting pada masa itu, penyair sudah semestinya dikagumi oleh setiap individu dan qabilah serta menjadi jurucakap kepada qabilah masing-masing jika ada perbalahan dan pertempuran. Dengan ini banyaklah syair dan prosa-prosa Arab dikarang yang menyentuh isu-isu tersebut.

Sebagaimana yang kita telah ketahui bahawa perumpamaan termasuk dalam salah satu daripada jenis-jenis prosa atau puisi Arab pada masa jahiliyah. Mathal memainkan peranan penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan bangsa dan masyarakat, kerana daripada itu mereka dapat kebijaksanaan dan pengalaman. Bangsa Arab juga perlu merujuk kembali pepatah lama dan baru serta syair Arab. Hal ini kerana syair merupakan sumber yang penting dalam dewan Arab pada masa itu.

Hal ini dapat dilihat apabila para sasterawan Arab masa pra-Islam di abad pertengahan Islam prihatin dalam mengumpul peribahasa pada masa jahiliyah dan menulisnya, antara orang yang berminat dalam bidang ini ialah, Ubaid bin Harip (wafat sekitar 67 H, 686M) pada tempoh Umayyah, dan al-Maidaniyy (wafat. 518H, 1124) pula telah menulis sebuah buku terkenal mengenai mathal, yang mana dinamakan 'himpunan mathal' (al-Mayda:niyy, 1978).

Walaupun begitu, menurut para sasterawan Arab lama, hanya sedikit mathal Arab Jahiliyah yang dapat dicatat sejarah penulisanya ini adalah kerana karya yang tidak tertulis dan luput begitu sahaja. Hal ini berlaku adalah kerana sebahagian dari ungkapan tersebut tidak sempat dikenalpasti dan dihafal, sementara yang dihafal oleh sesetengah sasterawan lain juga hilang selepas kematian mereka.

2.13.2 Kedudukan Peribahasa Pada Zaman Islam Dan Selepasnya

Walaupun begitu, secara umumnya penyusunan mathal Arab tidak dapat diketahui tarikh penyusunannya dengan tepat atau penuturnya kerana ia hanyalah ungkapan yang dipindahkan kepada seseorang dan diungkapkan oleh mereka dan hanya diwarisi secara turun temurun dari generasi yang dulu mengikut kesesuaian sejarah yang berlaku dari satu generasi ke generasi tertentu.

Sebagaimana kita telah ketahui bahawa perumpamaan Arab mempunyai nilai estetika yang memberi kesan kepada masyarakat Arab serta diberi pemerhatian yang tinggi lebih-lebih lagi apabila banyak penggunaan perumpamaan digunakan dalam al-Qur'an al-Karim dan juga Hadith sejak awal penyusunannya lagi. Begitu juga dengan penulisan mathal lama Arab ini yang ditulis oleh penulis-penulis terkenal pada masa jahiliyah dan juga pada masa Islam sehinggalah penulisan mathal yang terdapat dalam syair Arab dan berbagai-bagai penulisan lain.

Oleh itu perkembangan mathal pada zaman ini selari dengan perkembangan syair Arab. Ini kerana penggunaannya diselitkan dalam penggunaan syair Arab, al-Qur'an dan juga Hadith. Oleh itu perkembangan mathal ini dapat dilihat perubahannya dalam perkembangan sastera Arab.

Setelah kedatangan Islam, sastra memainkan peranan yang besar dalam perubahan budaya masyarakat Arab dalam menyatukan masyarakat Arab yang berqabilah dan ta'ub kepada kaum masing-masing menuju kehidupan yang lebih mulia berpandukan al-Qur'an al-Karim dan Hadith.

Oleh itu Islam telah memperkenalkan corak kesusasteraan baru yang berbeza dengan masyarakat Arab Jahiliyah yang mana mereka begitu fanatik dengan qabilah atau suku mereka. Keadaan ini digambarkan dalam syair-syair mereka mengenai kebanggaan tentang kaum masing-masing, begitu juga khutbah yang kebanyakan berfungsi sebagai pembangkit semangat berperang dalam mempertahankan qabilahnya.

Walaupun Islam memperkenalkan corak kesusasteraan baru namun begitu karya-karya pada masa jahiliyah tetap dipertahankan oleh Islam seperti hikmah dan semangat juang, malah telah menjadikan syair dan prosa salah satu media komunikasi dakwah dalam menyeru masyarakat Arab untuk mentauhidkan Allah.

Selain itu, Islam telah memperkenalkan corak memperkayakan tatabahasa Arab dengan penggunaannya yang meliputi seluruh aspek kehidupan yang menyeluruh, sesuai dengan Islam sebagai agama yang universal. Manakala uslub dan gaya bahasa al-Qur'an adalah mukjizat dan dapat mengatasi kehebatan syair dan prosa serta puisi Arab pada masa jahiliyah.

Pada masa ini penyair lebih cenderung kepada penggunaan nasar atau prosa dan pidato yang diperindahkan dengan perumpamaan yang didatangkan dalam ayat-ayat al-Qur'an al-Karim dan diperkembangkan penggunaannya semasa perluasan kawasan Islam

ke Semenanjung Tanah Arab khususnya dan sekitar tanah Arab amnya. Penggunaan media ini amat memberi kesan yang mendalam kepada pendengar.

Penggunaan nathar atau prosa ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu, khutbah, wasiat, hikmah dan mathal (yang dapat menarik minat pengkaji untuk mengkaji secara mendalam dalam bidang ini). Manakala penggunaan kesusasteraan Arab pada zaman Umawiyah dan Abbasiyyah tidak banyak perbezaannya, ini kerana berlakunya perpecahan politik antara kaum dan puak Arab pada masa itu. Suasana ini mempengaruhi perkembangan kesusasteraan pada masa itu.

Salah satu faktor lain juga timbul pada masa Zaman Abbasiyyah dalam kalangan golongan 'Ajam (bukan Arab), kerana mereka tidak diberi keutamaan yang telah menyebabkan timbulnya pemberontakan dalam kalangan rakyat (Nasrun Adil Mohd Yusuf, 2003).

Pemberontakan ini telah menimbulkan peperangan bukan sahaja dengan pedang, malah juga dengan minda yang menunjukkan kemarahan mereka yang digambarkan melalui syair. Perang mulut juga digunakan dalam tema-tema syair mereka, antara tema syair pada zaman Umayyah bertemakan sifat (al-wasf), amaran (i`tizar), cinta (ghazal), ratapan (ratha:`), hina (hija: `) dan pujian (madah).

Begitu juga pada zaman bani Abbasiyyah yang mana pengaruh sastera tidak jauh berbeza dengan zaman sebelumnya, ini adalah kerana gejolak politik yang mempengaruhi perubahan sastera pada masa itu (Shauqi Dayf 1996, p. 19).

Perpindahan khilafah daripada Baghdad ke Damsyik dengan kekuatan tentera Khurasan adalah satu petanda meresapnya pengaruh bangsa Parsi ke dalam sistem pemerintahan kerajaan Abbasiah (Nasrun Adil Mohd Yusuf, 2003).

Menurut Shauqi Dhayf (1996, p. 147), berkembangnya penterjemahan buku daripada bahasa asing seperti India, Parsi dan Yunan ke dalam bahasa Arab, begitu juga dengan perkembangan ideologi pemikiran. Ia dapat membantu golongan sastera terutama para penyair mengambil sumber daripada buku-buku, hasil perdebatan dan perbahasan untuk mempertingkatkan maklumat mereka.

Menurut beliau lagi, perubahan politik dan perkembangan sastera pada masa itu dapat dilihat kesannya dalam syair Abu Nuwas yang memperkatakan tentang suhu kesejukan yang terlalu tinggi akan berubah menjadi panas. Teori ini dikatakan telah diambil daripada falsafah India, sebagai contoh, syair Abu Nuwas:

سَحِنْتُ مِنْ شِدَّةِ الْبُرُودَةِ حَتَّى * صِرْتُ عِنْدِي كَأَنَّكَ النَّارَ
لَا يُعْجِبُ السَّامِعُونَ مِنْ صَفَى * كَذَلِكَ التَّلْجُ بَارِدٌ نَارَ

Maksudnya: “engkau panas kerana terlalu sejuk hinggakan engkau menjadi seumpama api denganku, pendengar tidak sukakan perangaiku begitu juga salji menjadi sejuk tetapi sebenarnya panas”.

Pada zaman ini, bahasa dan kesusasteraan telah mencapai kemuncaknya iaitu berhubung dengan ilmu yang berkaitan dengan ilmu Bala:ghah (retorik), `arud (prosod), ilmu ma‘a:ni dan juga ilmu-ilmu lain.

Contoh puisi Bashashar:

شِفَاءُ الْعَمَى طُولُ السُّؤَالِ وَإِنَّمَا * تَمَامُ الْعَمَى طُولُ السُّكُوتِ عَلَى الْجَهْلِ
فَكُنْ سَائِلًا عَمَّا عَنَّاكَ فَإِنَّمَا * دُعِيَتْ أَخَا عَقْلٍ لِيَتَّبِعَتْ بِالْعَقْلِ

Maksudnya: “ubat si bodoh selalu bertanya, berterusan bodoh kerana diam atas kejahilan. Oleh itu jadilah engkau penanya apa yang tidak diketahui kerana engkau dipanggil manusia berakal disebabkan mencari sesuatu dengan menggunakan akal” (Shauqi Dhayf, 1996, p. 148)

Antara tema syair yang berunsur ‘mujun’, pemujaan terhadap arak dan zindik (Athies). Kebanyakan tema syair pada masa ini dipengaruhi oleh kebudayaan asing, seperti yang terdapat dalam syair Abu Nuwa:s dalam syair yang disebut di atas, iaitu memperkatakan tentang perubahan sesuatu keadaan kepada sifat yang berlawanan apabila ia telah sampai kepada kemuncaknya.

2.13.3 Pengaruh Kesusasteraan Arab Zaman Moden

Zaman moden membawa perubahan yang besar kepada dunia Arab samada dari segi politik, kebudayaan mahupun kesusasteraan. Faktor ini telah menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan istilah Arab dengan pesatnya.

Perkembangan istilah ini melibatkan semua aspek termasuk bidang sains, teknik, sastera, perubatan dan sebagainya menyebabkan semakin ramai sasterawan ternama yang membuka lembaran Mesir moden, ini adalah kerana Mesir pada masa itu adalah sebuah negara terkenal dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat pada masa itu selain Syria.

Kesusasteraan Arab moden merujuk kepada akhir kurun ke 18 lagi dengan kedatangan Napoleon Bonaparte ke Mesir. Kedatangan beliau bersama dengan ilmuwan untuk menjajah pemikiran masyarakat setempat dengan ideologi untuk mengembangkan empayar mereka (Ali Muḥammad Ḥassan (199, p.18) dalam Nasrun Adil Mohd Yusof, 2003, p. 70).

Akibat daripada pengaruh daripada pemerintahan Perancis di Mesir dan peralihan pemerintahan Mesir iaitu Muḥammad Ali yang aktif dalam membentuk pembaharuan negeri Mesir, telah membina pusat percetakan yang memainkan peranan penting sebagai alat yang membantu pemprosesan penyebaran maklumat seperti akhbar dan penulisan-penulisan ilmiah (Ibid, 2003).

Penyair wanita yang masyhur pada ketika itu ialah 'Aishah al- Taymoriyyat yang dilahirkan pada tahun 1840 M. Beliau telah menghasilkan dua buah antologi syair berbahasa Turki dinamakan Sha:kufat dan bahasa Arab dinamakan Ḥulyat al-Tira:z. ('Abd al-Ḥakim al-Wa:'iliyy. 2001. p. 375, Jilid. 2).

Tema syair Arab zaman ini masih lagi mempunyai persamaan dengan keadaan jahiliyah, iaitu berbentuk pujian, ratapan, kecaman, ghazal, tashbi:h, tetapi skop perbincangannya lebih meluas (Ibid, 2003).

2.13.4 Perkembangan Pengumpulan Mathal Dan Penyusunannya

Di sini penulis ingin membincangkan tentang pengumpulan dan penulisan mathal pada masa jahiliyah dan pada masa Islam. Sebagaimana kita telah ketahui, mathal Arab telah diwarisi dari budaya Arab turun temurun mengikut perkembangan pemikiran dan budaya politik masyarakat pada masa itu.

Dalam prosa jahiliyah, banyak sekali kata-kata perumpamaan atau bidalan yang digunakan untuk menghiasi kata-kata atau percakapan mereka. Pada peringkat permulaan, perumpamaan atau bidalan ini adalah dalam bentuk “lisan” kerana masih tidak timbul usaha untuk mengumpul dan membukukan perumpamaan tersebut. Usaha ke arah ini hanya timbul pada pertengahan abad pertama hijrah yang diusahakan oleh seorang yang bernama ‘Suhar al-‘Abdi’ iaitu pada masa pemerintahan Mu‘awiyah bin Abu Sufian (41-60H) (Osman Khalid, 1987²⁶).

Oleh kerana pengumpulan dan pembukuan berlaku selepas zaman jahiliyah maka agak sukar untuk dibezakan antara perumpamaan ciptaan zaman jahiliyah dengan perumpamaan yang lahir selepas zaman tersebut, ini adalah disebabkan para pengumpul perumpamaan tersebut mengumpul serta menyusunnya mengikut susunan huruf abjad (Ibid, 131).

Walau bagaimanapun usaha-usaha untuk membezakan perumpamaan ini dapat dilakukan oleh para penyelidik, kerana ada ditemui keterangan yang dapat memberikan penjelasan bahawa perumpamaan tersebut dihasilkan dalam zaman jahiliyah. Contohnya ada di antara perumpamaan tersebut dikaitkan dengan cerita-cerita yang

²⁶ . Osman Khalid dalam Shauqi Diyf dalam buku *Asra:r al Jahiliyy*, h.404.

berlaku pada zaman jahiliyah dan kadang-kadang pula disebutkan dengan jelas serta dikaitkan dengan tokoh-tokoh zaman jahiliyah. Melalui keterangan-keterangan seumpama ini dapat dibezakan antara perumpamaan jahiliyah dengan perumpamaan selepas zaman tersebut (Ibid, 131).

Antara tokoh-tokoh yang terkenal dalam zaman ini ialah “Luqma:n bin ‘A:d” yang berasal dari suku ‘A:d. Luqma:n ini adalah tidak sama dengan Luqma:n yang disebut di dalam kitab suci al-Qur’an, kerana Luqma:n yang disebut di dalam al-Qur’an dikenali sebagai Luqma:n al-Ḥakim²⁷. Antara penulis lain juga terdiri daripada “Aqsa:m bin Saifi”, “Rabi:‘ah bin Huzair”, “Haram bin Qutbah”, “Amir bin Zarb” dan “Labi:d bin Rabi:‘ah” (Ibid, 132).

Penulisan mathal juga mula mendapat perhatian dan diberi perhatian oleh orang-orang Arab pada masa Islam. Hal ini adalah kerana terdapat penggunaannya dalam al-Qur’an, al-Karim Hadith, syair, serta khutbah-khutbah Arab pada masa itu.

Pada pertengahan kurun pertama hijrah, telah muncul beberapa kitab tentang mathal Arab antaranya, kitab al-Fihrasat yang dikarang oleh Ibn Nadi:m (195 H), kitab al-Amtha:l oleh al-Dha:bbiyy (170 H), kitab al-Amtha:l oleh Mu`raj al-Sadu:si:, kitab Amtha:l oleh Abi; ‘Abi;d al-Qa:sim bin Sala:m (224H), kitab Fa:khir oleh al-Mufaḍhil bin Salmah (291H), kitab Jamharat al-Amtha:l oleh Abi: Hila:l al-‘Askariyy: (395H), kitab Majma‘ al- Amtha:l oleh al-Maida:niyy (517H), kitab al-Muṣṭaqsi: Fi: Amtha:l al-‘Arabiyy oleh Zamakhshari (538H), dan kitab Majma‘ al-Amtha:l oleh al-Maida:niyy (518H), merupakan sebuah karangan yang terkenal pada masa itu.

²⁷ . dalam Shauqi Dayf dalam asra:r al Jahiliyy, h.406.

Kebanyakan penyusun dan pengarang kitab berhati-hati dalam karangan mereka dengan mengkategorikan penyusunannya dan memberi penerangan secara mendalam terhadap cerita-cerita atau peristiwa yang berkaitan dengan mathal tersebut serta memberi penjelasan terhadap perkataan-perkataan yang sukar difahami dan jarang digunakan oleh masyarakat umum tentang penggunaannya.

Manakala penyusunan hurufnya adalah mengikut tertib mengikut susunan huruf (alfabae) huruf-huruf mu‘jam dan mereka menambah pada setiap bab dengan wazan (أَفْعَلٍ مِنْ) daripada bab tersebut serta diakhiri pada setiap bab dengan lafaz yang baru iaitu tentang peristiwa yang tidak dapat dipastikan tempoh masanya dan peristiwa berkaitan dengan seseorang yang dapat diketahui atau tidak penulisnya (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972).

Kemudian penulis telah menyusun tema mathal dengan membahagikan kepada dua bahagian penting, iaitu mathal berbentuk umum dan mathal berbentuk khusus tanpa mengambil kira ciri-ciri yang lain. Kemudian beliau menyusun dengan melihat bentuk pengkelasan makna serta perumpamaan-perumpamaan yang menggunakan gaya bahasa yang standard.

Gaya bahasa ini mempunyai keistimewaan kerana terdapat padanya kualiti dari sesuatu yang mencacatkannya. Kualiti ini juga terdapat pada ungkapan yang direka oleh sesetengah penyair yang lemah dalam penguasaan bahasa dan pengetahuan dalam bidang tersebut.

Sesetengah pengkaji moden berpendapat bahawa kekurangan ini berlaku sejak penulis-penulis lampau sehinggalah kepada prosedur yang melibatkan pindaan bahasa ke atas mathal yang mereka namakannya sebagai (mathal umum). Hal ini telah memberi kesan terhadap penyusunannya dan nilai-nilai yang dimasukkan dalam karya-karya mereka. Mathal-mathal ini adakalanya ditulis dengan bahasa standard (fuṣḥat) dan juga bahasa pasar ('ammiyat).

2.13.4.1 Al-Amthal Al-Fuṣḥat (الأمثال الفصحاة)

Pada masa dahulu bahasa yang digunakan dalam al-Qur'an dan Hadith adalah menggunakan bahasa fuṣḥat dan ia digunakan oleh orang-orang Quraish sebelum kelahiran nabi Muḥammad SAW lagi.

Begitu juga dengan mathal yang telah menggunakan bahasa fuṣḥat dan telah dibukukan pada zaman Jahiliyah serta terdapat perkataan yang terdapat di dalam al-Qur'an. Mathal ini terpelihara ketulenan bahasanya dan tidak bercampur dengan mathal 'ammiyat. Ia juga berperanan dalam membantu mengekalkan martabat budaya dan bahasa Arab sehingga sekarang.

Ketulenan mathal ini diambil kira dari percakapan masyarakat Arab yang tinggal di semenanjung tanah Arab yang tidak bercampur dengan bangsa lain yang tinggal berjiran dengan mereka seperti Rom, Parsi, India dan Qibti serta dari kabilah-kabilah yang berjiran dengan masyarakat yang bukan Arab (al-Suyu:ti, 1976).

Manakala dari segi masa pula adalah dari segi batasan masa, iaitu pada akhir kurun kedua hijrah bagi penduduk di luar bandar dan pada pertengahan kurun keempat hijrah

bagi penduduk luar bandar. Oleh itu masyarakat Arab yang hidup di luar batasan masa ini adalah dikategorikan sebagai ‘al-muwallad’ (المَوْلَد). Bahasa dan ungkapan mereka tidak dikira sebagai sumber bahasa dan ungkapan tidak termasuk dalam bahasa fuṣḥat, walaupun mereka terdiri daripada golongan penyair-penyair yang terkenal seperti al-Mutannabi: (المُتَنَبِّي) dan Bashshar bin Burd (بَشَّارُ بْنُ الْبُرْدِ) (al-Khali:l bin Aḥmad, 1967).

Manakala menurut ‘Atiyah, Jurji Sha:hin (2007), lafaz al-muwallad adalah lafaz yang digunakan oleh masyarakat Arab yang terdahulu iaitu selepas masa periwayatan²⁸.

2.13.4.2 Al-Amthal Al-‘A:mmiyat dan Al-Sha`biyyat (الأمثال العامية والعامية الشعبية)

Sesungguhnya percambahan ungkapan yang bukan fuṣḥat (percampuran lahjah) merupakan ungkapan yang diwarisi turun temurun lagi. Ia begitu popular dalam kalangan masyarakat pada masa itu, sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Ibn Hisha:m al-Balkhi: (577H) yang terdapat bahasa dialek dalam kalangan ahli Andalus dalam kitab yang semakin berkembang pada awal penyusunannya yang diberi nama ‘lahn al-‘a:mmaṭ’ (لَهْنُ الْعَامَّةِ).

Ungkapan perumpamaan Arab pasar ‘a:mmiyat’ ini semakin berkembang dengan percampuran pelbagai bangsa dan diminati oleh masyarakat berbanding dengan ungkapan dalam bahasa standard, kerana ianya hanyalah diminati oleh golongan

²⁸ . masa periwayatan (bermula sejak zaman jahiliyyah, iaitu kira-kira 150 tahun sebelum lahir nabi Muhammad SAW dan berakhir selepas kurun ke 2 bagi golongan arab yang tinggal di Bandar dan kurun selepas 4 hijrah bagi golongan Arab yang tinggal di luar Bandar, dalam al-Suyuti, 1976: 70).

pendekawanan dan juga golongan-golongan yang terlibat dalam bidang pendidikan sahaja.

Tetapi peribahasa umum yang digunakan dalam bahasa pasar telah ditukar kepada bentuk fuṣḥaṭ dari segi bahasa dan sebutan lahjahnya sebagaimana yang terdapat dalam ungkapan lahjah iaitu: “جَوْعٌ كَلْبِكَ يَتَّبِعُكَ”²⁹ yang membawa maksud, “laparkan anjingmu, nescaya ia akan mengikutimu”. Penggunaan tema adalah sama iaitu bertemakan binatang (anjing) dalam peribahasa fuṣḥaṭ, yang berbunyi: “سَمِّنْ كَلْبَكَ”³⁰ bermaksud: “gemukkan anjing kamu, kelak dia akan memakan kamu”.

Peribahasa yang pertama iaitu “laparkan anjingmu” bermaksud, jika tuan punya anjing itu membiarkan anjingnya tanpa makanan dan minuman, anjing itu akan mengikutinya dan mentaatinya, dengan harapan tuannya akan memberikannya makanan.

Manakala maksud sebenar yang dikehendaki di sini iaitu, “seseorang akan menurut perintah tuannya, jika ia memerlukan sesuatu daripada kita”. Peribahasa kedua pula bermaksud: “gemukkan anjingmu, kelak dia akan mengigitmu”, membawa maksud, seseorang yang diberi kemewahan akan membawa kepada kelalaian dan kebinasaan. Makna yang sebenar dikehendaki di sini adalah: “seseorang yang lalai dengan kemewahan dan tidak mengenang jasa”.

²⁹ .(Maḥmu:d Ismail Şi:niyy, 1996, p. 68).

³⁰ . (al-Askariyy, 1988. P. 525. Jld.1).

2.14 Jenis-jenis mathal

Mathal juga terbahagi kepada dua jenis iaitu:

i. Mathal realiti

Mathal ini adalah mathal yang diungkapkan sempena peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Arab dan juga terdiri daripada mathal al-Qur'an dan juga Hadith. Contoh mathal yang terungkap mengikut cerita atau peristiwa yang berlaku pada masyarakat Arab. Contoh ungkapan yang diungkapkan oleh Abdullah bin Zubayr (r.a) untuk menggambarkan seseorang tidak setia kepada orang yang sepatutnya diikuti dan dipatuhi:

"أَكَلْتُمْ تَمْرِي وَعَصَيْتُمْ أَمْرِي"

Maksudnya: “kamu makan kurmaku dan mengingkari suruhanku”.

ii. Mathal yang dicipta mengikut andaian

Mathal ini adalah hasil daripada pengamatan seseorang setelah mendapat inspirasi daripada apa yang dihayatinya samada mengenai budaya sesuatu bangsa, amalan, masyarakat dan juga keadaan persekitaran yang mempengaruhi dalam tercetusnya idea tersebut. Kebanyakan mathal ini bertemakan alam semula jadi, binatang dan benda yang terdapat dalam persekitaran mereka.

Sebagaimana contoh peribahasa yang bertemakan kepada binatang, "الدَّبُّ خَالِيًا أَسَدًا", maksudnya, “anjing hutan pada waktu bersendirian menjadi singa” (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 307).

Peribahasa ini adalah merupakan galakan supaya kita bersatu agar tidak menjadi mangsa orang yang berkuasa.

2.15 Perkembangan Peribahasa Dalam Masyarakat Melayu

Sebagaimana peribahasa Arab, peribahasa Melayu juga mengalami peringkat perkembangan yang sama seperti perkembangan mathal di negara Arab dan juga negara yang lain.

Peribahasa Melayu penting untuk merakamkan pemikiran dan mengungkapkan peradaban Melayu secara puitis yang disampaikan secara tersirat (konotasi). Peribahasa Melayu terungkap daripada minda bahasa Melayu yang cukup peka terhadap keindahan alam flora dan faunanya, budi pekerti masyarakatnya, sistem nilai dan fungsi adat dan nilai keadilan sebagai asas kesejahteraan masyarakat dan negeri.

Alias Sidek (1999), mengatakan bahawa peribahasa terhasil daripada pemerhatian masyarakat Melayu ke atas alam, pekerjaan, cuaca dan sebagainya. Dalam kajian ini, beliau telah menyentuh asal usul peribahasa Melayu berdasarkan pengalaman hidup masyarakat pada masa dahulu, ungkapan daripada para cendekiawan dan ada juga diambil dari ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith.

Kris Mas dalam Ab. Rahman Mamat dan et. al (1995), mengatakan bahawa peribahasa merupakan gaya bahasa percakapan atau ujaran yang menunjukkan kebijaksanaan berfikir dan pemerhatian yang diungkapkan dalam bentuk yang indah, ringkas, tersusun, manis didengar serta kebenaran yang ada dalam fikiran dan perasaan seseorang, keindahan peribahasa ini dapat dilihat pada susunan kata-kata dalam ungkapan yang melambangkan budaya masyarakat Melayu yang penuh dengan sopan santun.

2.16 Perbandingan Peribahasa Arab Dan Melayu

Di sini penulis ingin memberi sedikit gambaran tentang perbandingan peribahasa Melayu dan Arab ini adalah kerana kemunculan peribahasa pada setiap negara adalah mempunyai banyak persamaan yang tertentu, sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Azman Azizan (2004), dalam tesis sarjananya berkaitan dengan penggunaan bahasa kiasan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Beliau telah mencari perbezaan antara kina:yaṭ dengan al-isti`a:raṭ, al-tasybih dan al-`ija:z bagi kiasan bahasa Arab. Seterusnya mencari perbezaan antara kiasan bersandar, kiasan berangkap, kiasan terus, kiasan melompat, kiasan gayang, kiasan melarat dan kiasan berkacau bagi kiasan bahasa Melayu. Beliau seterusnya membuat perbandingan antara kiasan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

2.17 Permulaan Sejarah Perkamusan Arab

Sepertimana yang kita sedia maklum, perpindahan bahasa disampaikan dengan cara pertuturan bukan dengan pembukuan, ia hanya dipindahkan dari mulut ke mulut tidak melalui tulisan. Kita telah mendapati hal ini sudah lama berkembang dan lenyap sebelum manusia tahu mengenai penulisan (Imil Badi:‘ Ya‘aku:b, 2011).

Oleh itu peranan mu‘jam adalah penting untuk menjamin keutuhan bahasa dan budaya Arab agar dapat dikekalkan dan disimpan. Tetapi orang-orang Arab pada masa itu tidak begitu didedahkan dengan bidang perkamusan sehinggalah munculnya pemerintahan Abbasiyah (Ibid, 2011, p. 19).

2.18 Perkembangan Perkamusan Arab

Sejarah perkembangan kamus Arab ini sebenarnya telah bermula pada permulaan abad pertama Hijrah sejak kedatangan Islam iaitu pada zaman Rasulullah SAW lagi khususnya kepada bangsa Arab itu sendiri. Umat Islam khususnya memberi tumpuan untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an.

Bagi sarjana-sarjana yang baru terdedah dengan budaya Islam mempelajari al-Qur'an yang tinggi nilai sasteranya adalah satu keperluan bagi mereka. Oleh itu, para sahabat telah berusaha untuk membasmi masalah tersebut. Dengan ini, para ilmuan telah mengumpul perbendaharaan kata bahasa Arab bersama-sama dalam bentuk lembaran bahasa. Dengan usaha ini maka lahirlah kitab-kitab yang dikarang untuk menerangkan dan mentafsirkan perkataan yang sukar difahami.

Antara kitab-kitab tersebut ialah kitab Ghari:b al-Qur'an (غَرِيبُ الْقُرْآن) yang ditulis oleh Abdulla:h bin 'Abba:s pada 68 Hijrah. Rentetan daripada usaha ini, maka lahirlah ulama' Arab yang lain yang mengarang kitab ini seperti Abu Fi:d Mu'arrij al-Sadusyy (195h), Abu 'Ubaydaṭ Mua'mmar bin al-Muthanna: (210h), Abu 'Ubaydaṭ al-Qa:sim bin Sallam (224h), Ibnu Qutaibah (276h) dan Ahmad bin Yahya Thaklab (291h). Dengan perkembangan semasa penggunaan rujukan al-Qur'an kurang menjadi perhatian menyebabkan kepupusan kitab-kitab tersebut kecuali kitab karangan Ibnu Qutaibah yang masih lagi kekal (Husayn Nassar, 1968 dalam Ridzuan bin Ahmad, 1999).

Ini adalah disebabkan para sarjana Arab mula mengalih pandangan kepada penulisan untuk menangani masalah dalam kesukaran menerangkan dan mentafsir Hadith Rasulullah SAW iaitu dengan terkarangnya kitab 'Gharib al-Hadith' dan seterusnya

hinggalah kelahiran kitab al-‘Ayn. Kamus ini merupakan perintis kepada kamus-kamus yang lain. (Ibid, 1968).

Kamus al-‘Ayn telah telah dihasilkan oleh ilmuan bahasa Arab yang terkenal iaitu Khali:l bin Aḥmad iaitu sebuah kamus yang layak digelar sebagai sebuah kamus yang hampir sama diguna pakai pada zaman moden ini. Ini adalah kerana ia merupakan sebuah kamus yang lebih lengkap dan tersusun dengan terciptanya satu kaedah susunan entri dengan prinsip kitaran huruf bagi mengumpul dan menyusun semua perbendaharaan kata yang berkemungkinan wujud dalam bahasa Arab.

Rentetan daripada hal ini, beliau telah dikenali sebagai batu asas kepada aliran mazhab penulisan kamus beliau sendiri. Hal ini kerana metode atau kaedah penulisan kamus yang dicadangkan oleh beliau telah diguna pakai oleh semua ilmuan di Timur dan di Barat. Antara ilmuan dari Timur termasuklah ilmuan dari Baghdad, Damsyik dan Mesir dan Andalus dari Barat.

Namun begitu, mazhab perkamusan beliau tidak dapat lari daripada kritikan terhadap kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam penulisannya. Walaupun begitu, mazhab-mazhab perkamusan yang lain selepasnya memainkan peranan penting dalam memperbaiki kekurangan yang terdapat pada kamus yang merupakan cubaan awal dalam bidang perkamusan demi mengembangkan lagi bidang perkamusan.

Hasil daripada usaha ini, maka lahirlah pelbagai mazhab perkamusan Arab hasil daripada cetusan al-Khali:l. Antara mazhab-mazhab tersebut ialah:

- i. Mazhab al- faba'ie dengan kitaran.
- ii. Mazhab al-qa:fiyah
- iii. Mazhab al-faba'ie dengan kamus-kamus moden
- iv. Mazhab sebutan huruf
- v. Kamus-kamus pengkhususan bidang.

2.19 Pengenalan Mengenai al-Mu'jam al-Wasi:t

Kamus ini dinamakan al-Mu'jam al-Wasi:t. Secara literalnya adalah bermaksud, 'kamus pertengahan'. Ia adalah hasil cetusan idea Muḥammad 'Ali al-Lauban yang menjawat sebagai jawatan Menteri Pelajaran Mesir pada tahun 1936 yang telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan sebuah kamus yang bersaiz sederhana bagi memenuhi penggunaan bagi para pelajar peringkat sekolah dan peringkat universiti dan juga sebagai rujukan para ilmuan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan (Muṣṭafa:, dalam al-Mu'jam al-Wasi:t, dalam Imil Badi' Ya'qub, 2011).

Proses penghasilan kamus ini telah diketuai oleh Ibra:him Muṣṭafa:. Beliau dibantu oleh ramai ilmuan lain antaranya, Aḥmad Ḥasan al-Zayya:t, Ḥamid 'Abdul Qa:dir, Muḥamad 'Ali al-Najja:r (Muṣṭafa:, 1999, p. 6).

Edisi pertama kamus ini telah dipantau oleh ilmuan bahasa Arab terkenal pada zaman moden tersebut, iaitu 'Abdul Sala:m Ha:run. Edisi selanjutnya terus ditambah baik oleh ramai ilmuan lain seperti Ibra:him Anis, 'Abdul Ḥali:m Muntaṣir, 'Aṭiyyah al-Ṣuwaylihi, Muḥammad Khalafullah Aḥmad dengan dipantau oleh Ḥasan 'Ali, 'Aṭiyyah dan Muḥammad Shawqi: Ami:n. (Ibid, p. 11).

Kerja-kerja pengumpulan bahan bagi menyiapkan kamus ini hanya bermula pada tahun 1940. Namun begitu, ia telah tergendala sebentar akibat perang dunia kedua serta perubahan politik di Mesir yang telah menyebabkan kejatuhan kerajaan beraja di sana. Pada tahun 1960, kamus ini berjaya dihasilkan dalam bentuk dua jilid (Ibid, 1996).

Kamus ini mengandungi lebih kurang 30,000 kemasukan kata yang juga telah dibantu dengan menggunakan gambar iaitu lebih kurang 600 kata masukan (Ibid, 1999). Justeru itu kamus al-Mu‘jam al-Wasi:t adalah merupakan kamus bahasa Arab kedua selepas al-Munjid yang menggunakan gambar dan gambarajah bagi membantu menerangkan leksikal dalam entri kamus tersebut.

Al-Mu‘jam al-Wasi:t juga, merupakan kamus terkenal yang dihasilkan oleh Pusat Bahasa Arab Kaherah. Ia masih lagi dianggap antara kamus moden bahasa Arab terbaik sehingga sekarang. Kedudukan susunan entri yang jelas, pembahagian entri dan susunannya serta pengolahan entri bersama-sama dengan makna yang tersusun rapi adalah merupakan kelebihan utama kamus ini. Manakala teknik cetakan moden pula membolehkan entri dan maknanya dibezakan dengan jelas serta memudahkan proses mencari entri.

Maklumat-maklumat penting berkaitan dengan tatabahasa juga dikemukakan khususnya bagi kegunaan pelajar peringkat menengah dan universiti, makna-makna tersurat dan tersirat juga dimuatkan. Sebagai kesinambungan usaha al-Zamakhsyariyy sebelumnya, perkataan gharib yang jarang-jarang digunakan dan kurang berfaedah khususnya kepada pelajar tidak dimuatkan dalam kamus ini.

Selain Pusat Bahasa Arab Kaherah, terdapat Pusat-Pusat Bahasa Arab di ibu-ibu negara Arab lain turut menggerakkan usaha ke arah kajian-kajian makna. Selain daripada Pusat Bahasa Arab tersebut, Pertubuhan-Pertubuhan Kebangsaan Arab juga turut sama terlibat ke arah usaha-usaha murni ini (al-Mu`jam al-Wasit, 1972, p. 196).

2.19.1 Al-Mu`jam al-Wasi:t; Sebagai Kamus Tradisi Dan Kamus Semasa

Maksud tradisi di sini adalah sebuah kamus yang terikat dengan tradisi-tradisi bahasa dan perkamusan yang diwarisi ('Abdul 'Azi:z Maṭa:r 1986, 498). Manakala yang dimaksudkan dengan semasa adalah ciri pembaharuan yang dimasukkan ke dalam al-Mu`jam al-Wasi:t; sebagaimana kamus-kamus semasa yang lain seperti kamus Oxford dan Larousse.

2.19.1.1 Ciri-ciri Kamus Tradisi

i. Sumber Kata

Sumber atau kata-kata diambil daripada kabilah-kabilah Arab tertentu seperti Qais, Tami:m, Asad, Huzail, Kina:nah dan Tai` atau kata-kata yang telah dibuat analogi oleh ahli-ahli bahasa yang lama ke dalam entri yang asal.

ii. Batasan Masa

Ungkapan yang telah diambil perlulah dilihat daripada batasan masa, tempat dan periwayat³¹ ungkapan tersebut untuk memastikan sumber yang didapati adalah boleh dipercayai. Ungkapan ini perlu dibatasi masanya iaitu sejak zaman jahiliyah kira-kira 150 tahun sebelum kelahiran Nabi Muḥammad SAW. (Aḥmad al-Iskandari dan

³¹ . periwayat bermaksud penutur ungkapan

Muṣṭafa: Ina:ni 1916, p. 10). Ia berakhir hingga penghujung kurun kedua bagi penduduk bandar, manakala bagi penduduk luar bandar berakhir hingga pertengahan kurun keempat hijrah sahaja (Ridzuan Ahmad, 1999).

iii. Batasan Tempat

Batasan tempat pula, dihadkan kepada orang-orang Arab yang tinggal di semenanjung tanah Arab sahaja. Sekiranya sumber-sumber bahasa yang dihasilkan dari luar daripada kedua-dua batasan ini, maka ia dianggap tidak menepati ciri-ciri tradisi.

Menurut Sayuti, dalam bukunya mengatakan bahawa puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair-penyair yang masyhur seperti Bashashar bin Burd, al-Mutannabi, Abu Tamma:m, Abu Nuwa:s dan Abu al-Alla:k misalnya tidak boleh dijadikan bukti bahasa atau perkataan yang menepati ciri-ciri tradisi dan tidak sesuai dijadikan entri kamus. (al-Suyu:ti 1976, p. 70).

Menurut Ridhuan pula, kita perlu mengelakkan penggunaan ungkapan yang digunakan oleh golongan muwallad (golongan Arab yang hidup selepas kurun kedua hijrah bagi mereka yang tinggal di bandar-bandar dan selepas kurun keempat hijrah bagi mereka yang tinggal di luar bandar) iaitu penggunaan ungkapan mereka sama ada yang digunakan itu berkebetulan dengan kaedah bahasa Arab atau sebaliknya (dalam Ridhuan Ahmad, 1999).

Ungkapan yang menggunakan bahasa Arab yang diarakkan yang diambil daripada orang-orang bukan Arab atau perkataan asing yang diarakkan tanpa diubahsuai dan perkataan-perkataan baharu yang selalu digunakan oleh penulis-penulis dan popular

penggunaanya tidak boleh diterima pakai dan tidak menepati ciri-ciri tradisi. Manakala penyusunannya perlu menepati kriteria utama kamus tradisi, iaitu mengikut disiplin yang diwarisi dan mengikut huraian kamus lama (Ibid, 1999).

2.19.1.2 Ciri-ciri Kamus Semasa

al-Mu‘jam al-Wasi:t yang dimaksudkan dengan ciri-ciri semasa adalah merupakan ciri pembaharuan yang dimasukkan ke dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t, sebagaimana kamus-kamus semasa yang lain seperti kamus Oxford dan Larousse. Antara ciri-ciri tersebut adalah :

a) Pembaharuan Dari Segi Kata Entri

Kamus ini mengandungi perkataan-perkataan dan bentuk-bentuk kata yang diakui oleh ahli-ahli bahasa zaman kini. Ia tidak terikat dengan pembatasan masa dan tempat. Hasilnya, segala kata entri yang datang kemudian daripada kurun keempat Hijrah hingga kurun ini juga dikira sah sebagai kata masukan al-Mu‘jam al-Wasi:t.

Begitu jugalah perkataan-perkataan yang datang daripada luar semenanjung tanah Arab. Seseengah perkataan entri kamus lama, yang mana perkataan itu tidak lagi digunapakai, dibuang dan diganti oleh perkataan-perkataan baru atau istilah-istilah baru. Sebagai contohnya ialah perkataan berikut:

Oktober (أَكْتُوْبَر), al-aksi:d (الأَكْسِيْد), al-oksiji:n (الأَكْسِيْجِيْن), al-basha: (البَاشَا) dan perkataan al-barjwa:ziyyat (الْبَرْجَوَانِيَّة) (al-Mu‘jam al-Wasi:t, p. 22. Jld. 1).

Maksud perkataan tersebut mengikut urutan ialah ‘oksigen’, ‘oksida’, ‘oktober’, ‘pasya’ dan ‘borjuis’. Perkataan-perkataan yang dijadikan contoh di atas adalah di luar batasan masa dan tempat.

Menerima perkataan-perkataan golongan Muwallad dengan meletakkan label (مو). Ia juga mengandungi perkataan yang diarakkan yang dilabelkan dengan (مع) (Ibid, 16).

Kamus ini juga mengandungi perkataan-perkataan dan gaya bahasa yang sering digunakan oleh penulis-penulis dan penyair-penyair semasa serta istilah-istilah ilmu zaman kini seperti istilah-istilah sains dan lain-lain bidang ilmu yang dikira lahir pada zaman kini.

b) Pembaharuan Dari Segi Edisi

Ianya mengandungi beberapa pembaharuan antaranya ialah:

- i. Penerangan kata-kata entri dengan gaya bahasa yang mudah dan memenuhi kehendak pengguna.
- ii. Memberi definisi ilmiah dengan cara terperinci.
- iii. Meringkaskan ketika membuat penjelasan.
- iv. Menentukan jenis-jenis perkataan dari segi kata mufrad, kata jamak, muzakkar dan muannas (maskulin dan feminin).
- v. Bantuan gambar bagi benda-benda dan binatang yang kurang dibiasai dengan alat-alat moden (Ridhuan Ahmad, 1999).

c) Pembaharuan Pada Susunan

Penyusunan bab-bab kamus, entri dan perkataan disusun dengan teliti bertujuan memudahkan pengguna mencari kata entri yang dikehendaki. Ia juga menjaga keseragaman dalam susunan kata entri seperti mendahului perbuatan daripada nama dan perbuatan yang tidak berimbuan daripada yang ada imbuan.

2.19.2 Maklumat Yang Terdapat Dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t

Dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t, banyak maklumat yang dimuatkan di dalamnya iaitu sebanyak 30,000 perkataan yang mana ia telah diasingkan mengikut kategori-kategori tertentu seperti entri kata masukan utama, entri varian, jenis kata, ejaan, sebutan, makna, tatabahasa, etimologi, penggunaan kata, pelabelan, rujuk silang, dan ilustrasi (Ibid, 1999).

Perbincangan tentang makna adalah lebih terperinci daripada tajuk-tajuk lain kerana tujuan besar penggunaan kamus ialah untuk menjelaskan makna. Oleh yang demikian, beberapa kaedah telah digunakan iaitu makna berdasarkan ta`rif, kaedah sinonim, kaedah antonim, polisemi, homonim, kaedah peraturan, perbandingan, penyatuan dan pecahan (Ibid, 1999).

Di sini penulis hanya memaparkan entri masukan yang berkaitan dengan bidang kajian yang berkaitan dengan makna perkataan yang digunakan dalam mathal yang terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t.

2.19.3 Penggunaan Mathal Yang Terdapat Dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t

Penggunaan mathal yang terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t tidaklah begitu banyak berbanding dengan kata masukan (entri) yang lain. Mu‘jam ini lebih menekankan dari sudut makna perkataan. Hal ini kerana, makna merupakan kategori yang sangat penting dalam setiap kamus kerana tujuan penggunaan kamus ialah untuk menangani masalah makna.

Walaupun begitu, kategori lain juga memainkan peranan untuk melengkapkan penjelasan konsep sesuatu makna seperti kaedah, perbandingan, takrif, sinonim, antonim, kaedah penyatuan, ilustrasi (kaedah bergambar) dan sebagainya sebagaimana yang trsebut di dalam maklumat al-Mu‘jam al-Wasi:t.

Untuk mengkaji makna perkataan makna mathal yang terdapat dalam kamus tersebut, penulis ingin memaparkan sedikit maklumat mengenai bidang-bidang yang berkaitan dengan makna perkataan mathal. Antaranya bidang semantik dan juga dialek yang dianggap penting untuk mengetahui bentuk perubahan makna tersebut.

Mengikut Harimurti (1984), medan makna merupakan sebahagian daripada sistem semantik bahasa yang merupakan bahagian dari bidang kehidupan atau realiti mengenai alam tertentu yang direalisasikan oleh unsur leksikal yang maknanya berhubungan.

Menurut Abdullah Hassan (1992), makna juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu ujaran itu disampaikan. Aristotle menjadi orang pertama yang mendefinisikan kata sebagai kesatuan kecil yang mempunyai makna, iaitu makna dari segi semantik.

Seperti yang diketahui, perkataan dan ilmu semantik tidak dapat dipisahkan. Kedua-duanya perlu berjalan seiring untuk menjelaskan makna dalam sesuatu perkataan atau ayat. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Kempson mengenai pendekatan yang dibuat oleh ahli bahasa untuk menjelaskan makna atau ujaran terbahagi kepada tiga cara iaitu mentafsir makna perkataan, sifat makna dan menjelaskan proses perhubungan makna. Semantik dari segi makna telah dibincangkan dalam bab sebelumnya.

2.20 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, peribahasa Arab telah lahir pada zaman jahiliyah lagi dan berkembang dari dunia Islam hingga ke zaman moden. Peribahasa Arab berkembang selari dengan bahasa yang dipengaruhi oleh perkembangan politik, pemikiran dan budaya masyarakat Arab pada masa itu.

Perkembangan ini politik dari semasa ke semasa, telah mempengaruhi perkembangan sastera Arab. Kesannya dapat dilihat pada tema syair dan prosa Arab. Contohnya, ungkapan Zubair yang menggambarkan “pengikut yang tidak setia”³². Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh budaya dan politik meresap ke dalam jiwa masyarakat Arab pada masa itu.

Perkembangan budaya masyarakat Arab juga banyak memberikan sumbangan dalam melahirkan pelbagai jenis peribahasa, samada peribahasa fuṣḥaṭ dan ‘ammiyyaṭ, peribahasa realiti, rekaan dan juga andaian. Manakala dalam masyarakat Melayu, peribahasa memainkan peranan dalam menunjukkan nilai sesuatu masyarakat Melayu

³². Rujuk tajuk jenis-jeniis matha:l

itu sendiri, khususnya masyarakat Malaysia. Kajian tentang peribahasa Melayu juga merangkumi falsafah pengajaran, ketinggian pemikiran bangsa Melayu zaman lampau yang disampaikan secara berkesan dan diwarisi turun temurun oleh generasi masa kini.

Fenomena ini juga tidak jauh bezanya dengan kemunculan peribahasa Arab yang mana fungsi peribahasa Arab ini adalah untuk menonjolkan dengan lebih jelas aspek nilai dan pemikiran mereka dalam penciptaan peribahasa sejak dari dahulu lagi.

Kedudukan mu'jam Arab telah berkembang sejak lebih seribu tahun dengan lahirnya kamus pertama iaitu kitab al-'Ayn yang dihasilkan oleh al-Khali:l bin Aḥmad (100h - 174h). Manakala kamus al-al-Mu'jam al-Wasi:t lahir pada abad kedua puluh, merupakan kamus yang menepati keseluruhan penggunaan ciri-ciri semasa.

Keperluan kepada kamus ini mula mendapat tempat dalam kalangan sasterawan Arab yang mengkaji sastera Arab klasik yang memerlukan kepada kamus Arab untuk rujukan mereka yang mana mereka telah mengambil kitab al-'Ain dan kamus al-Muhit sebagai rujukan utama mereka.

Apabila bahasa Arab mula berkembang dengan meluas dengan perluasan kuasa ke negara-negara bukan Arab terdapat pelbagai istilah bahasa asing telah diguna pakai dalam bahasa Arab dan penggunaan bahasa Arab dalam bahasa asing dan juga terdapat banyak maklumat yang berkaitan dengan bahasa Arab yang memerlukan kepada kamus sebagai bahan rujukan. Oleh itu, para pengkaji memerlukan al-Mu'jam al-Wasi:t dan kamus yang semasa dengannya untuk mengkaji maklumat dan istilah-istilah semasa.

Pengkaji juga telah memaparkan tentang perkembangan sejarah terkarangnya sesebuah kamus atau mu'jam, dengan menghuraikan ciri-ciri yang perlu ada dalam sesebuah kamus iaitu dengan ciri-ciri semasa dan juga tradisi untuk mengetahui sesuatu ciri kamus yang baik.

Walaupun begitu, sesebuah kamus tidak dapat lari daripada perubahan yang terdapat pada entri kemasukannya. Hal ini mengikut perubahan yang berlaku dari segi masa, tempat, percampuran berbagai jenis budaya dan merangkumi semua aspek perubahan dalam sesebuah negara.

Al-Mu'jam al-Wasi:ṭ adalah merupakan sumber rujukan yang tidak ternilai bagi semua golongan terutamanya golongan pelajar bahasa Arab sebagai sumber rujukan utama. Di sini penulis menasihatkan supaya berhati-hati dalam membezakan antara ungkapan klasik (fuṣḥat), bahasa yang berubah (muwallad) dan bahasa yang moden (muḥdath), sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab pendahuluan mu`jam ini.

Perkataan dalam mu`jam ini mempunyai kesinambungan dengan leksikal Arab oleh kerana ia menggunakan kedua-dua versi bahasa Arab iaitu klasik dan moden.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Al-Mu‘jam al-Wasi:t adalah merupakan sumber rujukan yang tidak ternilai bagi semua golongan terutamanya golongan pelajar bahasa Arab sebagai sumber rujukan utama. Di sini pengkaji berhati-hati dalam membuat analisis kerana dalam kitab ini terkandung berbagai jenis ungkapan, iaitu ungkapan klasik (fuṣḥat), bahasa yang berubah (muwallad) dan bahasa yang moden (muḥdath).

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab pendahuluan, perkataan dalam mu‘jam ini mempunyai kesinambungan dengan leksikal Arab yang diterapkan dalam melalui peribahasa. Ia menggunakan kedua-dua versi bahasa Arab iaitu klasik dan moden.

Namun begitu, skop kajian penulis lebih tertumpu kepada kajian makna terhadap leksikal yang terdapat dalam peribahasa Arab. Penggunaan peribahasa Arab dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t adalah untuk membantu menerangkan leksikal dalam mu‘jam tersebut.

3.1 Pemilihan Sampel

Sampel kajian yang diambil adalah dari al-Mu‘jam al-Wasi:t. Oleh kerana terdapat terlalu banyak peribahasa dalam mu‘jam ini, pengkaji telah mengambil pelbagai jenis peribahasa tanpa memilih tema-tema yang tertentu. Sampel yang diambil adalah peribahasa dari kata entri yang terdapat dalam bab satu dan bab dua dari juzuk pertama sahaja, iaitu 26 daripada 268 leksikal yang terdapat dalam entri mu‘jam tersebut.

Tumpuan kajian ini adalah pada aspek makna iaitu untuk memahami maksud makna iaitu memahami maksud makna denotasi dan konotasi serta penggunaannya dalam kehidupan masyarakat Arab khususnya yang memerlukan pemahaman tentang alam sekeliling, tumpuan kepada sosiologi, kehidupan masyarakat dan juga historikal.

Pengkaji juga membuat kajian yang membabitkan kepentingan penggunaan peribahasa Arab dalam kalangan masyarakat Melayu, iaitu mencari padanan peribahasa Arab dan Melayu yang mempunyai ciri-ciri persamaan dari segi makna yang konotasi dan penggunaannya.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Seperti mana yang telah dinyatakan dalam bab kedua, kaedah kajian terbahagi kepada beberapa bahagian. Bagi mengumpul data kajian, kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah menerusi kajian kepustakaan sahaja kerana sumber utama dalam kajian ini adalah dari sumber cetakan, namun begitu pengkaji juga mengambil data secara tidak langsung dengan bertanyakan kepada mereka yang pakar dalam bidang berkaitan serta penutur jati bahasa itu sendiri.

3.3 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kaedah kajian kepustakaan lebih kepada pencarian data primer atau data pertama. Data-data ini merupakan data yang telah disediakan oleh para penyelidik atau agensi-agensi tertentu. Data-data tersebut telah dianalisis dan diproses untuk mendapatkan maklumat yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

Data-data ini diperoleh daripada pembacaan, pemahaman dan penelitian terhadap bahan dalam buku yang menjadi sumber asas kajian dan rujukan lain yang terdapat di perpustakaan.

i. Data Utama atau Data Primer

Pengkaji telah mengambil data dari sumber utama yang menjadi topik penyelidikan tersebut iaitu al-Mu'jam al-Wasi:ṭ merupakan salah satu kamus yang popular dalam kalangan para pelajar di sekolah-sekolah atau di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan juga para pengkaji bahasa Arab.

Kajian difokuskan kepada kitab al-Mu'jam al-Wasi:ṭ yang merupakan kamus yang berkualiti hasil terbitan ahli Dewan bahasa dan Pustaka Mesir, karangan dari pakar-pakar bahasa yang dicetak pada tahun 1972M yang terdiri daripada Ibra:him Anis, 'Abdul Ḥalim Muntaṣer, 'Aṭiyyah al-Ṣowa:lihiy dan Muḥammad Khalafullah Aḥmad. Maklumat mengenai peribahasa yang diselitkan dalam item leksikal yang tertentu menjadi sampel utama untuk mengumpul data. Selain daripada itu, pengkaji juga membuat rujukan daripada kitab-kitab peribahasa lain yang berkaitan dengan dengan peribahasa Arab dan Melayu untuk memberi penerangan yang lebih terperinci terhadap data yang sedia ada.

ii. Data Tambahan

Pengkaji juga mengambil data-data dari sumber bacaan lain yang telah didapati dari perpustakaan utama yang menjadi sumber pencarian data sekunder iaitu Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Fakulti Dan Linguistik, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Pengajian Islam (API). Bahan-bahan yang dijadikan rujukan

kebanyakannya diperoleh daripada perpustakaan-perpustakaan tersebut. Bahan-bahan rujukan yang digunakan adalah seperti buku, disertasi dan tesis, prosiding, artikel internet (laman web), kamus dan pelbagai lagi. Rujukan yang berkaitan digunakan dan disesuaikan dengan topik kajian.

Selain mencari rujukan dari perpustakaan utama, pengkaji mendapatkan beberapa koleksi persidangan dan buku-buku rujukan yang mengandungi maklumat berkaitan bidang kajian di perpustakaan daerah lain seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), Perpustakaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Perpustakaan Pusat Islam dan lain-lain juga merupakan salah satu tempat pencarian sumber.

Selain daripada mu'jam sebagai rujukan utama, pengkaji juga mengambil data-data daripada internet dan juga bertanyakan kepada penutur jati peribahasa tersebut untuk mendapatkan kesahihan data yang diperolehi.

iii. Temu bual

Kaedah ini dijalankan secara tidak langsung terhadap penutur natif sendiri untuk mengukuhkan lagi data yang sedia ada agar dapat mempertingkatkan lagi kesahihan dapatan kajian.

Dengan ini pengkaji telah mendapat bantuan daripada penutur-penutur natif di dalam negara dan juga di luar negara. Antaranya ialah, Moḥammed Shaṭa` 'Abdul Sami` al-Razak seorang pensyarah bahasa Arab berbangsa Mesir yang bertugas di Universiti Emiriah Arab Bersatu dan juga Ḥassan Abu La:ban, salah seorang penterjemah bebas, Amman, Jordan.

Rujukan dari penutur natif ini juga penting kerana penutur asal lebih arif dan tahu dengan mendalam selok-belok tentang bahasa mereka sendiri. Sebagaimana yang ditekankan oleh Eugena A.N (1996:150), mengatakan bahawa pemerian makna tidak dipengaruhi dari segi konteks makna sahaja, malahan budaya juga turut memainkan peranan yang penting dalam memahami maksud entri yang dirujuk, iaitu dengan merujuk kepada penutur jati, kerana ianya lebih memahami budaya dan bahasa mereka sendiri

3.4 Kaedah Analisis

Kaedah analisis merupakan kaedah susulan daripada kaedah yang dilakukan di atas. Kaedah ini melibatkan analisis data primer iaitu data utama dan data tambahan yang didapati. Data dipilih dan diurai mengikut kesesuaian topik perbincangan dengan berpandukan kepada permasalahan dan objektif kajian. Dalam aspek perbincangan tertentu, sebarang data yang bersesuaian dengan tajuk dianalisis terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam bab-bab tertentu.

Data terdiri daripada leksikal yang terdapat pada entri kamus yang diselitkan dengan penggunaan peribahasa dikumpul dan dikenal pasti serta dianalisis terlebih dahulu mengikut kategori yang terdapat dalam kitab tersebut. Leksikal yang terdapat dalam peribahasa diasingkan mengikut bab-bab yang telah disusun di dalam kamus.

Analisis secara kualitatif dengan menganalisis data dengan analisis kandungan (*Content Analysis*) penting bagi membuat kesimpulan atau rumusan. Kemudian data tambahan yang diperoleh pula disatukan supaya huraian yang dibuat dalam penulisan

menjadi lebih jitu dan objektif. Secara keseluruhannya, analisis data melibatkan pengkaji melakukan perkara-perkara berikut:

- i. Mengumpul entri yang disertai dengan peribahasa
- ii. Menyenaraikan seberapa banyak peribahasa yang diperolehi
- iii. Memahami data kajian
- iv. Membataskan skop kajian yang lebih mendalam terhadap bab-bab tertentu sahaja

3.5 Kaedah Pengumpulan Peribahasa

Di sini pengkaji membahagikan kaedah pengkajian kepada dua bahagian iaitu analisis mengikut kosa kata dalam peribahasa dan analisis secara keseluruhan berdasarkan objektif kajian.

3.5.1 Kaedah Analisis Mengikut Kosa Kata Dalam Peribahasa

Setiap lexis yang mempunyai peribahasa dikira satu persatu dan dikumpulkan dan diasingkan mengikut bab-bab yang tertentu. Kosa kata tersebut diperolehi adalah dengan dengan meneliti halaman demi halaman kamus yang dikaji dan disenaraikan. Terdapat 268 leksikal daripada 30,000 leksikal yang terdapat dalam kata entri mu'jam tersebut diasingkan dan diletakkan di dalam jadual yang disediakan sebagaimana yang terdapat dalam bab 4 bagi memudahkan pengkaji membuat analisis.

Kitab al-Mu'jam al-Wasi:t yang menjadi sumber kajian utama pengkaji mempunyai dua jilid kesemuanya. Setiap jilid mengandungi bab-bab tertentu. Jilid pertama mengandungi huruf abjad dari hamzah hingga jumlah leksikal yang mempunyai

peribahasa tersebut yang berada di dalam semua bab yang mana bab 1 merangkumi dari huruf hamzah hingga da:d. Manakala jilid kedua mengandungi huruf tha:` hingga ya:`.

Setiap bab mempunyai leksikal yang diselitkan dengan peribahasa yang penggunaannya berbeza dari setiap peribahasa yang lain. Oleh itu, pengkaji telah membataskan kajian iaitu dengan mengambil sebanyak 26 peribahasa yang terdapat dalam kata masukan dari bab hamzah dan bab ba:` sahaja iaitu peribahasa daripada jilid yang pertama sebagai sumber kajian supaya kajian dapat dijalankan dengan lebih terperinci.

Peribahasa yang terdapat dalam entri kamus ini mempunyai pelbagai jenis tujuan iaitu bertemakan binatang, manusia, peristiwa kehidupan dan budaya masyarakat tertentu samada berbentuk pengajaran serta tauladan.

Pengkaji telah menentukan bab yang menjadi kajiannya tanpa mengambil kira tema yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Ini berdasarkan kajian makna yang ingin dilakukan oleh pengkaji terhadap leksikal yang mempunyai peribahasa dan tujuan penggunaannya.

Pengkaji juga telah mencari padanan antara peribahasa Arab dan Melayu yang mempunyai persamaan makna dari sudut konotasi dan penggunaannya. Kajian ini adalah untuk mencungkil kesenian dan keindahan bahasa yang terdapat di antara dua budaya yang berbeza.

Penggunaan peribahasa sebagai data bagi kajian ini mempunyai motifnya yang tersendiri. Peribahasa secara tidak langsung mencerminkan bunga-bunga bahasa yang

terdapat dalam budaya Arab. “Bunga-bunga bahasa bererti sesuatu yang indah dalam bahasa. Indah dalam erti kata adalah sedap didengar dan diucapkan, dengan pilihan kata yang tepat” (Adirukmi Achmad Azis, 1998).

3.5.2 Kaedah Analisis Secara Keseluruhan Berdasarkan Objektif Kajian

Peribahasa yang terdapat dalam kata entri dianalisis satu persatu dengan lebih terperinci dari sudut kajian maknanya dan tujuan penggunaannya. Untuk mendapatkan kepuasan dalam bidang kajian ini, pengkaji berminat membuat kajian sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji peribahasa Melayu iaitu kajian dari sudut makna tersurat³³ dan tersirat supaya dapat mengetahui perbezaan bahasa sumber dengan bahasa sasaran.

Mengikut Sparsen dan Wilson, dalam *Relevance Theory: Communication and Cognition*, penulis telah membicarakan mengenai bahasa denotasi (tersurat) yang bermaksud makna yang terdapat dalam kamus dan konotasi (tersirat), iaitu makna yang tidak terdapat dalam kamus, merupakan makna kiasan atau simbolik.

Begitu juga peribahasa yang terdapat dalam mu‘jam yang menjadi bahan kajian pengkaji, adalah merupakan kajian yang berkaitan dengan dua bahasa, iaitu denotasi dan konotasi.

³³ .Makna tersurat dari sudut pembelajaran balaghah (retorik Arab) dikategorikan dalam ilmu hakiki manakala makna tersurat dikenali sebagai ilmu majazi.

Oleh itu pengkaji berminat untuk membuat kajian berdasarkan makna leksikal yang terdapat dalam peribahasa tersebut dan menginterpretasikannya dari sudut makna iaitu, makna denotasi dan konotasi serta membuat penyelidikan terhadap peribahasa dan mengaitkan dengan pemikiran masyarakat tersebut atau mungkinkah ada sebab-sebab yang rasional kenapa diungkapkan peribahasa tersebut?

Terdapat leksikal yang mengandungi 26 peribahasa yang dianalisis dari segi makna denotasi yang menggunakan medan makna haiwan dalam kajian ini, sebagai contoh, peribahasa yang terdapat dalam kata entri hamzah` iaitu ‘آكل من السوس’³⁴(lebih banyak makannya daripada ulat), gambaran tentang sifat binatang dari perspektif dua budaya.

Walaupun begitu, pengkaji membuat kajian tersebut secara menyeluruh kerana kajian ini mengkhususkan kepada kajian makna.

Dari segi penggunaan makna, kata entri ‘آكل’ bermakna ‘lebih banyak makan’, iaitu sifat dan tabiat semula jadi yang terdapat pada serangga “ulat kayu ataupun ulat yang terdapat pada bangkai”. Dalam ungkapan Melayu juga ada menyebut tentang kuat makan iaitu, “tiada telap oleh asai³⁵”, menunjukkan persamaan dari segi lafaz dan makna dengan peribahasa Arab tersebut.

³⁴ . Mu`jam al-Wasi:t, 1:٢٢

³⁵ . ‘asai’ bermaksud ulat kayu.

Fenomena yang sama yang terdapat antara dua budaya Arab dan Melayu dari segi makna yang denotasi iaitu 'kuat makan'. Dalam peribahasa ini, terdapat unsur metafora iaitu perbandingan antara sifat serangga dengan manusia³⁶.

Manakala perkataan 'أَكْلٌ' dari sudut makna yang sebenar kedua-duanya terdapat sedikit perbezaan, iaitu mengikut budaya Arab bermaksud "orang yang boros". Maksud dalam peribahasa Melayu pula membawa makna yang sebaliknya iaitu, "orang yang berumur panjang".

Hasil daripada kajian yang dilakukan dapat dihuraikan bahawa sifat dan tingkah laku serangga atau haiwan boleh dijadikan panduan dalam menyampaikan mesej-mesej yang berguna. Leksikal dalam peribahasa yang terdapat dalam mu`jam tersebut lebih mengutamakan makna denotasi daripada makna konotasi. Walau bagaimanapun, makna konotasi inilah sebenarnya yang mencerminkan budaya sesuatu masyarakat tersebut.

3.6 Kesimpulan

Secara ringkasnya metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji telah menjadi sumber dalam menentukan pemerolehan data primer. Dapatan yang diperolehi dari sumber kajian tambahan selain dari mu`jam secara tak langsung juga telah mendedahkan pengkaji kepada keadaan dan penggunaan peribahasa yang terdapat pada kata entri al-Mu`jam al-Wasi:t.

³⁶ .unsur metafora dari segi ilmu balaghah adalah termasuk dalam bidang isti`arah, iaitu peminjaman sifat haiwan kepada manusia.

Kaedah kajian dibuat bersesuaian dengan aspek kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini kerana perkara tersebut merupakan saluran dalam memiliki data kajian yang merupakan sesuatu yang seiring dengan aspek kajian. Perjalanan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji dapat berjalan dengan lebih lancar dan teratur.

Data yang dikumpulkan juga dapat diproses dengan lebih teratur kerana data yang dikumpul akan dianalisis mengikut kaedah kajian yang telah dikemukakan. Hal ini sangat membantu pengkaji terutamanya semasa proses menulis yang memerlukan penelitian data-data kajian yang sangat diperlukan dalam penyelidikan.

BAB 4

ANALISIS MATHAL DALAM ENTRI AL-MU‘JAM AL-WASI:Ṭ

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji membincangkan dan menghuraikan hasil penganalisan data yang diperolehi hasil dari pengamatan dan kajian terhadap kosa kata atau leksikal yang terdapat dalam mu‘jam al-Wasi:ṭ.

Data yang telah dikumpul dan dianalisis untuk menjawab persoalan kajian sebagaimana yang telah diutarakan dalam bab satu. Selaras dengan itu, pengkaji telah membahagikan penganalisan data kepada dua bahagian iaitu analisis mengikut setiap kosa kata dalam peribahasa dan analisis secara keseluruhan berdasarkan objektif kajian.

4.1 Analisis Mengikut Setiap Kosa Kata Dalam Peribahasa

Proses penganalisan data yang terdapat pada bahagian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih terperinci berdasarkan item kosa kata atau leksikal yang telah disusun oleh ahli leksikografi dalam entri al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ.

Ahli leksikografi menentukan proses memerikan item kosa kata dan menyusunnya mengikut susunan yang tertentu (leksikografi: prinsip dan amalan 1993:5). Standard ketepatan kosa kata dan makna leksikal adalah tidak seragam dan berubah dari satu generasi ke generasi dan mengikut dialek serta kelainan bahasa tertentu.

Oleh itu, kosa kata diperindahkan lagi dengan menyelitkan penggunaan peribahasa walaupun ia tidak banyak terdapat dalam entri mu'jam. Namun begitu, ia masih digunakan dalam masyarakat.

Kebanyakan peribahasa yang terdapat dalam al-Mu'jam al-Wasi:t adalah mengikut susunan kata entri sebagaimana kamus-kamus lain di mana susunannya mengikut huruf abjad yang seragam iaitu huruf demi huruf atau perkataan demi perkataan.

Kata entri terdiri daripada leksikal untuk menerangkan makna-makna tertentu. Manakala ungkapan peribahasa diselitkan dalam entri adalah berfungsi untuk menerangkan dengan kaedah yang lebih berkesan dan lebih difahami lagi tentang makna leksikal yang terdapat dalam mu'jam tersebut.

Sebagaimana yang terdapat dalam mu'jam tersebut, pengkaji telah mengkaji kemasukan leksikal yang mempunyai kesemua peribahasa dalam setiap bab. Kajian ini dilakukan bagi memastikan kesahihan dan ketepatan data yang diperolehi. Analisis mu'jam ini dibahagikan kepada dua bab (juzuk) iaitu bab pertama dan bab kedua.

Berikut akan dipaparkan kedudukan bab-bab ini dan jumlah peribahasa yang terdapat dalam entri bagi setiap bab. Leksikal yang mengandungi peribahasa dalam entri al-Mu'jam al-Wasi:t yang diambil dari kata masukan (entri) huruf hamzah (الْهَمْزَة) hingga ya:' (يَاء), di mana bab ini dibahagikan kepada dua bahagian.

Analisis yang dilakukan dalam bab ini adalah terhadap peribahasa yang diselitkan dalam entri mu‘jam itu sendiri. Pengkaji mengumpul kesemua peribahasa yang terdapat dalam entri al-Mu‘jam al-Wasi:t yang terdapat dalam bab ‘hamzah’ (الهمزة) hingga kepada bab ‘ya:’ (ياء).

Juzuk pertama terdiri daripada huruf hamzah hingga huruf ‘al-ḍā:d’ (الضاد) yang mengandungi sebanyak 108 mathal (peribahasa) manakala bahagian yang kedua terdiri daripada huruf ‘ṭa:’ (طاء) hingga ‘ya:’ (ياء) yang mengandungi sebanyak 88 mathal, jumlah kesemuanya mencakupi 268 peribahasa sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual berikut menunjukkan bilangan peribahasa dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t

Jadual 4.1: Bilangan Peribahasa dalam Bab Pertama:

Muka Surat	Bilangan Mathal	Bab	Bil
1-35	12	باب الهمزة	1
35-80	13	باب الباء	2
80-92	2	باب التاء	3
92-103	-	باب الثاء	4
103-150	44	باب الجيم	5
150-213	3	باب الحاء	6
213-267	32	باب الخاء	7
267-307	5	باب الدال	8
307-319	7	باب الذال	9
319-387	29	باب الراء	10

387-410	5	باب الزاي	11
410-469	17	باب السين	12
469-504	5	باب الشين	13
504-532	3	باب الصاد	14
532-548	3	باب الضاد	15
180		Jumlah peribahasa	

Jadual 4.2: Bilangan Peribahasa dalam Bab Kedua:

Muka Surat	Bilangan Mathal	Bab	Bil
549-574	2	باب الطاء	16
575-579	8	باب الظاء	17
579-642	26	باب العين	18
642-669	6	باب الغين	19
670-709	6	باب الفاء	20
709-771	6	باب القاف	21
771-808	5	باب الكاف	22
808-850	5	باب اللام	23
851-894	7	باب الميم	24
895-967	6	باب النون	25
967-1005	4	باب الهاء	62
1005-1061	6	باب الواو	27
1062-1067	1	باب الياء	28
88		Jumlah peribahasa	
268		Jumlah keseluruhan dalam bab satu dan dua	

Penyusunan kedudukan entri dalam mu'jam ini masih lagi terikat dengan ciri-ciri kamus tradisi yang mana diselitkan dengan penggunaan mathal yang diambil daripada masyarakat Arab sebagaimana yang dinyatakan oleh 'Abdul 'Azi:z Maṭa:r (1986, p. 498) yang dihuraikan oleh penulis dalam bab tiga.

4.2 Analisis Secara Keseluruhan Berdasarkan Objektif Kajian

Dalam bahagian ini, setiap kosa kata atau leksikal yang terdapat dalam kata masukan mu'jam tersebut dianalisis dan diberi penghuraian secara menyeluruh. Huraian dan pandangan yang diberikan adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang dibina seperti mana yang telah didapati dalam pengamatan data yang diperolehi dari pemerhatian pada setiap bab.

Pengkaji telah membataskan kajian dengan menghuraikan huraian yang lebih terperinci terhadap peribahasa yang terdapat dalam leksikal daripada bab hamzah dan ba:ḥ sahaja, walaupun di sana terdapat banyak peribahasa yang terdapat dalam bab-bab yang seterusnya. Hal ini adalah bertujuan untuk melihat hasil yang menyeluruh berdasarkan persoalan yang diutarakan pada bab yang sebelumnya.

Kajian ini berdasarkan kajian deskriptif dengan mengkaji peribahasa daripada perspektif makna, iaitu analisis data dengan mengkaji makna denotasi dan konotasi dalam peribahasa serta penggunaannya. Pengkaji juga akan mendatangkan contoh peribahasa Melayu bagi menunjukkan persamaan makna dengan peribahasa Arab.

Makna denotasi berbeza antara sesuatu bahasa kerana perbezaan budaya yang diamalkan oleh masyarakat tertentu tetapi mempunyai fungsi dan tujuan yang sama

dalam mana-mana bahasa adalah untuk memberi pujian, membuat teguran, memberi nasihat, menyindir dan sebagainya.

Dari segi ilmu Bala:ghah pula, makna denotasi dikenali dengan makna hakikat manakala makna konotasi dikenali dengan makna maja:z. Walaupun begitu, makna dari segi konotasi kurang diberi penekanan oleh ahli leksikografi ketika menyusun kamus kerana mereka lebih memberi penekanan kepada makna leksikal bagi setiap kata masukan (entri).

Begitu juga, terdapat pelbagai peribahasa yang ditemui dalam al-Mu‘jam al-Wasi:t. Antaranya perumpamaan yang bertemakan manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, elemen alam semula jadi dan lain-lain. Peribahasa ini bertujuan memudahkan pemahaman, menyampaikan sesuatu dalam bentuk gaya bahasa yang ringkas dan menarik.

Peribahasa juga berperanan dalam menyampaikan sesuatu imej dan gambaran terhadap individu dan masyarakat dalam sesuatu bangsa. Mengikut Awang Sariyan dalam (Titian bahasa, 1992) mengatakan, “peribahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai peranannya yang istimewa”, bukan sahaja dapat memperkayakan khazanah bahasa bahkan lebih penting daripada itu. Ia juga dapat memancarkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir serta keperluan akal budi masyarakat pengguna bahasa itu.

4.2.1 Analisis Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Hamzah

Di sini pengkaji membuat kajian terhadap kata masukan mathal yang terdapat dalam bab hamzah. Terdapat tiga belas mathal yang diselitkan dalam entri bab tersebut. Tujuan mathal diselitkan di sini adalah untuk membantu memberi penerangan dengan lebih tepat lagi akan penggunaan leksikal tersebut.

Pengkaji membawa padanan peribahasa Arab dan Melayu serta menggambarkan keadaan dua budaya yang berbeza mempengaruhi setiap ungkapan yang diungkapkan dan kedudukan leksikal dari segi makna denotasi, konotasi dan penggunaannya.

Di samping itu juga, pengkaji akan mengupas isu-isu yang berkaitan dengan peribahasa tersebut dengan menghuraikan kedudukan leksikal dalam peribahasa yang berperanan mengetengahkan makna konotasi melalui mathal tersebut.

4.2.1.1 Peribahasa Pertama: Entri ‘أَبَدٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 1:2).

Perkataan ‘الأَبَدُ’ yang bermaksud ‘masa’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “طَالَ الأَبَدُ عَلَى لُبَدٍ” yang membawa makna literal “panjangnya masa ke atas Lubad”. Perkataan ‘الأَبَدُ’ dalam peribahasa ini adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Dari segi makna denotasi, kata entri daripada perkataan ‘أَبَدٌ’ ‘abad’, bermakna ‘الدَّهْرُ’ ‘ad-dahr’ membawa maksud ‘masa atau waktu’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ, 1972, p. 2).

Menurut kamus Farid, 'al-abad' bermakna 'kekal selama-lamanya' (Kamus Farid 2, 2009). Begitu juga bagi perkataan 'أَبَدَ الدَّهْرَ', 'abada ad-dahr' juga membawa maksud kekal abadi (Frasa Idiomatik Arab:1). Manakala perkataan 'طَالَ الأَبَدُ' bermaksud, 'masa yang lama' dan digabungkan pada 'عَلَى لُبَدٍ' 'ke atas lubad' maksud denotasinya: "iaitu sejenis burung yang hidup beratus-ratus tahun lamanya".

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi pula, penggunaan kata 'lubad' 'لُبَدٍ' dapat difahami apabila digabungkan dengan perkataan "طَالَ الأَبَدُ عَلَى لُبَدٍ", bermaksud "يُضْرَبُ لِلشَّيْءِ يُعْمَرُ، وَيَمُتُّ" "عَلَيْهِ دَهْرٌ طَوِيلٌ" bermaksud: "umur yang panjang". Maksud konotasinya: "seseorang yang lanjut usia" (al-Mu'jam al-Wasi:t, 1972, p. 2).

Di sini pengkaji berpendapat bahawa terdapat unsur metafora (isti`a:rah) dalam peribahasa tersebut, iaitu perbandingan antara panjangnya jangka hayat burung dengan kehidupan manusia yang dapat hidup lama selama usia burung tersebut.

Mengikut masyarakat Arab, perkataan 'lubad' atau 'labad' merupakan nama yang diberikan kepada salah satu daripada tujuh ekor burung helang yang terakhir yang diletakkan di atas bukit oleh Luqma:n bin 'A:d. Menurut cerita masyarakat Arab dahulu kala jumlah burung kesemuanya adalah sebanyak tujuh ekor dan burung yang terakhir menjadi pilihan Luqma:n bin 'A:d.

Sebagaimanayang telah diceritakan oleh masyarakat Arab, beliau mengambil seekor burung dan diletakkan di atas bukit. Apabila burung tersebut telah mati, maka akan digantikan dengan burung yang lain yang lain sehinggalah burung yang ketujuh. Jangka

hayat burung ini sangat lama, berabad-abad usianya dan ada pendapat yang mengatakan panjangnya hayat setiap burung itu lebih kurang lima ratus tahun sehinggalah burung yang ketujuh masih lagi hidup sepanjang umur Luqma:n bin ‘A:d (al-Mayda:niyy, 1978, p. 430).

Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa ini mempunyai kaitan dengan cerita tersebut yang menggambarkan jangka hayat seseorang yang panjang sebagaimana panjangnya usia burung peliharaannya (al-Askariyy, 1988, p. 126).

Pengkaji juga mendapati bahawa pemindahan makna yang terdapat pada perkataan ‘Lubad’ bererti kekal, dikiaskan kepada Luqma:n yang menunjukkan jangka masa usia yang sehingga sama dengan hayat ‘Lubad’. Oleh itu masyarakat Arab mencipta peribahasa ini untuk menyatakan usianya yang panjang (Ibid, 1988, p. 126).

Selain daripada peribahasa tersebut, terdapat juga peribahasa yang membawa maksud tentang usia yang panjang seperti : “أَكَلَ عَلَيْهِ الدَّهْرُ وَشَرِبَ”³⁷

iii. Penggunaannya

Dari segi penggunaannya, ungkapan ini merupakan simbolik kepada seorang yang mempunyai usia panjang. Mengikut masyarakat Arab, peribahasa ini menceritakan kisah Luqma:n bin ‘A:d yang mempunyai usia yang lama.

³⁷ . rujuk entri 4.3.10

4.2.1.2 Peribahasa Kedua: Entri ‘إِبَالَةٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 1:3).

Perkataan ‘إِبَالَةٌ’ yang bermaksud ‘longgokan kayu api’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “ضِغْتُ عَلَى إِبَالَةٍ” yang membawa makna literal iaitu, “selenggok rumput di atas kayu api”. Perkataan ‘إِبَالَةٌ’ dalam peribahasa ini adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘إِبَالَةٌ’ ditasydidkan huruf ba: ʾ bermaksud “الْحُزْمَةُ مِنَ الْأَعْوَادِ” , “al-ḥuzmat min al-‘awa:d wa nahwiha:”, iaitu, “seberkas kayu api dan seumpamanya” (al-Mu‘jam al-Wasi:t 1972, p. 3).

Manakala dalam Lisan al-Arab, perkataan ‘إِبَالَةٌ’ ‘ibba:lat’ juga membawa maksud yang sama iaitu, “حُزْمَةٌ مِنْ أَعْوَادِ الْحَطَبِ” “ḥuzmat min al-‘awa:d al-ḥaṭab” iaitu, “seberkas kayu api” (Si:niyy et.al. 1996, p. 28).

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi, perkataan ‘إِبَالَةٌ’ ‘ibba:lat’ difahami dengan maknanya yang lebih tepat apabila digabungkan dengan perkataan ‘دِغْثُنٌ’ ‘dighthun’ bermaksud ‘rumput kering’. Peribahasa ini dapat difahami makna disebaliknya, iaitu ‘beban atau masalah’. Maksud ‘ضِغْتُ عَلَى إِبَالَةٍ’ yang membawa makna konotasi, “seseorang yang sentiasa dibebani oleh masalah”, juga mempunyai maksud lain “seseorang yang menimbulkan kesulitan ke atas orang lain dan sentiasa mengulangi perbuatan tersebut”.

Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa ini difahami oleh masyarakat Arab yang menganggap bahawa sifat kayu yang membakar diumpamakan sebagai beban atau kejahatan dan dilonggokkan pula dengan rumput kering ‘dighthun’ di atasnya yang boleh menambahkan lagi kemarahan api tersebut (Ibid, 1996, p. 28).

iii. Penggunaannya

Dari segi penggunaannya, peribahasa ini merupakan kiasan bagi seseorang yang ditimpa masalah atau musibah, tidak lama kemudian orang tersebut mendapat musibah atau masalah sekali lagi sehingga tidak bertanggung olehnya (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ 1972, p. 28). Peribahasa ini juga dikiasan kepada seseorang yang membuat kesusahan pada orang lain dari satu sudut, tidak lama kemudian membuat kesusahan lagi dari sudut lain (Rathomy, 1982, p. 391).

4.2.1.3 Peribahasa Ketiga: Entri ‘أَبَى’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 1:4).

Perkataan ‘أَبَى’ yang bermaksud ‘enggan’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “رَضِيَ الْخَصْمَانِ وَأَبَى الْقَاضِي” yang membawa makna literal “dua orang yang bermusuhan berbaik-baik dan hakim telah menolak”. Perkataan ‘أَبَى’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘أَبَى’ yang bermaksud “الشَّيْءُ كُرْهُهُ وَلَمْ يُرْضَى بِهِ”, “membenci dan tidak meredhainya atau membenarkannya”, atau “sesuatu yang dibenci dan tidak

direstui”, yaitu “tidak setuju dengan pendapat orang lain” yang merujuk kepada sifat yang ada pada seseorang (Si:niyy et.al, 1996).

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi, kata ‘أَتَى’, dapat difahami maksudnya apabila digabungkan dengan kata lain, iaitu “رَضِيَ الْخَصْمَانِ وَأَبَى الْقَاضِي”. Makna konotasinya, “orang yang suka mencampuri urusan orang lain” (Ibid, 1996, p. 4).

iii. Penggunaannya

Di sini pengkaji berpendapat bahawa ungkapan ini dikiaskan kepada seseorang yang suka campur tangan dalam sesuatu urusan atau pertelingkahan orang lain yang tidak mendatangkan faedah kepadanya.

4.2.1.4 Peribahasa Keempat: Entri ‘أَتَى’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:5).

Perkataan ‘أَتَى’ yang bermaksud ‘datang’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “مِنْ مَأْمَنَةٍ يُؤْتَى الْحَذِرَ”, yang membawa makna literal “daripada tempat aman didatangi sifat waspada”. Perkataan ‘أَتَى’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘أَتَى’ bermaksud datang. Manakala ‘يُؤْتَى الْحَذِرَ’ bermaksud “datang sifat berhati-hati atau waspada”. Peribahasa ini menerangkan

bahawa manusia yang bersikap begitu waspada dan berhati-hati juga akan terkena musibah dari tempat yang tak disangka-sangka (al-Mu‘jam al-Wasi:t 1972, p. 5).

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi makna konotasinya, perkataan ‘أَتَى’ bermaksud apa yang datang padanya ‘bahaya’ dapat difahamkan keseluruhan maknanya apabila ia digabungkan menjadi ayat yang sempurna iaitu, “مِنْ مَأْمَنَةٍ يُؤْتَى الْحَذِرَ”, maksud konotasinya: “mendapat bahaya walaupun berada di tempat selamat” (Ibid, 1986, p. 5). Maksud lain, “berhati-hati walaupun berada di tempat yang selamat, jikalau tidak berhati-hati musuh akan mengambil kesempatan (Si:niyy et.al, 1996).

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini adalah merupakan anjuran supaya berwaspada dalam menjaga keselamatan diri walaupun berada di tempat aman kerana di sana penjenayah selalu mengambil peluang atas keamanan yang dikecapi. Selain itu, terdapat pendapat yang mengatakan sesuatu ketentuan ataupun takdir akan berlaku walaupun kita dalam keadaan berjaga-jaga, dengan kata lain kita tidak dapat mengelak sesuatu yang kejadian yang tidak dijangka akan menimpa kita (Ibid, 1986, p. 25).

Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa ini mempunyai kaitan dengan cerita tersebut:

لَمَّا دَا يَرْبِيَّ اللهُ مُوسَى (ع) فِي بَيْتِ عُدُوّه ؟

لَأَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يُرِيدُ أَنْ يَقُولَ لِلْبَشَرِيَّةِ جَمِيعًا: أَيُّهَا الْبَشَرُ! أَنَا خَالِقُكُمْ وَ أُمُورُكُمْ بِيَدِي ، فَهَذَا أَنَا ذَا
 أَرْبِي مُوسَى فِي بَيْتِ فِرْعَوْنَ عَدُوِّي وَعَدُوِّهِ، تَحْتَ عَيْنِي فِرْعَوْنَ، ثُمَّ اسْلَطَهُ عَلَيْهِ، وَهَذَا دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ قُوَّةَ اللَّهِ
 وَ قَدْرَتَهُ قَدْ تَأْتِي مِنْ دَاخِلِ قُصُورِ الطَّغَاةِ، وَ كَمَا يَقُولُ الْمَثَلُ : "مِنْ مَأْمَنِهِ يُؤْتَى الْحَذَرَ"³⁸

Cerita di atas mengisahkan tentang bagaimana Allah memelihara Nabi Musa a.s, yang dibesarkan dalam istana Firaun, yang mana beliau menjangkakan masih berada dalam keadaan aman pada ketika itu. Beliau tidak menyedari bahawa anak yang dipelihara suatu hari nanti bakal mendatangkan ancaman baginya, sebagaimana maksud peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Ini kerana, kadang-kadang ancaman akan datang tanpa disedari.

4.2.1.5 Peribahasa Kelima: Entri ‘أَثْرٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:5).

Perkataan ‘الأَثْرُ’ yang bermaksud ‘kesan’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “لَا تَطْلُبْ أَثْرًا بَعْدَ عَيْنٍ” yang membawa makna literal “jangan engkau mencari bekas selepas nampak bendanya”. Perkataan ‘الأَثْرُ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘الأَثْرُ’ bermaksud ‘الْعَلَامَةُ’ iaitu tanda atau kesan³⁹. ‘لَا تَطْلُبْ’ bermaksud ‘jangan engkau minta’ dan ‘بَعْدَ عَيْنٍ’ bermaksud ‘setelah melihat

³⁸ . <http://www.almodarresi.com/hedayat/12/a20isp5e.htm>

³⁹ .Kesan iaitu jejak, tanda atau bekas yang ditinggalkan oleh seseorang atau sesuatu

bendanya (objeknya)’. Peribahasa ini bermaksud, “jangan engkau mencari kesan setelah berjumpa dengan sesuatu yang engkau cari itu”.

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi makna konotasinya, perkataan ‘الأثر’ bermaksud ‘kesan’. Perkataan ini dapat difaham keseluruhan maknanya apabila ia digabungkan menjadi ayat yang sempurna iaitu, “لَا تَطْلُبْ أَثْرًا بَعْدَ عَيْنٍ” maksud konotasinya: “tidak menanggukkan sesuatu setelah mendapat peluang untuk melakukannya”⁴⁰. Ianya juga membawa maksud yang lain iaitu larangan, ‘jangan mengambil ‘⁴¹diyāt’ iaitu bayaran denda (hutang darah) setelah dapat pembunuhnya (al-Mayda:niyy, 1978, p. 176, Jld.1).

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini dikiaskan pada seseorang yang tidak suka melengah-lengahkan dalam mengusahakan sesuatu ketika masih mempunyai peluang melakukannya, hendaklah dilakukan tanpa ditanggukkannya selagi peluang itu masih ada. Apabila peluang telah tiada, mustahil untuk mendapatkannya kembali (Rathomy, 1982, p. 401).

Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa ini mempunyai kaitan dengan cerita tersebut. Mengikut cerita dari masyarakat Arab, kisah ini diceritakan oleh seorang lelaki yang bernama al-Ba:hili tentang kisah seorang lelaki yang menangkap dua orang adik beradik dan meletakkan dalam penjara untuk sementara waktu, kemudian dia membawa kedua

⁴⁰ .Koleksi Peribahasa Arab, 1998.

⁴¹ Diyāt, adalah bayaran denda (beberapa ekor unta) yang dikenakan kepada pembunuh untuk membayar hutang darah kepada keluarga si mangsa yang dibunuh.

tawanan itu, lalu memberitahu bahwa salah seorang akan dibunuh dan seorang lagi dibiarkan hidup.

Lelaki yang bernama Sima:k dibunuh, manakala saudaranya Ma:lik dilepaskannya. Apabila Ma:lik kembali kepada kaumnya, beliau dimarahi oleh ibu Sima:k. Apabila ia kembali kepada pembunuh tersebut yang berada dalam kalangan kaumnya dan mereka mengetahui hajatnya, maka mereka menawarkan seratus ekor unta supaya menukar fikiran untuk tidak membalas dendam. Dengan itu, Ma:lik mengeluarkan ungkapan yang berbunyi, ‘tidak aku meminta, kesan’ (bayaran diyat) sehingga ia melihat pembunuhnya, iaitu tidak menangguhkannya (al-Mayda:niyy, 1978, p. 176. Jld. 1).

4.2.1.6 Peribahasa Keenam: Entri ‘أَرِنَ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 1:15).

Kata entri daripada perkataan ‘أَرِنَ’ yang bermaksud ‘selesa’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “سَمِينٌ فَأَرِنَ” yang membawa makna literal “maka gemukkanlah, dan dia cergas,” Perkataan ‘أَرِنَ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ 1972, p. 15).

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘أَرِنَ’ iaitu berasal daripada perkataan ‘أَرِنَ وَأَرُونُ’ yang bermaksud ‘مَرِحٌ وَمَرُوحٌ’ iaitu ‘selesa’. Perkataan ini juga bererti ‘نَشِطٌ وَمُرِيحٌ’ yang membawa maksud ‘bertenaga dan selesa’. Dalam erti kata yang sebenar, sifat selesa yang dimaksudkan membawa kepada kebebasan yang melampaui batasan. Manakala ‘سَمِينٌ’ ‘samina’, bererti gemuk, merupakan gambaran sifat yang terdapat pada manusia (Ibid, 1972).

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi pula, makna ‘selesa atau cergas’ disempurnakan dengan perkataan ‘سَمِينٌ’, ‘samina’, menjadi “سَمِينٌ فَأُرِنُ” bermaksud “seseorang yang memberi kemewahan harta benda kepada seseorang yang menyebabkan mereka sentiasa gembira dan berasa selesa, sehingga melakukan sikap yang melampaui batas” juga membawa maksud “kemewahan yang melalaikan” (al-Mayda:niyy, 1978, p. 429. Jld1).

iii. Penggunaannya

Ungkapan ini dikiaskan kepada seseorang yang diberi kemewahan sehingga menyebabkan mereka lalai dengan kenikmatan yang diberikan dan seterusnya lupa daratan dan melanggar batasan dengan sebab kemewahan tersebut (Ibid, 1978, p. 429. Jld 1).

4.2.1.7 Peribahasa Ketujuh: Entri ‘أَزَّرَ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 1:16).

Perkataan ‘أَزَّرَ’ yang bermaksud ‘kekuatan’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “إِنْ كُنْتَ بِي تَشُدُّ أَرْزَكَ فَأَرْجِهْ” yang membawa makna literal “jika kamu bersamaku mendapat kekuatan maka tinggalkanlah”. Perkataan ‘أَزَّرَ’ adalah bertujuan menentengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘أَزَّرَ’ bermaksud ‘القُوَّةُ’ iaitu ‘kekuatan’, manakala ‘فَأَرْجِهْ’ bermaksud, ‘maka aku menjauhkannya’ (tinggalkannya). Peribahasa ini membawa maksud, “jika seseorang telah mendapat kekuatan, maka tinggalkanlah” (berdikari) (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 4).

i. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi, kata ‘أَزَرَ’, dapat difahami maksudnya apabila digabungkan dengan kata lain, “إِنْ كُنْتَ بِي تَشُدُّ أَرْزَكَ فَأَرْحِهِ” maksud konotasinya: “jika kamu mendapat kekuatan, maka aku tidak akan menolongmu lagi”. ‘Kekuatan’ di sini membawa maksud ‘kekuatan dari dirinya sendiri’ iaitu “memberi galakan supaya seseorang itu berdikari tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain” (al-Mayda:niyy, 1978, p. 51. Jld.1).

iii. Penggunaannya

Di sini pengkaji berpendapat bahawa ungkapan ini mengingatkan seseorang supaya berdikari dan jangan hanya mengharapkan pertolongan atau bantuan dari orang lain semata-mata tanpa berusaha.

4.2.1.8 Peribahasa Kelapan: Entri ‘أَسَى’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:17).

Perkataan ‘أَسَى’ yang bermaksud ‘berkorban’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “إِنَّ أَخَاكَ مَنْ آسَاكَ” yang membawa makna literal “saudaramu adalah orang yang mempertaruhkan dirinya untukmu”, Perkataan ‘أَسَى’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘أَسَى’ dari perkataan ‘مَنْ آسَاكَ’ membawa maksud ‘مُضِيبِيَّتِهِ’ iaitu “yang menerima musibah atau kecelakaan”, iaitu, “sanggup bersusah payah”. Dalam kamus lain, “sanggup bersusah payah” bermaksud “yang menggembirakan hati

atau menghiburkan hati” (Haji Muhammad Bukhari Lubis, Sabariah Abdullah & et. al, 2007, p. 9). Manakala perkataan ‘إِنَّ أَخَاكَ’ membawa maksud “sesungguhnya saudara kamu”. Peribahasa yang dimaksudkan di sini ialah “ sesungguhnya saudara kamu adalah orang yang sanggup berkorban dirinya untuk kamu”.

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi pula, makna ‘مَنْ آسَاكَ’ disempurnakan dengan perkataan ‘إِنَّ أَخَاكَ’ iaitu ‘إِنَّ أَخَاكَ مَنْ آسَاكَ’ yang bermaksud “sahabat sejati, iaitu orang yang sanggup berkorban demi saudaranya, walaupun beliau terpaksa menghadapi masalah”, iaitu dalam waktu susah samada dengan harta atau sebagainya (al-Mayda:niyy, 1978, pp. jld.1,108).

iii. Penggunaannya

Ungkapan tersebut dikiaskan kepada orang yang sanggup berkorban untuk saudaranya. Orang yang sedemikian itulah yang sebenar-benarnya dapat dianggap saudara (Rathomy, 1982, p. 19).

Ungkapan ini merupakan satu nasihat dan anjuran untuk lebih berhati-hati dalam berkawan (Si:niyy et. al. 1996, p. 29).

4.2.1.9 Peribahasa Kesembilan: Entri ‘آكل’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 1:22).

Perkataan ‘آكل’ yang bermaksud ‘makan’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “آكلٌ مِنَ السُّوسِ” yang membawa makna literal “makan melebihi ulat” Perkataan ‘آكل’ bermaksud “tabiat kuat makan’ adalah bertujuan menetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘آكل’ bermaksud ‘makan’ dan dari segi leksikal ia menunjukkan makna yang sebenar, iaitu ‘makan atau mengisi perut’, iaitu tabiat semula jadi yang ada pada manusia dan haiwan. Kata ‘السُّوسِ’ bermaksud sejenis ‘ulat kayu yang memakan kayu’ atau “ulat yang memakan tulang manusia yang sudah reput” (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ 1972, p. 22). Peribahasa tersebut bermaksud “makan melebihi ulat” (Koleksi Peribahasa Arab, 1998, p. 7).

ii. Makna Konotasi

Manakala makna konotasi yang disempurnakan dengan perkataan ‘مِنَ السُّوسِ’, daripada peribahasa ini ialah perkataan ‘makan’ menerangkan seseorang yang kuat makan seperti ulat kayu (as-su:s). “آكلٌ مِنَ السُّوسِ” terdapat dua makna konotasi, iaitu “orang yang kuat makan” atau “orang yang boros”. Selain itu, terdapat unsur metafora iaitu membandingkan sifat manusia yang kuat makan disamakan dengan sifat haiwan. ‘Kuat makan’ juga diumpamakan sebagai orang yang suka membelanjakan wang (al-Mayda:niyy, 1978, Jld 1, p. 125).

ii. Penggunaannya

Dari segi penggunaannya, peribahasa ini merupakan kiasan bagi orang yang kuat makan seolah-olah tidak pernah kenyang perutnya dan juga diumpamakan orang yang boros berbelanja dan tidak pandai untuk berjimat cermat (Rathomy 1982, p. 28).

4.2.1.10 Peribahasa Kesepuluh: Entri ‘أَكَلٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:22).

Perkataan ‘أَكَلٌ’ yang bermaksud ‘makan’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “أَكَلٌ عَلَيْهِ الدَّهْرُ وَشَرِبٌ” yang membawa makna literal ‘telah dimakan dan diminum oleh masa’. Perkataan ‘أَكَلٌ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘أَكَلٌ’ dalam ‘أَكَلٌ عَلَيْهِ الدَّهْرُ’ bermaksud “telah dimakan oleh masa” dan perkataan ‘وَشَرِبٌ’ bermaksud ‘dan minum’. Perkataan ‘أَكَلٌ’ dan ‘وَشَرِبٌ’ bermaksud, ‘makan atau mengisi perut’, iaitu sifat atau tabiat semulajadi yang ada pada manusia. Makna denotasinya pula adalah, “telah dimakan dan diminum oleh masa” (al-Mu‘jam al-Wasiṭ 1972, p. 22).

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi pula, makna ‘أَكَلٌ’ bermaksud ‘makan’ disempurnakan dengan perkataan ‘عَلَيْهِ الدَّهْرُ’ yang disandarkan kepada ‘masa’ dalam peribahasa “أَكَلٌ عَلَيْهِ الدَّهْرُ وَشَرِبٌ” makna konotasinya: ‘طَالَ عُمُرُهُ’ ‘panjang usia’⁴², iaitu jika

⁴². Matar, 1986, p. 22

seseorang yang hidup lama, bermakna ia banyak dapat makan dan minum, kerana hidupnya lama. Maksud konotasi yang kedua iaitu ‘الأشياء المستهلكة’⁴³ “benda-benda yang lama atau usang (ditelan zaman)”.

Di sini terdapat unsur metafora dan personifikasi iaitu, menyamakan sifat yang ada pada manusia dengan benda yang abstrak ‘masa’, iaitu seolah-olah yang makan dan minum itu adalah masa.

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini dikiaskan kepada seseorang yang sudah lanjut usianya dan banyak pula pengalamannya ataupun sesuatu benda yang lama ditelan zaman ataupun usang (Rathomy, 1982, p. 24).

4.2.1.11 Peribahasa Kesebelas: Entri ‘أَنْفٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasi‘; 1:30).

Perkataan ‘إِسْتَأْنَفُ’ yang bermaksud ‘berterusan’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, ‘التَّجْرِبُ عِلْمٌ مُسْتَأْنَفٌ’ yang membawa makna literal “eksperimen merupakan ilmu yang berterusan”. Perkataan ‘إِسْتَأْنَفُ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

⁴³ .dalam <http://vb.we3rb.com/showthread.php?t=90262>

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘مُسْتَأْنَفٌ’ dari kata dasar ‘أَنْفٌ’ bermaksud “طَلَبَ إِعَادَةَ النَّظَرِ” “selalu melakukan sesuatu perkara berulang kali” iaitu melakukan sesuatu dengan berterusan atau istiqamah dan membuat kajian terhadap sesuatu benda untuk mendapat idea atau sesuatu yang baru (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 30).

ii. Makna Konotasi:

Dari segi makna konotasi pula, makna ‘مُسْتَأْنَفٌ’ digabungkan dengan perkataan ‘التَّجْرِبُ’ ‘عِلْمٌ مُسْتَأْنَفٌ’, makna konotasinya: “tekun dan usaha membuahkan hasil” di mana “pengalaman yang dilalui oleh seseorang yang tekun dan berusaha dalam mencuba membuat kajian untuk menghasilkan sesuatu yang baru” (al-Mayda:niyy, 1978, p. 97. Jld 2).

iii. Penggunaannya

Ungkapan ini berbentuk nasihat iaitu galakan berusaha dan mengambil faedah daripada kajian-kajian yang dijalankan dan para pengkaj mendapatkan sesuatu ilmu (Si:niyy et.al, 1996, p. 32).

4.2.1.12 Peribahasa Kedua Belas: Entri ‘أَنْفٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 1:30).

Perkataan ‘أَنْفٌ’ yang bermaksud ‘hidung’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “أَنْفُكَ مِنْكَ وَإِنْ كَانَ أَجْدَعٌ” yang membawa makna literal “hidungmu adalah kepunyaanmu sendiri sekalipun ia rompong”, Perkataan ‘أَنْفٌ’ adalah bertujuan menetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri ‘أَنْفٌ’ ‘anfun’ bermaksud: ‘عَضُوٌّ وَالتَّنَفُّسُ وَالشُّمُّ’ iaitu, “merupakan salah satu juzuk anggota yang digunakan untuk bernafas dan mencium (bau)”. Manakala perkataan ‘وَإِنْ كَانَ أَجْدَعٌ’, bermaksud dan sekiranya ia rompong⁴⁴. Peribahasa ini membawa maksud “hidungmu adalah kepunyaanmu, sekalipun ia rompong” (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ 1972, p. 30).

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi pula, perkataan ‘anfaka’ ‘أَنْفُكَ’ disandarkan kepada perkataan ‘minka’ ‘مِنْكَ’ yang membawa erti hidungmu kepunyaanmu sekalipun ia rompong, dan digabungkan dengan perkataan ‘وَإِنْ كَانَ أَجْدَعٌ’, menjadi ‘أَنْفُكَ مِنْكَ وَإِنْ كَانَ أَجْدَعٌ’ makna konotasinya: “seseorang yang memburukkan kaumnya sendiri” ia juga boleh difahami dengan maksud yang lain iaitu “seseorang yang melepaskan diri dari tuannya” (al-Mayda:niyy, 1978, pp. Jld 2,352).

Di sini terdapat unsur metafora iaitu perbandingan antara hidung rompong dengan tingkah laku manusia dan juga bentuk hidung melambangkan keturunan seseorang.

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini mengingatkan kepada kita supaya kita mengakui dan bangga dengan keturunan dan asal usul kita dan jangan sesekali lupa diri. Sekalipun keturunan kita tidak memiliki apa-apa kebanggaan (Si:niyy et.al. 1996, p. 82).

⁴⁴ . Rompong, bermaksud rosak atau terkerat pada cupingnya atau hujungnya.

Peribahasa ini juga adalah merupakan kiasan pada seseorang yang selalu hendak melepaskan diri atau berlepas tangan dari kelemahan dan ejekan kaumnya dan juga dikiaskan kepada orang yang selalu memburuk-burukan keadaan golongannya sendiri (Rathomy, 1982, p. 43).

Di sini juga pengkaji menyelitikan ungkapan yang mempunyai maksud yang sama untuk menerangkan tentang keturunan yang diucapkan oleh masyarakat Arab:

“أَنْفُكَ مِنْكَ وَإِنْ كَانَ أذنٌ”.

“Hidungmu kepunyaanmu sekalipun ia berhingus”.⁴⁵

“,حَشْمُكَ عَلَيْكَ وَلَوْ كَانَ عِوَجٌ”.

“Hidungmu adalah kepunyaanmu sekalipun ia bengkok”.⁴⁶

4.2.1.13 Peribahasa Ketiga Belas: Entri ‘آد’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 1:34).

Perkataan ‘الأيّد’ ‘al-kaydu’ yang bermaksud ‘tipu daya’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, ‘الْكَيْدُ أَبْلَغُ مِنَ الْإَيْدِ’ yang membawa makna literal ‘tipu daya lebih kuat daripada senjata’. Perkataan ‘الأيّد’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

⁴⁵ . al-Mayda:niy, 1977

⁴⁶ .Ibid 1977

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘الأَيْدِ’ dari kata dasar ‘آد’ bermaksud ‘فَهُوَ أَيْدٍ قَوِيٍّ وَاشْتَدَّ’ iaitu ‘sangat kuat’. Perkataan yang dimaksudkan di sini adalah kekuatan yang terdapat pada seseorang atau tentera ketika dalam peperangan. (Ibid, 34:1986).

ii. Makna Konotasi

Manakala makna konotasi yang terdapat dalam kata ‘الأَيْدِ’ ‘kekuatan umpama senjata’ yang disempurnakan dan digabungkan dengan perkataan lain iaitu, ‘الْكَيْدُ أَبْلَغُ مِنَ الْأَيْدِ’ makna konotasinya: “muslihat lebih berbahaya daripada senjata”. Hal ini kerana muslihat atau helah lebih berkesan daripada senjata yang digambarkan dengan ‘kekuatan dan kemuliaan’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 34).

iii. Penggunaannya

Pengkaji berpendapat ungkapan ini mengingatkan supaya berhati-hati dengan tipu muslihat seseorang kerana tipu daya lebih bahaya daripada senjata dan ia boleh membinasakan seseorang dan sesuatu bangsa. Sebagaimana helah atau tipu daya yang digunakan oleh orang-orang Arab dalam peperangan (al-Tha`alibi 36:1).⁴⁷

Di sini pengkaji menyelitkan satu contoh lain yang mempunyai persamaan maksud dengan peribahasa Arab tersebut, iaitu:

”الحَاجَةُ تُفْتَقُّ الْحِيلَةَ”⁴⁸

⁴⁷ al-Tha`alibi. Tamshil wal Muhādarat dalam(<http://www.alwarraq.com>)

⁴⁸ .Mahmud Ismail Sinniy, 1996:3.

Maksudnya: “keazaman itu menimbulkan daya upaya”.

Peribahasa ini menerangkan makna yang sebenar iaitu, “apabila seseorang itu menghendaki sesuatu maka dia mencari jalan untuk mendapatkannya”.

4.2.2 Analisis Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Ba:’

Di sini pengkaji membuat kajian terhadap kata masukan peribahasa yang terdapat dalam bab ba:’. Terdapat tiga belas peribahasa yang diselitkan dalam entri bab tersebut. Tujuan peribahasa diselitkan di sini adalah untuk membantu memberi penerangan dengan lebih tepat lagi penggunaan leksikal tersebut.

Pengkaji menganalisis mathal dalam bab ini satu persatu dengan menghuraikan kedudukan leksikal dari segi makna denotasi, konotasi dan penggunaannya. Di samping itu juga, pengkaji mengupas isu-isu yang berkaitan dengan peribahasa tersebut dengan menghuraikan kedudukan leksikal dalam peribahasa yang berperanan mengetengahkan makna konotasi melalui peribahasa tersebut.

4.2.2.1 Peribahasa Pertama: Entri ‘بأس’) al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 2:36).

Perkataan ‘أَبُؤْسًا’ yang bermaksud ‘sengsara’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, ‘عَسَى الْغُؤَيْرُ أَبُؤْسًا’ yang membawa makna literal “boleh jadi gua yang kecil itu membawa kesengsaraan”. Perkataan ‘أَبُؤْسًا’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri daripada perkataan ‘أَبْوَسًا’ kata jama` perkataan ‘بأس’ bermaksud ‘الشَّدَّة فِي الْحَرْبِ’ ‘bersangatan dalam peperangan’. Ia juga membawa maksud ‘العَذَاب الشَّدِيد’ ‘azab yang bersangatan’. Manakala perkataan ‘الْعُوَيْرُ’ pula, tasghir daripada perkataan ‘الْعَارُ’ ‘gua kecil’, iaitu suatu tempat sunyi dan gelap. ‘Gua kecil’ juga menggambarkan kesengsaraan dan kegelapan. Peribahasa ini membawa maksud “لِكُلِّ شَيْءٍ يُخَافُ مِنْهُ الشَّرُّ” “sesuatu kejahatan yang menakutkan” (al-Mu‘jam al-Wasi:t 1972, p. 36)

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi konotasinya, perkataan ‘أَبْوَسًا’ bermaksud ‘sengsara’, dapat difahami maknanya apabila ia digabungkan menjadi ayat yang sempurna iaitu “عَسَى الْعُوَيْرُ أَبْوَسًا”. Makna konotasinya: “لَعَلَّ الْبَلَاءَ يَجِيءُ مِنْ قِبَلِ الْعَارِ”, “bahaya yang datang dan akan datang dari gua”. Makna lain, “الرَّجُلُ يُخْبِرُ بِالشَّرِّ فَيَتَّهِمُ بِهِ”, “ia juga boleh digunakan untuk menggambarkan seseorang yang mengkhabarkan sesuatu yang buruk (fitnah), kemudian dia dipersalahkan daripada melakukan perbuatan tersebut (fitnah itu)” (al-Askariyy, 1988, p. 50).

iii. Penggunaannya

Ungkapan ini menyatakan bahawa seseorang yang membuat sesuatu kejahatan dan menuduh orang lain yang bertanggungjawab atas kejahatan tersebut. Ungkapan ini juga dikatakan kepada seorang lelaki, semoga kejahatan telah datang sebelum engkau, iaitu ditujukan kepada seseorang yang membawa malapetaka atau membawa sial (al-Mayda:niyy, 1978, p. 21. Jld.2).

Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa ini mempunyai kaitan dengan sebuah cerita iaitu, pada zaman Arab dahulu kala, terdapat permaisuri Syria yang bernama az-Zaba:>` ‘الرَّيَاءُ’. Beliau telah membunuh seorang lelaki yang dikenali sebagai ‘Juthaymah’ ‘جذيمة’. Setelah itu, seorang pemuda bernama Qase:r telah datang kepada anak saudara Juthaymah lalu telah berkata kepadanya: tidakkah kamu akan membalas dendam terhadap kematian bapa saudara kamu? ‘Amar menjawab, bagaimana saya boleh melakukannya?.

Kemudian Qase:r telah mengambil sebilah pisau, lalu mengerat hidungnya dan telah melarikan diri ke negara al-Zaba:`. Di sana beliau mendakwa bahawa rakyatnya sendiri yang telah memotong hidungnya, dan dia ingin membalas dendam.

Permaisuri al-Zaba:>` percaya dengan cerita tersebut. Beliau memberi kepercayaan kepada Qase:r dan membantu dalam menguruskan perdagangannya buat sementara waktu. Dalam salah satu daripada perjalanan perdagangan tersebut, dia melambatkan diri daripada kumpulan peniaga yang lain. Dan apabila az-Zaba:>` bertanya tentang Qase:r, mereka memberitahu bahawa Qase:r telah mengambil jalan ke gua kecil. Kemudian permaisuri berkata lagi: “mungkin kejahatan akan muncul dari gua kecil tersebut”, kerana beliau merasakan bahawa Qase:r sedang merancang sesuatu yang jahat kerana telah melewati perjalanannya dan mengambil jalan yang berlainan.

Cerita ini menggambarkan bahawa Qase:r telah benar-benar membuat persiapan untuk sesuatu perkara yang jahat, iaitu membunuh al-Zaba:>` dan dia yakin bahawa dia mampu untuk membunuh al-Zaba:`. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peribahasa yang disebut oleh al-Zaba:>` menjadi benar, di mana kejahatan itu datang dari gua yang kecil, yang

merujuk kepada jalan gua kecil yang ditukar Qaṣe:r adalah sebahagian daripada rancangan pembunuhan tersebut.

Bagi senario kedua pula, peribahasa ini boleh digunakan apabila seorang yang datang untuk memaklumkan sesuatu kejahatan, tetapi kemudiannya orang itu sendiri dituduh melakukan kejahatan tersebut. Cerita mengenai seorang lelaki yang menuduh seseorang telah melakukan kejahatan. Beliau datang kepada ‘Umar membawa anak buangan (anak luar nikah), lalu ‘Umar memberitahu bahawa “anak ini adalah berkemungkinan kepunyaan kamu”, (awak adalah bapanya) (al-Mayda:niyy, 1978, p. 21).

4.2.2.2 Peribahasa Kedua: Entri ‘بَحَثٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:40).

Perkataan ‘بَحَثٌ’ yang bermaksud ‘cari’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, ‘كَبَّاحَتُهُ عَنْ حَنْفِهَا بِظُلْفِهَا’, yang membawa makna literal ‘bagaikan orang yang mencari kematian dengan kakinya sendiri’. Perkataan ‘بَحَثٌ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri dari perkataan ‘بَحَثٌ’ membawa maksud “حَفَرَهَا وَطَلَبَ الشَّيْءَ فِيهَا” “meminta sesuatu terjadi padanya”. Manakala kata ‘حَنْفُهَا’ iaitu ‘kematian’, dan kata ‘بِظُلْفِهَا’, membawa maksud ‘kakinya’. Makna yang dapat difahami dengan perkataan ‘mencari’ adalah menunjukkan perbuatan mencari sesuatu (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 40).

ii. Makna Konotasi

Manakala makna konotasi perkataan 'بَحَثٌ' 'mencari', dapat difahamkan keseluruhan maknanya apabila digabungkan menjadi ayat yang sempurna iaitu "كَبَّاحَتُهُ عَنْ حَتْفِهَا بِظَلْفِهَا" iaitu makna konotasinya: "ditimpa musibah atas perbuatan sendiri". Ia juga bermaksud "melakukan sesuatu perbuatan di mana perbuatannya itu menyebabkan punca kematiannya" (Rathomy, 1982, p. 47).

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini merupakan kiasan bagi seseorang yang bernasib malang di mana dia sentiasa ditimpa kecelakaan dalam hidupnya serta membuat sesuatu pekerjaan yang boleh membahayakan dirinya sendiri. Ungkapan ini mempunyai persamaan pada mesej yang ingin disampaikan dengan ungkapan yang terdapat pada entri ketiga (al-Mu'jam al-Wasi:t, 1972, p. 2).

Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa ini mempunyai kaitan dengan cerita tersebut. Menurut masyarakat Arab, cerita ini mengisahkan bahawa ada seorang pemburu yang dapat menangkap seekor binatang buruan di hutan, tetapi sayangnya ia tidak membawa alat senjatanya (pisau) untuk menyembelihnya. Tiba-tiba binatang itu menggarukan kakinya di bumi, lalu tersandung sebilah pisau yang tajam di kakinya.

Pemburu itu tanpa berlengah-lengah lalu mengambil pisau tersebut dan menyembelih buruannya. Kesimpulan yang dapat diambil dari kisah tersebut menceritakan bahawa binatang tersebut seolah-olah menempah kematiannya dengan menemukan pisau itu (Rathomy, 1982).

4.2.2.3 Peribahasa Ketiga: Entri ‘الْبَرَاجِمِ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:47).

Perkataan ‘الْبَرَاجِمِ’ yang bermaksud ‘Bara:jim’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “إِنَّ الشَّقِيَّ وَافِدُ الْبَرَاجِمِ” yang membawa makna literal “yang celaka itu adalah tamu dari Bara:jim”. Perkataan ‘الْبَرَاجِمِ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘الْبَرَاجِمِ:بَيْنُ مَالِكٍ:حَنْظَلَةَ مِنْ أَوْلَادِ حَنْظَلَةَ بْنِ مَالِكٍ:الْبَرَاجِمِ’ bermaksud , nama satu qabilah yang berasal dari keturunan Ḥanẓalāt bin Ma:lik (al-Askariyy, 1988, p. 121). Manakala perkataan ‘الشَّقِيَّ’ adalah bermaksud “celaka”. Perkataan ‘celaka’ di sini dimaksudkan dengan tetamu dari Bara:jim (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 47). Oleh itu, peribahasa ini membawa maksud “yang celaka adalah tamu dari al-Bara:jim”.

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi makna konotasi, perkataan ‘الْبَرَاجِمِ’ yang ingin disampaikan di sini adalah mengenai seorang tamu yang datang dari Bara:jim. Perkataan ini dapat difahami apabila digabungkan dengan perkataan lain iaitu, “إِنَّ الشَّقِيَّ وَافِدُ الْبَرَاجِمِ”, makna konotasinya: “seseorang yang ditimpa nasib malang iaitu ‘tetamu dari al-Bara:jim’ (al-Maida:niyy, 1978, pp. Jld1,38). Peribahasa ini juga membawa maksud yang lain iaitu, “seseorang yang telah masuk perangkap musuh, tanpa disedari yang akhirnya menemui kecelakaan (Koleksi Peribahasa Arab, 1998, p. 96).

iii. Penggunaannya

Dari segi penggunaannya, pengkaji mendapati bahawa ungkapan ini memberi galakan supaya berhati-hati dalam melakukan sesuatu tindakan supaya terselamat dari bahaya. Peribahasa ini juga dikisahkan pada seseorang yang bernasib malang tanpa diketahui telah masuk ke perangkap musuh hingga menemui kebinasaan (Rathomy, 1982, p. 354).

Masyarakat Arab mengambil ungkapan ini berdasarkan situasi peristiwa yang berlaku dalam masyarakatnya. Menurut cerita dari masyarakat Arab, Bara:jim adalah merupakan qabilah Arab yang berasal dari keturunan Ḥanzalat bin Ma:lik bin ‘Amr bin Tami:m. Pepatah ini diucapkan oleh ‘Amar bin Hind iaitu raja pada masa dahulu. Kisahnya bermula dengan seorang yang berketurunan suku Tamimiy bernama Suwaid bin Rabi:‘ah yang pada suatu ketika dahulu pernah membunuh saudara raja ‘Amr bin Hind itu.

Setelah membunuh saudara raja tersebut, dia telah melarikan diri dan tidak dapat dikesan jejaknya. Raja ‘Amr bin Hind bersumpah akan membunuh seramai seratus orang dari suku bani Tamimiy bagi membela kematian saudaranya itu.

Raja ‘Amr telah berjaya membunuh seramai sembilan puluh sembilan orang dari suku tersebut dan masih mencari seorang lagi daripada suku tersebut. Setelah mengetahui peristiwa tersebut, puak Tamimiy melarikan diri dan menyembunyikan diri dari raja itu.

Dengan ini, raja ‘Amr telah mengalami kesukaran untuk mencari seorang lagi puak dari Bani Tamimiy kerana mereka semuanya telah menyembunyikan diri. Kemudian

muncul pula seorang lelaki dari Bara:jim yang berasal dari puak Tamimiy yang tidak menyadari tentang ancaman raja ‘Amr bin Hind itu. Ketika beliau melintasi istana tersebut, beliau nampak asap sedang berkepul-kepul keluar dari kawasan istana, disangkanya ada keramaian atau pesta yang diadakan di situ pada waktu malam.

Tatkala tetamu dari Bara:jim mendekati tempat itu, raja pun bertanyakan perihal mengenai dirinya dan asal usulnya. Setelah mendengar penjelasan daripada tamu itu, alangkah gembiranya raja ‘Amr tentang kedatangan orang yang dicari-carinya itu, bagaikan “pucuk dicita ulam mendatang” seseorang yang datang dengan kemahuannya sendiri.

Raja ‘Amr menjamu makanan yang enak dan minuman kepada tamu itu, lalu memerintahkan khadamnya untuk membunuh tetamu tersebut. Setelah peristiwa ini, raja mengucapkan pepatah tersebut (al-Mayda:niyy, 1978, pp. Jld 1,38).

4.2.2.4 Peribahasa Keempat: Entri ‘بَرَحَ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:47).

Perkataan ‘الْبَارِحَةَ’ yang bermaksud ‘semalam’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “مَا أَشْبَهَ اللَّيْلَ بِالْبَارِحَةِ” yang membawa makna literal ‘alangkah serupanya malam ini dengan malam semalam’. Perkataan ‘الْبَارِحَةَ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘الْبَارِحَةَ’ iaitu dari kata dasar ‘بَرِحَ’ yang bermaksud⁴⁹ malam semalam atau malam sebelumnya adalah menunjukkan kepada masa atau waktu iaitu⁵⁰ satu malam, asal dari kata terbitan ‘semalam’. Manakala perkataan ‘أَشْبَهَ اللَّيْلَ’ pula bermaksud: ‘menyerupai malam itu’. Peribahasa ini menerangkan bahawa sesuatu kejadian yang telah berlaku semalam berulang kembali.

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi konotasi pula, perkataan ‘الْبَارِحَةَ’ bemaksud ‘semalam’ dapat difahamkan keseluruhan maknanya apabila digabungkan menjadi ayat yang sempurna iaitu “مِمَّا أَشْبَهَ اللَّيْلَ بِالْبَارِحَةَ” makna konotasinya: “sesuatu perkara atau peristiwa yang berlaku semalam adalah sama seperti perkara yang berlaku atau berulang pada masa lepas”, juga membawa maksud “perumpamaan dua benda yang sama atau seiras” (al-‘Askariyy, 1988, p. 247).

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini diucapkan adalah untuk sesuatu kejadian yang berlaku sama seperti kejadian semalam atau kejadian yang sama berulang kembali, iaitu serupa dari segi keadaan, sifat dan lain-lain lagi.

⁴⁹ . (Mahmud Ismail Si:niyy, Nasib Mustafa: Abdul Aziz & Mustafā Ahmad Sulayman, 1996, p. 29. 206)

⁵⁰ . Pusat Rujukan Persuratan Melayu.

Pengkaji berpendapat bahwa peribahasa ini merupakan larangan supaya jangan mengulangi perbuatan yang sama (kesilapan yang sama) (al-Mayda:niyy, 1978, p. Jld 1, 29).

4.2.2.5 Peribahasa Kelima: Entri ‘بَرَاقِشُ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:51).

Perkataan ‘الْبَرَاقِشُ’ yang bermaksud ‘Bara:qish’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “عَلَىٰ أَهْلِهَا تَجْنِي الْبَرَاقِشُ” yang membawa makna literal “menimpa tuannya sendiri akibat kesalahan si Bara:qish”. Perkataan ‘الْبَرَاقِشُ’ adalah bertujuan menetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘الْبَرَاقِشُ’ iaitu nama seekor anjing yang dimiliki oleh salah satu qabilah Arab yang menyebabkan kecelakaan pada kaumnya. (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 51). Ungkapan ini juga ditulis dengan ⁵¹ “عَلَىٰ أَهْلِهَا تَجْنِي بَرَاقِشُ” yang bermaksud “menimpa tuannya, akibat kesalahan si Bara:qish”.

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi konotasi pula, perkataan ‘الْبَرَاقِشُ’ dapat difahami keseluruhan maknanya apabila digabungkan menjadi ayat yang sempurna iaitu, “عَلَىٰ أَهْلِهَا تَجْنِي الْبَرَاقِشُ” makna konotasinya: “seseorang yang membalas jasa baik tuannya dengan

⁵¹ . Mu‘jam al-Matha:l al-A:rabiyyat (337:1996).

⁵¹ . Ibid: (447:61).

kesalahan yang dilakukannya”. Peribahasa ini menerangkan tentang “tindakan yang dilakukan oleh seseorang yang boleh mendatangkan bencana kepada orang lain” (Koleksi Peribahasa Arab, 1998, p. 90).

iii. Penggunaannya

Ungkapan ini dikiaskan kepada orang yang melakukan perbuatan yang boleh membahayakan nyawanya sendiri dan juga orang lain dengan cara yang salah⁵². Sebagaimana yang digambarkan dalam cerita di atas tentang nasib malang yang dibawa oleh anjing yang bernama Bara:qish telah membahayakan dirinya dan juga kaum tuannya.

Masyarakat Arab mengungkapkan ungkapan ini berdasarkan cerita yang terdapat dalam masyarakat Arab dahulu iaitu, mengenai seekor anjing yang bernama ‘Bara:qish’. Anjing tersebut dimiliki oleh salah satu qabilah Arab. Sewaktu qabilah itu diserang oleh musuh, mereka melarikan diri bersama anjing tersebut. Musuh mereka dapat mengesan gerakan mereka dengan salakan Bara:qish. Apabila tiba waktu malam, pihak musuh datang menyerang dan membunuh kesemuanya termasuklah si anjing Bara:qish tersebut.

⁵² Mu`jam al-Matha:l al-A:rabiyyat (1996).

4.2.2.6 Peribahasa Keenam: Entri ‘برم’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:52).

Perkataan ‘أَبْرَمًا’ yang bermaksud ‘kedekut’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, ‘أَبْرَمًا قَرُونًا’, yang membawa makna literal “kamu kedekut dan suka menghimpunkan dua benda”. Perkataan ‘أَبْرَمًا’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘أَبْرَمًا’ yang diambil dari kata dasar ‘برم’ bermaksud seseorang yang tidak suka bergaul dengan orang ramai disebabkan sifat kedekutnya. Perkataan ini didatangkan dengan bentuk ‘af’ala’, iaitu bermakna ‘kamu kedekut’. Manakala perkataan ‘قَرُونًا’ ‘qaru:nan’ bermaksud “seseorang yang suka menghimpunkan dua benda” (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 52).

ii. Makna Konotasi

Dari segi makna konotasi, perkataan ‘أَبْرَمًا’ ‘abarama:’ membawa maksud “seseorang yang tidak suka bergaul”. Ia menandakan sifat kedekut dan kikirnya, manakala kata ‘qaru:nua’ adalah menunjukkan sifat yang suka mengambil makanan orang lain dan menyimpannya. Makna konotasi bagi ‘أَبْرَمًا قَرُونًا’ merupakan kiasan kepada orang yang “kedekut lagi tamak”.

Pengkaji mendapati ungkapan ini mengisahkan tentang seseorang yang tidak pernah bergaul dan tidak pernah membeli walau sekeping daging kerana sifat kedekutnya. Suatu hari, orang tersebut telah datang kepada isterinya, tatkala beliau melihat isterinya

sedang makan, lalu dia mengambil dua keping daging dari isterinya lalu dia makan dan baki daging itu disimpannya. Maka isterinya mengungkapkan ungkapan ini dengan ‘أَبْرَمًا قَرُونًا’ iaitu bermaksud “kamu kedekut dan suka mengumpul makanan orang lain juga” (kedekut lagi tamak) (al-Mayda:niy, 1978, p. 147. Jld 1).

iii. Penggunaannya

Ungkapan ini dikiaskan kepada orang yang mempunyai dua tingkah laku yang buruk dan tidak disukai ramai, iaitu sifat kedekut dan berkongsi makanan orang lain serta menyimpan bakinya (Ibid, 1978, p. 147, Jld 1).

Orang Arab juga mengambil ungkapan ini berpandukan cerita masyarakat Arab, iaitu cerita mengisahkan seorang lelaki yang dikenali sebagai ‘Amr bin Ma:di Karb telah berkata kepada ‘Umar bin al-Khattab (r.a). Beliau mengadu tentang lelaki yang berada di tempat yang beliau menginap dan lelaki tersebut telah menumpanginya. ‘Amr berkata bahawa mereka sangat kedekut, lalu ‘Umar bertanya, bagaimana boleh jadi begitu, ‘Amr menjawab, “ketika saya tinggal bersama mereka, mereka tidak pernah menjamu saya walaupun sekeping keju, sebutir kurma dan sedikit mentega”. Lalu ‘Umar menjawab “mereka patut menjamu kamu”. (al-Maida:niy, 1977,p. 508).

4.2.2.7 Peribahasa Ketujuh: Entri ‘بَرِي’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:53).

Perkataan ‘بَارِي’ yang bermaksud ‘pemanah’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “أَعْطِ الْقَوْسَ بَارِيهَا” yang membawa makna literal “berikan busar itu kepada pemanahnya”. Perkataan ‘بَارِي’ bertujuan untuk mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘بَارِيهَا’ iaitu kata dasar dari kata ‘بَرِي’, telah disandarkan kepada , ‘بَارِي الْقَوْسِ’ yang membawa maksud ‘orang meraut atau memanahnya’, peribahasa ini menerangkan bahawa “kalau hendak memberi busar, hendaklah kepada pemanahnya” (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 53).

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi makna konotasi, dapat difahami bahawa perkataan ‘بَارِي الْقَوْسِ’, adalah orang ahli (pakar) dalam bidangnya, manakala kata ini dapat difahami apabila digabungkan menjadi “أَعْطِ الْقَوْسَ بَارِيهَا” makna konotasinya: “meletakkan sesuatu pada tempatnya”, iaitu meminta pertolongan daripada mereka yang berkemampuan.

Peribahasa ini juga membawa maksud, “jika kamu tidak tahu untuk menajamkan anak panah, jangan lakukan dan rosakkannya, dan berikan anak panah itu kepada perautnya, bermaksud: “jika ingin meminta pertolongan mintalah dari yang ahlinya”⁵³.

Dalam kitab ‘Asra:r al-Bala:ghah’, peribahasa ini ditulis dengan perkataan ‘أَخَذَ’ bagi menggantikan perkataan ‘أَعْطِ’. Namun begitu, dari segi makna ia mempunyai persamaan dengan perumpamaan tersebut. Contohnya:

“ أَخَذَ الْقَوْسَ بَارِيهَا ”

Maksudnya: “ Busar panah itu telah diambil oleh pemanahnya atau perautnya”.

⁵³ . Seseorang yang mempunyai pengetahuan dan pakar dalam bidang tertentu.

Perumpamaan ini ditujukan kepada seseorang yang layak menerima tugas tersebut. Dalam perumpamaan ini, makna diperoleh dari perbuatan mengambil busar tersebut oleh pemanah, bukan dari perbuatan ‘mengambil’ (أَخَذَ) itu sahaja. Jadi, sifat yang dikehendaki akan terhasil dari perbuatan ‘mengambil’ yang dilakukan oleh orang yang berhak ke atas busar tersebut (Muhammad Saiful Anuar Yusoff, 2002, p. 216).

iii. Penggunaannya

Ungkapan ini berupa nasihat dan larangan. Dalam bentuk nasihat, iaitu galakan supaya meminta bantuan atau mendapatkan sesuatu nasihat atau sebagainya, kita sepatutnya meminta daripada orang yang layak dan mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut (Si:niyy et.all, 1996, p. 32).

Manakala bentuk larangan, iaitu “jangan sesekali melakukan sesuatu perkara yang kita jahil tentangnya kerana ditakuti kita boleh merosakkannya”. Oleh yang demikian, jika kita ingin melakukan sesuatu perkara, kita perlu mendapatkan nasihat dari yang pakar dalam bidang tersebut.

4.2.2.8 Peribahasa Kelapan: Entri ‘بَسَّ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:56).

Perkataan ‘الإِبْسَاسُ’ yang bermaksud ‘mengambil hati’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “الإِيْنَاسُ قَبْلَ الإِبْسَاسِ” yang membawa makna literal “mengambil hatinya dahulu sebelum memerah susu unta”. Perkataan ‘الإِبْسَاسُ’ adalah bertujuan menentang makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘الإيَّسَّاسُ’ terbentuk dari kata dasar ‘بَسَّ’, yang bermaksud “berlemah lembut dengan unta ketika memerah susu”. Menurut kamus al-Ma`a:ni, perkataan ini adalah dari kata ⁵⁴ "بَسَّ بِالسَّائِةِ أَوْ الشَّاةِ : دَعَاها لِلْحَلِيبِ بِعَوْلِهِ : بَسَّ بِسِّنِّ" bermaksud: kata ‘bis bis’ iaitu bahasa memujuk yang digunakan oleh orang Arab untuk memerah susu unta atau kambing. Manakala perkataan ‘الإيَّسَّاسُ’ pula bermaksud menemani seseorang dan tidak membiarkannya keseorangan.

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi makna konotasi, ‘الإيَّسَّاسُ’ ‘berlemah lembut’ dapat difahamkan keseluruhan maknanya apabila digabung menjadi ayat yang sempurna iaitu, “الإيَّسَّاسُ قَبْلَ” “الإيَّسَّاسُ” maksud konotasinya: “mengambil hati seseorang untuk mendapatkan sesuatu dengan kata yang memujuk, samada memujuk dengan perkataan, wang dan sebagainya”.

iii. Penggunaannya

Pepatah ini adalah sesuatu anjuran agar kita berbuat baik dahulu pada orang yang hendak kita hajatkan pemberian atau pertolongan darinya (al-Mayda:niy, 1977,p. 95. Jld 1).

⁵⁴http://www.almaany.com/home.php?language=arabic&lang_name=%D8%B9%D8%B1%D8%A8%D9%8A&word=%D8%A8%D8%B3%D8%A8%D8%B3n

Peribahasa ini diungkapkan untuk menggambarkan keadaan orang Arab yang menggunakan kata lembut seperti ‘bis bis’, kerana dipengaruhi oleh budaya mereka yang memiliki tradisi memerah susu unta dengan mengucapkan, ‘bis bis’ sebagai tanda memujuk dan kasih kepadanya supaya unta itu diam semasa diperah susunya⁵⁵.

4.2.2.9 Peribahasa Kesembilan: Entri ‘البَسُوسُ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:56).

Perkataan ‘البَسُوسُ’ yang bermaksud ‘Basu:s’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “أَشْأَمُ مِنَ الْبَسُوسِ” yang membawa makna literal “lebih celaka daripada Basu:s”. Perkataan ‘البَسُوسُ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘البَسُوسُ’ dari kata dasar entri ‘بَسٌ’, iaitu nama seorang pemudi Arab (Basu:s binti Manqaz al-Tami:miyyat, anak saudara Jassa:s bin Murraq bin Zuhl as-Shayba:ni:, iaitu orang yang telah membunuh Kulayb. Perkataan ‘أَشْأَمُ’ ‘asha:m’ bermaksud lebih celaka. Perkataan ‘lebih celaka’ ini disandarkan kepada Basu:s, iaitu orang yang menyebabkan tercetusnya peperangan yang panjang antara suku Bakr dan suku Tughlab. (Ibid, 56:1986).

⁵⁵.Muhd Abdai Rathomy,40:1963.

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi makna konotasi pula, perkataan ‘البسوس’ dapat difahami keseluruhan maknanya apabila menjadi ayat yang sempurna iaitu, “أَشَاءُ مِنَ الْبَسُوسِ” makna konotasinya: “perbuatan seseorang boleh menyebabkan kebinasaan ke atas orang lain” (al-Mayda:niyy, 1978, p. 473. Jld. 2).

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini menggambarkan tentang nasib sial atau malang yang dibawa oleh seseorang dan juga tindakan seseorang yang menyebabkan berlakunya sesuatu bencana.

Orang Arab mengambil kisah ‘Basu:s’, mengisahkan tentang seorang pemuda yang dikenali sebagai Basu:s iaitu seorang gadis puteri Munqiz dari suku Tami:miy iaitu pengasuh kepada Jasas bin Murrah dari suku Bakry. Pada masa Basu:s sedang mengembala unta jirannya di satu ladang yang menjadi milik Kulayb bin Wa`il dari suku Taghlaby. Tiba-tiba Kulayb memanah Basu:s, malangnya panahan tersebut tidak terkena. Melihat keadaan itu, Basu:s meminta bantuan Jasas yang akhirnya menyebabkan Kulayb mati ditangan Jasas.

Berita kematian Kulayb telah diketahui oleh oleh saudaranya, Muḥalḥil yang merupakan ketua dari suku Taghlaby. Berita tersebut telah menyebabkan kemarahannya dan beliau ingin menuntut bela atas kematian saudaranya itu. Beliau meminta hukuman bunuh ke atas Jasas kerana “hutang darah dibayar darah”.

Tetapi kedua-dua belah pihak tidak mahu mengalah, akhirnya tercetuslah perang saudara antara suku Bakry dan Taghlaby selama empat puluh tahun dan menang kalah silih berganti antara dua belah pihak tersebut (al-Mayda:niyy, 1978, p. 473. Jld. 2).

4.2.2.10 Peribahasa Kesepuluh: Entri ‘بشر’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 2:58).

Perkataan ‘البشرة’ yang bermaksud ‘kulit luar’ didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, ‘إِنَّمَا يُعَاتَبُ الْأَدِيمُ ذُو الْبَشَرَةِ’ yang membawa makna literal ‘sesungguhnya kulit luar menyamak kulit dalam’. Perkataan ‘البشرة’ adalah bertujuan menetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘بشرة’ bermaksud ‘ظاهر الجلد’ (kulit luar), membawa maksud kulit mentah (kulit lapisan yang berada di bahagian luar yang terdapat pada manusia).

Manakala perkataan ‘الأديم’ bermaksud kulit yang berada pada lapisan dalam.

Manakala perkataan ‘يعاتب’ bermaksud ‘penyamakan’. Penyamakan disini bermaksud “proses penukaran kulit baru”. Peribahasa ini bermaksud, “permukaan kulit luar yang rosak boleh disamakan semula”, kerana kulit luar sahaja boleh disamak, jika kulit dalam yang mengalami kerosakan, maka tidak boleh disamak lagi (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ, 1972, p. 58).

ii. Makna Konotasi

Manakala dari segi makna konotasi, ‘بشرة’ bermaksud kulit luar digabungkan dengan kata ‘الأديم’ yang menerangkan maksud sebaliknya, ‘إِنَّمَا يُعَاتَبُ الْأَدِيمُ ذُو الْبَشَرَةِ’

bermaksud “إِنَّمَا يُعَانَبُ مَنْ فِيهِ رَجَاءٌ وَمُسْتَعْتَبٌ” makna konotasinya: “memberi galakan kebiasaannya kepada sesiapa yang berharap untuk berubah”.

Maksud ‘kulit dalam’ adalah gambaran kepada ‘kulit luar’ yang menunjukkan gambaran kepada sifat seseorang , iaitu sifat yang baik dan boleh menerima teguran serta tidak menunjukkan sifat marah , senang ditegur dan sebagainya. Selain itu, seseorang itu juga mempunyai sifat bertolak ansur dan dapat menerima teguran dengan berlapang dada. Ungkapan ini adalah menunjukkan unsur metafora iaitu membandingkan antara sifat kulit dengan kelakuan manusia.

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini merupakan nasihat atau teguran kepada seseorang. Hanya orang yang mempunyai sikap toleransi dapat menerima teguran dan pendapat orang lain dengan berlapang dada dan tidak mendatangkan kemarahan serta dapat mengubah sikap yang baik . Ia juga ditujukan kepada orang yang mengulangi sesuatu dan berpenat lelah (berusaha) untuk mendapatkan sesuatu (al-Mayda:niyy, 1978, p. 74).

4.2.2.11 Peribahasa Kesebelas: Entri ‘بضع’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:60).

Perkataan ‘مُسْتَبْضِعٌ’ yang bermaksud ‘barang’, didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “كُمُسْتَبْضِعِ التَّمْرَ إِلَى هَجَرَ” yang membawa makna literal “seperti menjual kurma di Hajar”. Perkataan ‘مُسْتَبْضِعٌ’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Dari segi makna denotasi, perkataan ‘مُسْتَبْضِعٌ’ didatangkan dari perkataan asal ‘بِضْعٌ’, ‘اسْتَبْضِعَ’ iaitu “barang”. Manakala perkataan ‘جَعَلَهُ بِضَاعَةً’, bermaksud ‘barang dagangan’.

i. Makna Konotasi

Kata entri bagi perkataan ‘مُسْتَبْضِعٌ’ dapat difahami keseluruhan maknanya apabila digabungkan dengan huruf ‘kaf’ dan keseluruhan perkataan iaitu, “كَمُسْتَبْضِعِ التَّمْرِ إِلَى هَجَرَ” makna konotasinya: “seseorang yang melakukan kerja yang tidak mendatangkan keuntungan padanya (tidak berfaedah)”.

Makna ini terjadi kerana disandarkan kepada kata ‘التَّمْرُ’ ‘tamar’ yang dibawa ke suatu tempat bernama ‘Hajar’ yang merupakan bandar yang terkenal dengan pengeluaran kurma (Si:niyy et.al, 1996).

iii. Penggunaannya

Pepatah ini bermaksud meletakkan sesuatu perkara bukan pada tempatnya. Ia juga dikiaskan pada seseorang yang mengerjakan sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat ataupun faedah untuk dirinya sendiri dan juga untuk orang lain. Pepatah ini juga boleh dikiaskan kepada seseorang yang mempamerkan apa yang dimilikinya itu buruk atau tidak menarik dengan sesuatu yang cantik dan baik yang dimiliki oleh orang lain (al-Mayda:niyy, 1978, p. 182. Jld. 2).

Di sini pengkaji menyelitikan beberapa contoh peribahasa Arab lain yang membawa maksud yang sama dengan peribahasa tersebut:

“يَحْمِلُ التَّمْرَ إِلَى الْبَصْرَةِ”

Maksudnya: “membawa kurma ke Baṣrah”,

Kata an-Na:biḥah al-Ju`diy dalam qasidahya iaitu,

“كَمْ سَبَّحْتَ تَمْرًا إِلَى أَرْضِ خَيْبَرَ”

Maksudnya: “seperti menjual tamar ke Khaibar”. (Ibid, 1978, p. 182:).

Baṣrah dan Khaibar adalah dua buah negeri yang terletak di daerah Iraq yang terkenal sebagai pusat kurma yang berkualiti tinggi. Jika membawa atau menjual kurma ke sana tidak akan mendatangkan keuntungan langsung.

4.2.2.12 Peribahasa Kedua Belas: Entri ‘بَعَثَ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:64).

Perkataan ‘الْبَعَاثُ’ yang bermaksud ‘burung hering’, didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, ‘إِنَّ الْبَعَاثَ بِأَرْضِنَا يَسْتَنْسِرُ’, yang membawa makna literal “di bumi kita ini ada juga burung-burung baghath yang berlagak menjadi helang”. Perkataan ‘الْبَعَاثُ’ dalam peribahasa ini bertujuan untuk mengengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan 'البَعَاثُ' adalah dari kata dasar 'بَعَثَ' bermaksud 'burung lemah untuk terbang', iaitu sebangsa burung yang lebih kecil daripada 'الرَّخْمِ'⁵⁶ menyerupai helang tetapi tidak mempunyai kebolehan untuk terbang sepertinya. Manakala perkataan 'يَسْتَنْسِرُ' bermakna "صَارَ كَالنَّسْرِ"⁵⁷ menjadi burung helang'.

ii. Makna Konotasi

Kata entri bagi perkataan 'البَعَاثُ' dapat difahami keseluruhan maknanya apabila digabungkan dengan, "إِنَّ البَعَاثَ بِأَرْضِنَا يَسْتَنْسِرُ", makna konotasinya: "keinginan yang terdapat pada seseorang yang ingin menjadi kaya dan berpangkat". Ianya merupakan perbandingan yang kecil dengan seorang yang lemah, miskin manakala burung helang merupakan seorang yang kaya dan berpangkat manakala maksud yang kedua, iaitu "apabila seseorang yang lemah berada di kalangan kita, jika mendapat kemuliaan ia akan menjadi kuat".

iii. Penggunaannya

Peribahasa ini dikiasikan kepada seorang yang lemah, bila berada dalam kalangan kami ia menjadi mulia, gagah dan tidak terpengaruh dengan dari sifat yang keji (Şi:niyy, 1996, p. 121).

⁵⁶ . 'الرَّخْمِ' nama sebangsa burung

⁵⁷ . <http://www.baheth.info/all.jsp?term=يَسْتَنْسِرُ>

4.2.2.13 Peribahasa Ketiga Belas: Entri ‘بكر’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:67).

Perkataan ‘بكرة’ yang bermaksud ‘unta betina muda, didatangkan dalam peribahasa yang berbunyi, “جاءوا على بكرة أبيهم” yang membawa makna literal “mereka datang dengan jemaah ayahnya”. Perkataan ‘بكرة’ adalah bertujuan mengetengahkan makna konotasi dalam peribahasa tersebut.

i. Makna Denotasi

Kata entri bagi perkataan ‘بكرة’ adalah dari kata dasar ‘بكر’ bermaksud ‘unta betina muda’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t, 1972, p. 60). Manakala menurut al-‘A`rabiyy dalam (al-Mayda:niyy, 1978, p. 232. Jld.2), perkataan ‘بكرة’ bermaksud ‘sekumpulan orang’. Perkataan ‘جاءوا’ membawa maksud ‘mereka semua datang’ dan ‘أبيهم’ bermaksud ‘ayah mereka’. Apabila digabungkan semua perkataan tersebut akan menjadi, “جاءوا على بكرة أبيهم” dan membawa maksud “mereka telah datang kesemuanya dengan unta muda kepunyaan ayah mereka” (al-Mayda:niyy, 1978, p. 232. Jld. 2).

ii. Makna Konotasi

Manakala makna yang tersirat di sini bermaksud ‘بكرة’ daripada perkataan ‘بكر’ setelah dita`niskan. Perkataan tersebut menunjukkan unta betina dan dapat difahami keseluruhan maknanya apabila digabungkan menjadi ayat yang sempurna iaitu, “جاءوا على بكرة أبيهم” makna konotasinya: “mereka telah datang kesemuanya”, tidak tertinggal walau seorang pun.

ii. Penggunaannya

Ungkapan ini dikisahkan kepada mereka yang datang kesemuanya dengan tidak meninggalkan seorang pun di desanya, misalnya berduyun-duyun untuk melihat keramaian dan lain-lain⁵⁸.

Menurut masyarakat Arab, peribahasa ini mengisahkan seorang lelaki mempunyai anak yang ramai iaitu sebanyak sepuluh orang. Suatu hari kesemua anaknya ingin memburu dan membawa bersama mereka seekor anak unta betina yang masih dara (muda). Kemudian mereka membuat kesilapan dengan memasuki sempadan kawasan musuh.

Musuh tersebut telah membunuh kesemua anaknya, lalu memenggal kepala mereka dan meletakkan di dalam guni, lalu guni tersebut diletakkan di atas unta betina muda tadi dan dihantar pulang kepada ayah mereka.

Apabila lelaki tersebut melihat kepala anak-anaknya, dia jatuh pengsan. Dengan peristiwa ini, masyarakat merungkaikan peribahasa yang berbunyi, mereka datang bersama unta betina muda iaitu mereka datang kesemuanya.

Ada juga mengatakan bahawa mereka datang kesemuanya dengan tidak meninggalkan seorang pun di desanya, contohnya, berduyun-duyun untuk melihat keramaian atau sebagainya. Peribahasa yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa tersebut iaitu:

⁵⁸. (Rathomy, 1982, p. 135).

“جَاءُوا قَصًّا وَقَصِيضًا”

Maksudnya, “mereka datang sedikit demi sedikit terdiri daripada yang besar dan kecil’.

Bermaksud: “mereka datang keseluruhannya” (Rathomy, 1982).

4.3 Persamaan Antara Peribahasa Arab Dan Melayu

Dalam analisis ini, pengkaji telah membuat kajian tentang persamaan yang terdapat dalam peribahasa Arab dan Melayu. Dari keseluruhan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan peribahasa Arab yang terdapat dalam kata masukan huruf hamzah dan masukan huruf ba: ` mempunyai persamaan dengan peribahasa Melayu dari segi makna konotasinya. Hai ini kerana perbezaan antara dua budaya, persekitaran merupakan faktor utama yang mempengaruhi kedudukan susunan peribahasa tersebut.

Manakala peribahasa- peribahasa Arab yang terdapat dalam dua bab ini, kebanyakannya mempunyai perbezaan dari segi lafaz sahaja. Kemungkinan idea dan cara penyampaian ayat terikat dengan kedua-dua budaya mereka sendiri.

Di sini pengkaji mendatangkan contoh peribahasa Arab dan Melayu dari kata masukan huruf hamzah dan ba: ` , yang diambil dari kitab al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ.

4.3.1 Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Hamzah

Di sini pengkaji membawa padanan peribahasa Arab dan Melayu yang sama dari konteks makna, serta menyatakan perbezaan antara dua budaya berbeza mempengaruhi setiap ungkapan yang diungkapkan dalam kedua-dua bahasa tersebut. Pengkaji membawa contoh peribahasa Melayu yang mempunyai persamaan dengan peribahasa Arab, iaitu kata entri yang bermula dengan huruf alif, antaranya:

4.3.1.1 Peribahasa Pertama: Entri ‘أَبْدٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:2).

‘طَالَ الْأَبْدُ عَلَى لُبَادٍ’

Peribahasa ini membawa maksud, “ seseorang yang berusia panjang”

Makna literalnya: ‘panjangnya masa sepanjang usia Lubad’,

‘Lubad’ adalah merupakan sejenis burung yang mempunyai jangka hayat yang lama, yang dipelihara oleh Luqman bi `A:d. Dari sini peribahasa ini menggambarkan tentang usia seseorang yang hidup lama seperti burung peliharaannya. Peribahasa Melayu pula berbunyi, iaitu “tiada telap oleh asai⁵⁹” ditujukan kepada orang yang usia lanjut tetapi masih sihat dan kuat (Abdullah Hussain, 2006, p. 221).

Peribahasa ini diciptakan pada masa dahulu untuk memberi gambaran kepada kita tentang keunikan masyarakat Arab pada masa itu. Ia juga dapat menjana idea untuk menghasilkan peribahasa yang menarik bertemakan haiwan (burung). Begitu juga ungkapan yang terdapat dalam masyarakat Melayu yang menggunakan haiwan (ulat) sebagai gambaran yang melambangkan usia.

⁵⁹. ‘asai’ sejenis binatang kecil yang memakan kayu(bubuk).

Walaupun kedua-dua peribahasa tersebut berlainan lafaz tetapi ia mempunyai makna dan motif yang sama, masyarakat Arab mengambil kata 'Lubad' untuk menggambarkan usia lama manakala masyarakat Melayu mengambil kata 'asai'. Hal ini adalah kerana pengamatan antara kedua-dua budaya terhadap binatang yang berada di tempat tersebut pada masa itu yang telah mempengaruhi sehingga tercetusnya ungkapan tersebut.

Oleh itu, kita dapati bahawa ungkapan ini dicipta mengikut realiti masyarakat Arab itu sendiri. Terdapat juga peribahasa yang diungkapkan membawa erti makna yang sama,

"كَمْ رَأَيْنَا مِنْ أَنْاسٍ قَبْلَنَا شَرِبَ الدَّهْرَ عَلَيْهِمْ وَأَكَل"

Maksudnya: “ kami telah melihat mereka sebelum kami yang panjang usianya”.

(Majma‘ al-Mathal, 29. Jld 1:1977).

4.3.1.2 Peribahasa Kedua: Entri ‘إِبَالَةٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:3).

“ضِعْتُ عَلَى إِبَالَةٍ”

Peribahasa ini membawa maksud, “seseorang sentiasa ditimpa masalah”, manakala makna literalnya bermaksud, “selonggok rumput di atas kayu api”,

Kayu api adalah merupakan kegunaan orang Arab pada masa itu untuk memasak makanan atau memanaskan badan pada waktu malam, tetapi apabila ia ditimbuni oleh rumput yang basah menyebabkan kesukaran untuk menyala, maka timbunan rumput-rumput tersebut menjadi masalah baginya. Oleh itu sesuai jika peribahasa yang diungkapkan menggambarkan seseorang yang dibebani oleh satu masalah yang menyimpannya.

Manakala peribahasa dalam masyarakat Melayu menggambarkan seseorang yang sering ditimpa masalah dengan lafaz yang berlainan iaitu, “sudah jatuh ditimpa tangga” bermaksud sentiasa ditimpa masalah (Ainon Muhammad & Abdullah Hassan, 2008, p. 217).

Walaupun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam ungkapan tersebut, tetapi kedua-duanya mempunyai persamaan dari segi maksud iaitu, ‘musibah yang ditimpa oleh seseorang’. Orang Arab mengambil ungkapan longgokan kayu api sebagai masalah kerana suasana kediaman yang mempengaruhi budaya mereka, manakala tangga pula menjadi inspirasi kepada terungkapnya peribahasa ini kerana persekitaran budaya Melayu pada masa itu.

4.3.1.3 Peribahasa Ketiga: Entri ‘أَبَى’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:4).

"رَضِيَ الْخِصْمَانِ وَأَبَى الْقَاضِي"

Peribahasa ini membawa maksud, “orang suka mencampuri urusan orang lain”, manakala makna literalnya bermaksud, “dua orang yang bermusuhan berbaik-baik dan hakim telah menolak”,

Peribahasa ini menunjukkan hakim yang tidak suka mendamaikan orang yang berdamai digambarkan keadaan orang yang ingin mencampuri urusan orang lain. Manakala dalam masyarakat Melayu, keadaan orang yang suka mencampuri urusan orang lain didatangkan dalam bentuk ungkapan yang berbeza iaitu, “buka mata, pasang telinga, tutup mulut, simpan di hati”, iaitu menunjukkan sesuatu perkara yang tidak ada sangkut

paut dengan kita, boleh juga didengar tetapi jangan dicampuri mulut (Abdullah Hussain 2006, p. 52).

Pengkaji berpendapat, meskipun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam kedua-dua peribahasa tersebut, namun kedua-keduanya mengandungi persamaan dari segi maksud, iaitu suka mencampuri urusan orang lain. Budaya Arab merungkaikan ungkapan ini berpandukan suasana budaya mereka pada masa itu yang selalu timbul pertelingakan dalam kalangan suku kaumnya.

Manakala masyarakat Melayu pula mengambil ungkapan berdasarkan keadaan tabiat seseorang yang suka membawa mulut dan “suka menjaga tepi kain orang” yang terdapat dalam masyarakat Melayu.

4.3.1.4 Peribahasa Keempat: Entri ‘أَتَى’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 1:5).

“مِنْ مَأْمَنَةٍ يُؤْتَى الْحَدِيرَ”

Peribahasa ini membawa maksud, “kita mesti berjaga-jaga walaupun berada di tempat yang selamat”, manakala makna literalnya bermaksud, “daripada tempat aman didatangi sifat waspada”.

Peribahasa ini menunjukkan bahawa tempat aman tidak semestinya sentiasa aman, namun perlu berjaga-jaga kerana musuh sentiasa mencari peluang untuk membuat kerosakan bila rakyatnya leka dengan keamanan yang dikecapi.

Mengikuti andaian pengkaji, peribahasa ini mempunyai persamaan dengan peribahasa Melayu iaitu: “Geruh tak berbunyi, malang tak berbau”⁶⁰, bermaksud, sikap berhati-hati untuk menghadapi sesuatu musibah yang mungkin akan berlaku di kemudian hari. Hal ini kerana sesuatu bencana yang akan menimpa, samada kemalangan atau kesusahan, tidak dapat dijangka kedatangannya seperti “beroleh lumpur di tempat yang kering”⁶¹.

Meskipun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam kedua peribahasa tersebut, tetapi keduanya mempunyai persamaan dari segi maksud, iaitu “berhati-hati atau berwaspada walaupun berada di tempat yang aman, ancaman yang datang adakalanya tidak dijangka”.

Pengkaji mendapati bahawa masyarakat Arab mencipta peribahasa mengikut peristiwa yang terjadi dalam kalangan mereka, sebagaimana peribahasa ini direka dan mempunyai kaitan dengan cerita nabi Musa yang menjadi ancaman kepada Fir`aun walaupun beliau aman dalam jagaannya. (rujuk entri 4.2.1.4).

Manakala masyarakat Melayu mencipta ungkapan ini berdasarkan keadaan geografi di negara mereka yang sentiasa ditimpa hujan dan keadaan struktur tanahnya yang berlumpur telah mendatangkan idea kepada mereka untuk mengungkapkan peribahasa tersebut.

⁶⁰ . Abdullah Hussain, 2006, p. 76

⁶¹ . Ibid, 2006. P. 42

4.3.1.5 Peribahasa Kelima: Entri ‘أثر’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 1:5).

"لَا تَطْلُبْ أَثْرًا بَعْدَ عَيْنٍ"

Peribahasa ini membawa maksud, “tidak menanggungkan sesuatu urusan”, manakala makna literalnya bermaksud, “tidak aku meminta kesan setelah nampak bekasnya”.

Peribahasa ini menerangkan apabila nampak ‘kesan’ sesuatu urusan atau seseorang, hendaklah kita segera menunaikannya atau mendapatkannya dan jangan membiarkan peluang yang ada terlepas begitu sahaja.

Manakala dalam masyarakat Melayu ungkapan yang diungkapkan mengenai orang yang suka menanggungkan sesuatu perkara setelah luput masanya, berbunyi: “jangan sampai sejuk gulai di tungku” iaitu menanti peluang hilang baru hendak dicari, (Shamsuddin Ahmad, 2007, p. 75).

Walaupun terdapat perbezaan dari segi lafaz dan kata-kata pada kedua-dua peribahasa tersebut tetapi ia mempunyai persamaan dari segi makna dan mesej yang ingin disampaikan, ini kerana ungkapan Arab ini diungkapkan mengikut cerita yang berlaku dalam masyarakat Arab tersebut, iaitu cerita yang mengisahkan bayaran ‘diya:t’ yang dikenakan oleh seseorang jika berlaku suatu pembunuhan (rujuk entri 4.2.1.5)

Namun begitu, ia berbeza dengan ungkapan yang diungkapkan dalam budaya masyarakat Melayu yang mempamerkan suasana kampung yang masih lagi menggunakan dapur kayu pada masa itu untuk memasak makanan.

4.3.1.6 Peribahasa Keenam: Entri ‘أَرْنُ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:15).

“سَمِينٌ فَأَرْنُ”

Peribahasa ini membawa maksud, “kemewahan yang melalaikan”, manakala makna literalnya bermaksud, “menggembukkannya dan dia cergas”. Peribahasa ini menggambarkan keadaan ‘gemuk’ dengan kemewahan. Apabila seseorang itu diberi kemewahan, ia akan menyebabkan kelalaian dan sifat malas.

Manakala dalam masyarakat Melayu, keadaan orang yang lalai dengan kemewahan hidup sehingga melampaui batas, diungkapkan dengan ungkapan yang berbeza iaitu, ‘bagai kacang lupakan kulit’, juga ‘ulat lupakan daun’, bermaksud, “orang lalai dengan kemewahan yang diberi dan lupa kepada jasa orang memberi kemewahan kepadanya” (Alias bin Haji Muda 2010, p. 41).

Di sini persamaan antara kedua-dua peribahasa tersebut adalah dari segi makna dan mesej yang ingin disampaikan sahaja. Lafaz dan kata berbeza kerana orang Arab menggambarkan kemewahan hidup yang melalaikan dengan perkataan gemuk dan selesa manakala dari kaca mata masyarakat Melayu, kemewahan dan kelalaian digambarkan dengan gambaran yang berlainan.

4.3.1.7 Peribahasa Ketujuh: Entri ‘أَزْرَ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:16).

‘إِنْ كُنْتُ بِي تَشُدُّ أَرْزَكَ فَأَرْحِهِ’

Peribahasa ini membawa maksud, “galakan berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain”, manakala makna literalnya bermaksud, “jika kamu bersamaku mendapat kekuatan, maka tinggalkanlah”.

Peribahasa ini menggambarkan keadaan ‘kekuatan’ dengan sifat berdikari. Apabila seseorang yang boleh berdikari, beliau tidak akan memerlukan bantuan orang lain lagi. Manakala dalam masyarakat Melayu, keadaan orang yang berdikari, diungkapkan dengan ungkapan yang berbeza iaitu, ‘ikhtiar menjalani, untung menyudah’ bermaksud, untuk mencapai sesuatu maksud, mestilah berusaha, berhasil atau tidak berserah pada nasib. Ungkapan ini juga bermaksud, jikalau kamu bergantung pada kemahuannya, kamu akan dihormatinya (Kamus Ilmi, 1996, p. 176).

Pengkaji berpendapat, meskipun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam kedua-dua peribahasa tersebut, namun kedua-duanya mengandungi persamaan dari segi maksud, iaitu menceritakan sifat berdikari. Budaya Arab menggambarkan ungkapan ini sebagai ukhuwah yang terdapat pada bangsa mereka. Manakala masyarakat Melayu pula menggunakan perkataan ‘ikhtiar’, merupakan kata-kata nasihat yang mencerminkan budaya masyarakat Melayu.

4.3.1.8 Peribahasa Kelapan: Entri ‘أَسَى’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:17).

‘إِنَّ أَخَاكَ مَنْ آسَاكَ’

Peribahasa ini membawa maksud, “sahabat sejati yang sanggup berkorban demi kawan”, manakala makna literalnya bermaksud, “saudaramu adalah orang yang mempertaruhkan dirinya untukmu”.

Peribahasa ini menggambarkan tentang ‘sahabat’ yang sanggup menghadapi kesusahan demi mempertahankan saudaranya. Kawan yang seperti inilah yang dipanggil sahabat sejati yang mana beliau sentiasa bersama walaupun dalam kesusahan.

Manakala dalam masyarakat Melayu, keadaan orang yang ikhlas berkawan digambarkan dengan ungkapan tersebut, “hendak tahu baik, tanyalah kawan, hendak tahu jahat tanyalah lawan”. Maksudnya, kebaikan seseorang dapat diketahui daripada kawannya, sementara keburukannya pula dapat diselidiki daripada musuhnya (Kamus Ilmi, 1996, p. 182).

Walaupun terdapat sedikit perbezaan daripada susunan lafaz, namun ia mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya bertemakan kepada ‘kawan’ bagi menilai keikhlasan dalam berkawan.

4.3.1.9 Peribahasa Kesembilan: Entri ‘أَكَلٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasi‘; 1:22).

‘أَكَلٌ مِنَ السُّوسِ’

Peribahasa ini membawa maksud, “orang yang berusia panjang”, manakala makna literalnya bermaksud, “lebih makan daripada ulat”.

Peribahasa ini menggambarkan keadaan ‘ulat’ yang kuat makan adalah gambaran orang yang boros dalam perbelanjaan. Manakala dalam masyarakat Melayu, didatangkan ungkapan yang berbeza untuk menggambarkan orang kuat makan dan tidak kenyang-kenyang, iaitu “bagai lukah⁶² tidak penuh air” (Ainon binti Mohd & Abdullah bin Hassan, 2005, p. 44).

Walaupun terdapat perbezaan daripada susunan lafaz, namun ia mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya menunjukkan ‘sikap boros’. Pengkaji berpendapat, orang Arab menggambarkan sifat ‘ulat’ berdasarkan pemerhatian pada sifat binatang tersebut yang terdapat di bumi Arab. Manakala orang Melayu pula menggunakan kata ‘lukah’ kerana ia menjadi alat yang penting sebagai sumber rezeki bagi masyarakat Melayu pada masa itu.

⁶² . lukah bermaksud bubu yang panjang, iaitu sejenis alat untuk menangkap ikan,

4.3.1.10 Peribahasa Kesepuluh: Entri ‘أَكَلَ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:22).

‘أَكَلَ عَلَيْهِ الدَّهْرُ وَشَرِبَ’

Peribahasa ini membawa maksud, “seseorang yang hidup lama ataupun benda-benda yang lama”, manakala makna literalnya bermaksud, “telah dimakan dan diminum oleh masa”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘makan’ dan ‘minum’ serta mengaitkan dengan masa. ‘Masa’ di sini membawa maksud ‘usia panjang’ dan juga membawa erti ‘benda-benda lama’. Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal orang yang sudah ‘terlalu tua’ atau ‘hidup lama’ dan tidak mendapat perhatian dari keluarga, diungkapkan dengan ungkapan, “ibarat rantau jauh tidak terulang, rantai dekat tidak terkedanai” (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006, p. 240).

Walaupun kedua-dua peribahasa ini seakan-akan mempunyai perbezaan pada lafaz dan kata tetapi ia mempunyai persamaan dari segi makna dan mesej yang ingin disampaikan, kerana kedua-dua budaya tersebut mengambil istilah yang digunakan berpandukan kedua-dua sosio budaya yang berlainan.

4.3.1.11 Peribahasa Kesebelas: Entri ‘أَنْفَ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:30).

‘التَّجْرِبُ عِلْمٌ مُسْتَأْنَفٌ’

Peribahasa ini membawa maksud, “tekun dan usaha dapat membuahkan hasil”, manakala makna literalnya bermaksud, “eksperimen merupakan ilmu yang berterusan”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘ilmu yang berterusan’ merupakan ilmu yang diperoleh dari pengalaman yang baru setelah usaha dibuat terhadap kajian demi kajian yang dilakukan. Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal sesuatu pengalaman dan eksperimen diungkapkan dengan ungkapan, “lancar kaji kerana diulang, pasar jalan kerana dituruti”. Maksudnya, kemahiran atau kepandaian yang diperolehi kerana berlatih (Abdullah Hussain, 2006, p. 52).

Mesej yang ingin disampaikan dalam peribahasa tersebut adalah mengenai kajian atau percubaan untuk mengetahui atau mendedahkan sesuatu fakta yang kabur bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dengan usaha yang berterusan dan pengalaman (Ibid, p. 52).

Di sini, persamaan antara kedua-dua peribahasa tersebut adalah sama dari segi makna dan mesej yang ingin disampaikan iaitu kedua-duanya menggunakan kata ‘kajian’ sebagai sumber untuk merungkaikan peribahasa.

4.3.1.12 Peribahasa Kedua Belas: Entri ‘أَنْفٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 1:30).

“أَنْفُكَ مِنْكَ وَإِنْ كَانَ أَجْدَعٌ”

Peribahasa ini membawa maksud, “berbangga dengan asal usul”, manakala makna literalnya bermaksud, “hidungmu adalah kepunyaanmu sekalipun ia rompong”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘hidung’ kerana bentuk hidung biasanya melambangkan keturunan seseorang. Makna yang tersirat dalam peribahasa ini ialah,

seseorang itu mesti mengakui dan bangga dengan keturunan dan asal usulnya dan jangan lupa diri, walaupun keturunannya tidak memiliki apa-apa kebanggaan pun.

Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal asal keturunan seseorang diungkapkan dengan ungkapan, “putus kelikir, rompong hidung” yang membawa maksud “perselisihan yang tak dapat diselamatkan”. Selain itu juga, ungkapan “potong hidung, rosak muka” yang bermaksud buat jahat pada keluarga sendiri (Abdullah Hussain, 2006, p. 169).

Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua peribahasa tersebut mempunyai persamaan dari segi kata dan maknanya, kerana kedua-dua budaya ini menceritakan tentang keturunan dengan menggunakan objek ‘hidung’ sebagai lambang untuk menyatakan tentang asal dan keturunan serta sikap yang buruk pada golongan sendiri. Persamaan ini kemungkinan berlaku secara kebetulan yang mana penggunaan objek ‘hidung’ merupakan identiti individu yang dapat dikenali melalui raut muka.

4.3.1.13 Peribahasa Ketiga Belas: Entri ‘آء’ (al-Mu‘jam al-Wasi:٤; 1:34).

’الكَيْدُ أَبْلَغُ مِنَ الْأَيْدِ‘

Peribahasa ini membawa maksud, “tipu daya lebih berbahaya daripada senjata”, manakala makna literalnya bermaksud, “muslihat lebih kuat daripada senjata”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘senjata’ serta mengaitkan dengan ‘muslihat’. Ini adalah kedua-duanya memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi seseorang dan untuk mencapai kekayaan dan kekuasaan.

Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal ‘muslihat’ diungkapkan dengan ungkapan, “sebesar-besar gajah di rimba, dapat juga ke tangan manusia”. Maksudnya, ‘muslihat’ dapat mengalahkan kekuatan, kekayaan atau kemuliaan⁶³.

Meskipun terdapat lafaz dan kata-kata dalam kedua-dua peribahasa tersebut, namun keduanya mengandungi persamaan dari sudut maksud, iaitu “tipu daya atau muslihat lebih kuat daripada senjata”. Orang Arab menggunakan kata ‘kekuatan’ kerana terpengaruh dengan budaya mereka yang memiliki tradisi berperang manakala peribahasa Melayu menggunakan perkataan ‘gajah’, kerana binatang tersebut merupakan salah satu alat pengangkutan yang digunakan masyarakat Melayu pada masa dahulu.

4.3.2 Peribahasa Yang Bermula Dengan Huruf Ba`

Di sini pengkaji membawa padanan peribahasa Arab dan Melayu serta menggambarkan keadaan dua budaya yang berbeza boleh mempengaruhi setiap ungkapan yang diungkapkan.

Persamaan peribahasa Arab dan Melayu bermula dari leksikal yang terdapat dalam peribahasa yang bermula dengan huruf ba:`, antaranya:

4.3.2.1 Peribahasa Pertama: Entri ‘بأس’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:36).

عَسَى الْعُؤْيُرُ أَبْوَسًا

⁶³ .Abdullah Hussain; 178.

Peribahasa ini membawa maksud, “sesuatu kejahatan yang menakutkan”, manakala makna literalnya bermaksud, “boleh jadi gua yang kecil itu membawa kesengsaraan”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘sengsara’ serta mengaitkan dengan ‘gua’. Hal ini kerana gua yang kecil menunjukkan keadaan yang gelap. ‘Gelap’ di sini adalah merupakan lambang kepada ‘kejahatan’. Kejahatan yang dimaksudkan di sini pula adalah kejahatan yang dilakukan oleh seseorang.

Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal seseorang yang membawa kecelakaan, diungkapkan dengan ungkapan, “hulu⁶⁴ malang pangkal celaka”. Maksudnya, permulaan segala bencana atau sengsara (Abdullah Hussain, 2006).

Meskipun terdapat perbezaan lafaz dalam kedua-dua peribahasa ini, namun kedua-duanya mengandungi persamaan dari segi maksud iaitu “membawa kecelakaan” yang mana masyarakat Arab menggambarkan gua sebagai sesuatu ‘kejahatan’ kerana dipengaruhi oleh keadaan bumi Arab itu sendiri, manakala masyarakat Melayu mengambil ungkapan tersebut sesuai mengikut budaya mereka.

4.3.2.2 Peribahasa Kedua: Entri ‘بَحَثٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:40).

كَبَّاحَتُهُ عَنِ حَتْمِهَا بِظَلْفِهَا

Peribahasa ini membawa maksud, “ditimpa musibah atas perbuatan sendiri”, manakala makna literalnya bermaksud, “bagaikan orang yang mencari kematian dengan kakinya sendiri”.

⁶⁴ . hulu bermaksud pangkal/tangkai

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘mencari’ membawa maksud mencari masalah yang boleh menimpa diri sendiri. Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal seseorang yang membuat sesuatu yang merugikan diri sendiri, iaitu, “salah gelogok hulu malang, pandai bertenggang hulu baik”, bermaksud suatu tindakan yang kurang berhati-hati dalam sesuatu pekerjaan, mungkin mencelakakan diri, tetapi kalau pandai dan berhati-hati, biar sulit sekalipun akan diperolehi faedahnya (Abdullah Hussain, 2006, p. 173).

Meskipun terdapat perbezaan lafaz dalam kedua-dua peribahasa ini, namun kedua-duanya mengandungi persamaan dari segi maksud iaitu “tindakan yang kurang bijak memakan diri sendiri” yang mana masyarakat Arab mengambil situasi berdasarkan cerita dongeng yang berlaku dalam masyarakat Arab mengenai “pemburu dengan seekor buruan di hutan”. (rujuk entri:4.2.2.2). Manakala masyarakat Melayu pula mengambil ungkapan berdasarkan dari alat senjata yang melambangkan ‘alat tradisi’ mereka pada masa itu.

4.3.2.3 Peribahasa Ketiga: Entri ‘البراجم’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:47).

إِنَّ الشَّقِيَّ وَافِدُ الْبَرَاجِمِ

Peribahasa ini membawa maksud, “seseorang yang ditimpa nasib malang”, manakala makna literalnya bermaksud, “yang celaka itu adalah tamu dari Bara:jim”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘Bara:jim’ serta mengaitkan dengan perkataan ‘celaka’. Seseorang yang bernasib malang digambarkan seperti ‘Bara:jim’. Manakala

dalam peribahasa Melayu, perihal seseorang yang bernasib malang yang sengaja mencari bahaya, seperti “ular mencari pemukul”, bermaksud “mencari masalah sehingga membinasakan diri sendiri”⁶⁵ dan juga peribahasa yang berbunyi, “ayam ditambat disambar helang, padi ditangan tumbuh lalang” (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006, p. 73).

Masyarakat Arab mengambil ungkapan ini berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam masyarakatnya, iaitu kisah seorang Arab yang bernasib malang dari Bara:jim⁶⁶. Manakala masyarakat Melayu mengambil ungkapan ini berdasarkan pengamatan kepada apa yang berlaku disekitarnya, iaitu tema ‘ular’ sebagai inspirasi ungkapan tersebut.

4.3.2.4 Peribahasa Keempat: Entri ‘بَرَحَ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:47).

“مَا أَشْبَهَ اللَّيْلَ بِالْبَارِحَةِ”

Peribahasa ini membawa maksud, “perumpamaan dua benda yang sama atau seiras”, manakala makna literalnya bermaksud, “alangkah serupanya malam ini dengan malam semalam”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘semalam’ serta mengaitkan dengan peristiwa sebelumnya menggambarkan berlaku sesuatu yang sama. Makna yang tersirat di sini adalah gambaran dua benda yang sama atau serupa. Manakala dalam peribahasa

⁶⁵ . (Abdullah Hussain, 2006, p. 424)

⁶⁶ . (rujuk peribahasa 4.4.3)

Melayu, perihal menunjukkan benda yang sama, iaitu “sama naik bak gelombang, sama turun bak kapecong”⁶⁷ iaitu menunjukkan dua kejadian yang sama keadaannya.

Orang Arab menggambarkan ‘masa’ adalah sumber inspirasi mereka manakala masyarakat Melayu menggambarkan tentang ‘gelombang’ untuk mengungkapkan ungkapan tersebut, berkemungkinan keadaan ini sesuai dengan masyarakat Melayu yang tinggal di pantai pada masa dahulu.

4.3.2.5 Peribahasa Kelima: Entri ‘بَرَاقِشْ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:51).

Perkataan ‘بَرَاقِشْ’ yang terdapat dalam peribahasa berbunyi:

عَلَىٰ أَهْلِهَا تَجْنِي الْبَرَاقِشْ

Peribahasa ini membawa maksud, “kecuaian seseorang boleh membinasakan orang lain”. Manakala makna literalnya bermaksud, “menimpa tuannya sendiri akibat kesalahan si Bara:qish”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘Bara:qish’ iaitu nama ‘seekor anjing’. Tindakan anjing tersebut membawa malang kepada tuannya. Makna yang tersurat di sini adalah gambaran kepada kecuaian seseorang yang boleh membinasakan orang lain. Manakala dalam peribahasa Melayu, keadaan ini digambarkan dengan ungkapan yang berbunyi, “sebab nila setitik, rosak susu sebelanga” dan maksudnya, “seseorang yang membuat silap, yang lain sama turut binasa” (Ainon binti Mohd & Abdullah bin Hassan, 2005, p. 251).

⁶⁷ . Kapecong bermaksud buah pucung, ‘kepayang’.

4.3.2.6 Peribahasa Keenam: Entri ‘برم’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:52).

‘أَبْرَمًا قَرُونًا’

Peribahasa ini membawa maksud, “seseorang yang kedekut lagi tamak”, manakala makna literalnya bermaksud, “kamu kedekut, suka menghimpunkan dua benda”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘kedekut’ dan ‘menghimpunkan dua benda’, menunjukkan kepada seseorang yang bersifat ‘kedekut’ iaitu suka menyimpan makanannya serta ‘tamak haloba’ pula iaitu tidak cukup dengan apa yang ada. Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal orang yang ‘kedekut lagi tamak’, diungkapkan dengan ungkapan, “bagai air digenggam tidak tiris”⁶⁸. Manakala sifat tamak pula diungkapkan dengan ungkapan, “seperti anjing dan bayang-bayang”⁶⁹. Begitu juga dengan ungkapan ‘tangkai jering’⁷⁰ yang dikiaskan dengan sifat kedekut dan tamak dalam peribahasa Melayu.

Meskipun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam kedua-dua peribahasa tersebut, namun kedua-duanya mengandungi persamaan dari segi maksud iaitu, menggambarkan tentang sifat seseorang yang kedekut dan tamak. Masyarakat Arab mengambil ungkapan ini dari sebuah kisah “seorang lelaki kedekut”⁷¹. Masyarakat Melayu mengungkapkan ungkapan tersebut berdasarkan cerita tauladan dan suasana di sekeliling mereka.

⁶⁸. (Ainon binti Mohd & Abdullah bin Hassan, 2005, p. 19)

⁶⁹. (Ibid, p. 298)

⁷⁰. (Ibid, p. 278)

⁷¹. (rujuk peribahasa: 4.4.6)

4.3.2.7 Peribahasa Ketujuh: Entri ‘برى’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:53).

Perkataan ‘برى’ yang terdapat dalam peribahasa berbunyi:

‘أَعْطِ الْقَوْسَ بَارِيهَا’

Peribahasa ini membawa maksud, “meletakkan sesuatu pada tempatnya”, manakala makna literalnya bermaksud, “berikan busar itu kepada pemanahnya”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘pemanah’ serta mengaitkan dengan busar. Maksud di sini adalah merujuk kepada orang yang layak menerima sesuatu pemberian dan pertolongan dan kita hendaklah memberi atau meminta sesuatu kepada mereka yang layak manakala dalam peribahasa Melayu, ungkapan berbunyi, “jika hendak beranak, ikutlah kata bidan” yang bermaksud meminta nasihat dari yang pakar (A. Khalid Mat Noh, 2010, p. 16).

Meskipun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam kedua-dua peribahasa tersebut, namun kedua-duanya mengandungi persamaan dari segi maksud iaitu, meminta nasihat dari orang yang pakar. Orang Arab menggunakan kata ‘busar panah’, kerana dipengaruhi oleh budaya mereka yang memiliki tradisi berperang pada zaman dahulu, manakala masyarakat Melayu menggunakan kata ‘bidan’ menunjukkan orang yang arif dalam masyarakat Melayu pada masa dahulu.

4.3.2.8 Peribahasa Kelapan: Entri ‘بَسَّ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:56).

‘الْإِيْتَسَ قَبْلَ الْإِيْتَسَاسِ’

Peribahasa ini membawa maksud, “memujuk untuk mengambil hati”, manakala makna literalnya bermaksud, “mengambil hatinya dahulu sebelum memerah susu unta”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘memujuk’ yang digunakan oleh masyarakat Arab dengan kata-kata yang lembut untuk menenangkan unta ketika memerah susunya. Makna yang tersirat di sini adalah, kita perlu menggunakan bahasa ‘pujukan’ bagi mengambil hati orang untuk mendapatkan sesuatu darinya.

Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal memujuk diungkapkan dengan ungkapan ‘mengail berumpan, berkata bertipuan⁷²’, iaitu harus pandai mempersenangkan hati orang, kalau kita berkehendakkan sesuatu daripada seseorang itu (Abdullah Hussain, 2006, p. 143).

Perbezaan budaya memperlihatkan bahawa orang Arab menggunakan kata’ lembut tanda memujuk dan kasih⁷³. Manakala peribahasa Melayu penggunaan kata ‘umpan’ menunjukkan orang yang arif menggunakan muslihat ketika memancing.

4.3.2.9 Peribahasa Kesembilan: Entri ‘البَسُوسُ’ (al-Mu‘jam al-Wasi:ṭ; 2:56).

‘أَشَاءُ مِنْ الْبَسُوسِ’

Peribahasa ini membawa maksud, “perbuatan seseorang boleh menyebabkan kebinasaan ke atas orang lain”, manakala makna literalnya bermaksud, “lebih celaka daripada Basu:s”.

⁷² . Bertipuan iaitu bermuslihat.

⁷³ . (rujuk peribahasa: 4.4.8)

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘Basu:s’. Basu:s di sini adalah merupakan seorang Arab yang mencetuskan peperangan antara kaumnya. Maksud yang tersirat di sini menggambarkan seseorang yang terlibat dalam masalah, namun yang lain juga terlibat sama.

Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal orang yang mengakibatkan tercetusnya pergaduhan diungkapkan dengan ungkapan, “seekor kerbau membawa lumpur, semuanya habis terpalit”, iaitu kesalahan yang dilakukan seseorang dan kesannya turut ditanggung oleh orang lain di sekelilingnya (Alias bin Haji Muda , 2010, p. 71).

Perbezaan budaya memperlihatkan bahawa orang Arab mengambil kisah ‘Basu:s’, mengisahkan tentang seorang pemuda yang dikenali sebagai Basu:s iaitu seorang puteri Munqiz⁷⁴. Manakala peribahasa Melayu penggunaan tema ‘kerbau’ dalam ungkapan tersebut mengambil kisah tauladan yang terkenal dalam masyarakat Melayu pada masa itu.

4.3.2.10 Peribahasa Kesepuluh: Entri ‘بشر’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:58).

إِنَّمَا يُعَاتَبُ الْأَدِيمُ ذُو الْبَشْرَةِ

Peribahasa ini membawa maksud, “memberi galakan kepada sesiapa yang berharap untuk berubah”, manakala makna literalnya bermaksud, “sesungguhnya kulit luar menyamak kulit dalam”.

⁷⁴.(rujuk peribahasa(4.4.9).

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘kulit luar’ serta mengaitkan dengan ‘kulit dalam’ menunjukkan perbandingan sikap seseorang yang menerima teguran dari saudaranya untuk berubah. Manakala dalam peribahasa Melayu, perihal sikap seseorang yang boleh menerima teguran, diungkapkan dengan ungkapan, “nampak kulitnya tahulah isinya”, iaitu pada rupa muka atau gerak-gerinya tahulah kita akan isi hati dan sifatnya (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006, p. 135).

Meskipun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam kedua-dua peribahasa tersebut, namun kedua-duanya mengandungi persamaan dari segi maksud yang digunakan oleh kedua-dua budaya Arab dan Melayu iaitu, menggunakan perkataan ‘kulit’ untuk menunjukkan sikap dan sahsiah seseorang. Pengkaji berpendapat, kemungkinan belakunya situasi yang sama dan mempengaruhi kedua-dua budaya untuk mengungkapkan peribahasa tersebut.

4.3.2.11 Peribahasa Kesebelas: Entri ‘بضع’ (al-Mu‘jam al-Wasi:t; 2:60).

كَمْسَبِضِيعِ التَّمْرِ إِلَى هَجَرَ

Peribahasa ini membawa maksud, “kerja yang tidak mendatangkan hasil”, manakala makna literalnya bermaksud, “seperti menjual kurma di Hajar”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘barang’ iaitu tamar serta mengaitkan dengan Hajar, iaitu tempat yang terkenal dengan pengeluaran tamar. Kegiatan menjual tamar ke Hajar adalah merupakan gambaran kepada sesuatu kerja yang tidak berfaedah kerana tidak akan mendapat keuntungan daripada hasil jualan tersebut. Manakala dalam peribahasa Melayu, ungkapan yang menggambarkan perkara yang sia-sia diungkapkan

dengan ungkapan, “melekatkan kersik⁷⁵ di buluh”, iaitu pekerjaan yang dilakukan dengan susah payah tetapi sia-sia’. (Rathomy, 1982, p. 133).

Perbezaan budaya memperlihatkan bahawa orang Arab menggunakan kata ‘barang dagangan’ seperti tamar kerana dipengaruhi oleh budaya mereka yang memiliki tradisi menjual tamar yang merupakan barang dagangan utama. Manakala dalam peribahasa Melayu, penggunaan kata ‘kersik’ menunjukkan kehidupan masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan perairan pada masa dahulu.

4.3.2.12 Peribahasa Kedua Belas: Entri ‘البَغَاثُ’ (al-Mu‘jam al-Wasiṭ; 2:64).

"إِنَّ الْبَغَاثَ بِأَرْضِنَا يَسْتَنْسِرُ"

Peribahasa ini membawa maksud, “seseorang yang menjadi kaya dan berpangkat”, manakala makna literalnya bermaksud, “di bumi kita ini ada juga burung-burung bagha:th yang ingin menjadi seperti helang”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘bagha:th’ iaitu ‘burung yang kecil’ yang lemah dan tidak dapat terbang serta mengaitkan dengan ‘yastansir’ iaitu menjadi helang, bermaksud ingin menjadi kuat dan dapat terbang seperti helang. Makna yang tersurat di sini ditujukan kepada seseorang yang mendapat kekuatan atau kekayaan seperti yang ada pada orang lain. Manakala dalam peribahasa Melayu, keadaan ini diungkapkan dengan ungkapan, “anak kucing menjadi harimau”, iaitu orang miskin menjadi kaya,

⁷⁵ . Kersik bermaksud pasir kasar, batu kerikil halus-halus.

atau rakyat biasa menjawat pangkat tinggi dalam kerajaan (Abdullah Hussain, 2006, p. 44).

Meskipun terdapat perbezaan lafaz dan kata-kata dalam kedua peribahasa tersebut, namun kedua-duanya mengandungi persamaan dari segi maksud iaitu, yang lemah ingin menjadi kuat. Masyarakat Arab menggunakan kata ‘burung helang’, kerana dipengaruhi oleh budaya mereka yang memiliki tradisi mereka melihat burung tersebut sebagai simbol kekuatan manakala masyarakat Melayu menggunakan kata ‘kucing dan harimau’ kerana binatang tersebut sinonim dalam kehidupan masyarakat Melayu pada masa itu.

4.3.2.13 Peribahasa Ketiga Belas: Entri ‘بَكَرٌ’ (al-Mu‘jam al-Wasi: 2:67).

Perkataan ‘بَكَرَةٌ’ yang terdapat dalam peribahasa berbunyi:

"جَاءُوا عَلَى بَكَرَةِ آبَائِهِمْ"

Peribahasa ini membawa maksud, “mereka telah datang kesemuanya”, manakala makna literalnya bermaksud, “mereka datang dengan jama`ah ayahnya”.

Peribahasa ini menggunakan perkataan ‘jama`ah’ bermaksud dengan kumpulan. Maksud yang didapati di sini adalah gambaran orang yang datang beramai-ramai untuk melihat sesuatu kejadian atau keramaian. Manakala dalam peribahasa Melayu, ungkapan yang seakan sama dengan peribahasa tersebut adalah berbunyi, “sebagai anai-anai bubus”, iaitu keluar beramai-ramai atau berduyun-duyun (Abdullah Hussain, 2006, p. 177).

Perbezaan budaya memperlihatkan bahawa orang Arab mengambil ungkapan dari kisah yang berlaku pada masa dahulu⁷⁶. Manakala peribahasa Melayu menggunakan unsur serangga (anai-anai) sebagai sumber inspirasi untuk menggambarkan keadaan orang yang keluar beramai-ramai dari sesuatu tempat. Melalui pengamatan tentang tabiat kehidupan serangga itu sendiri, masyarakat Melayu dapat menjana idea berhubung dengan peribahasa tersebut.

4.4 Kesimpulan

Pengkaji menjelaskan makna yang mengandungi makna denotasi dan konotasi yang terdapat pada item leksikal bagi menghasilkan jawapan kepada persoalan kajian dan menyatakan penggunaan peribahasa tersebut mengikut penggunaannya, serta mendatangkan padanan peribahasa Melayu yang mempunyai persamaan maksud dengan peribahasa Arab.

Namun begitu, kebanyakan peribahasa yang terdapat dalam analisis tersebut mempunyai makna yang tidak dapat difahami maksud yang ingin disampaikan melalui makna literalnya tetapi ia dapat difahami makna disebalik susunan ayatnya. Kebanyakan peribahasa yang dinyatakan di sini kebanyakannya merupakan perumpamaan yang bertemakan kehidupan masyarakat, akhlak dan juga nasihat. Oleh itu, peribahasa yang terbentuk adalah merupakan hasil dari pengalaman dan kehidupan masyarakat itu sendiri.

⁷⁶.(rujuk peribahasa:4.4.13)

Daripada hasil pengalaman yang dipengaruhi oleh sosio budaya sesuatu bangsa juga telah mempengaruhi dalam pembentukan peribahasa samada peribahasa Arab ataupun Melayu. Pembentukan ungkapan ini kebanyakannya mempunyai lafaz yang berlainan tetapi kebanyakan maksud dan mesej yang ingin disampaikan mempunyai persamaan. Namun begitu, tidak dinafikan ada kalanya terdapat juga persamaan dari segi lafaz dan kata dengan peribahasa lain, kemungkinan hal ini berlaku secara kebetulan.

Dalam peribahasa ini juga, tujuan yang ingin disampaikan antaranya adalah tentang usia, musibah dan kesusahan hidup, tidak mencampuri urusan orang lain, suruhan supaya berwaspada, ikhlas dalam pergaulan, bersegera dalam melakukan sesuatu, pengalaman dan kajian, asal keturunan, kesusahan dan aduan, kebinasaan ke atas diri sendiri, sifat kedekut dan tamak, mencari pembantu, kemuliaan bergaul dengan orang yang berpangkat dan sebagainya.

Analisis yang dilakukan pada bab ini menggambarkan kepada kita bahawa setiap leksikal yang mempunyai peribahasa tersebut adalah untuk memaparkan pemakaian secara berkesan dan menarik dengan bertujuan untuk memujuk dan menarik pemerhatian pembaca pada kosa kata atau item leksikal yang ingin dijelaskan.

Peribahasa yang diselitkan di sini juga adalah untuk menerangkan dengan lebih mendalam tentang makna kosa kata tersebut, di mana penerangan dengan gaya bahasa yang menarik, ringkas dan padat, tetapi membawa maksud yang mendalam yang boleh membawa kesan kepada jiwa pembaca dan pengguna kamus. Dengan pemakaian yang menarik, penulis kamus telah berjaya menarik pengguna kamus untuk membuat kajian terhadap peribahasa tersebut.

Di sini pengkaji mendapati makna yang tersirat memainkan peranan yang penting tentang keadaan masyarakat sesuatu tempat menerusi peribahasa kerana melalui peribahasa ini masyarakat sesuatu bangsa dapat menjana idea mereka dengan merungkaikan ungkapan yang ringkas, padat dan memberi gambaran yang memerlukan kepada pemikiran yang kritis untuk mengetahui maksud sebenar yang ingin disampaikan.

Makna yang tersirat juga mempunyai persamaan maksud yang ingin disampaikan oleh sesuatu masyarakat atau bangsa. Hal ini adalah berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap peribahasa dalam mu`jam ini dengan peribahasa yang diungkapkan oleh masyarakat Arab, kebanyakannya mempunyai persamaan pada maksud yang tersirat tetapi maksud tersuratnya didatangkan dalam bentuk yang berlainan.

Mengikut andaian pengkaji, melalui makna tersirat inilah, penulis dan pencipta peribahasa dapat menyampaikan idea dan perasaan mereka berlandaskan suasana sesuatu budaya setempat, begitu juga dengan peribahasa yang digunakan oleh masyarakat Malaysia.

Abdullah Hassan dan Aion Mohd (2004), mengatakan bahawa, “bahasa kiasan adalah merupakan ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya”.

Oleh itu, sesuatu peribahasa diungkapkan dengan melihat situasi masyarakat dan pengalaman individu-individu itu sendiri juga alam sekitar yang mempengaruhi perkataan yang disusun di dalamnya menyebabkan perbezaan dari segi susunan ungkapan tetapi dari segi maksud tersirat dan penggunaanya adalah sama.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Huraian dalam bab empat telah memperlihatkan dapatan dan analisis secara kualitatif terhadap penggunaan leksikologi dalam peribahasa Arab yang terdapat dalam al-Mu‘jam al-Wasiṭ melalui analisis yang telah dibuat iaitu dari segi denotasi dan konotasi.

Selain itu, pengkaji juga telah menghuraikan peribahasa dari segi makna serta mendatangkan padanan antara peribahasa Arab dan Melayu dari segi makna dan mesej yang ingin disampaikan mengikut pengaruh budaya kedua-dua masyarakat.

Pada bab akhir ini, pengkaji akan membuat rumusan terhadap analisis serta kesimpulan berdasarkan hasil kajian. Selain itu juga, pengkaji akan mengutarakan cadangan untuk mempertingkatkan dan menambahkan minat para pengkaji untuk meneruskan kajian dalam bidang semantik khususnya yang berkaitan dengan retorik Arab.

5.1 Rumusan

Peribahasa Arab mendapat perhatian dalam kalangan ahli-ahli sasterawan, ahli bahasa dan cendekiawan bahasa yang dahulu dan kini kerana ia merupakan salah satu sumber bahasa Arab selepas al-Qur’an al-Karim dan Hadith. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan dua aspek utama kajian iaitu mengenal pasti peribahasa Arab yang digunakan dalam kamus Wasit dari aspek makna denotasi dan konotasi serta persamaan

dan perbezaan peribahasa Arab dan Melayu dari sudut makna. Oleh itu, pengkaji akan merumuskan kajian ini berdasarkan dua aspek utama tersebut.

5.1.1 Makna Denotasi Dan Konotasi Dalam Peribahasa

- i. Melalui aspek ini, pengkaji mendapati bahawa bidang penulisan dan penyusunan kamus, terutama kamus ekabahasa, tidak dapat lari daripada menggunakan makna-makna lain selain daripada makna leksikal. Sebagaimana kita tahu, makna leksikal terdedah kepada banyak faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan makna.
- ii. Kajian ini seterusnya mendapati bahawa tujuan ahli leksikografi meletakkan peribahasa adalah untuk menerangkan makna leksikal dengan lebih jelas iaitu sama ada makna konotasi atau denotasi mengikut penggunaan kata dalam sesuatu ungkapan. Selain itu, makna leksikal yang diselitkan dalam peribahasa juga adalah bertujuan untuk mengetengahkan makna konotasi yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Hal ini kerana kebanyakan pembaca dan pengguna kamus tidak dapat memahami dengan jelas makna yang terdapat dalam sesuatu peribahasa.
- iii. Kajian ini juga memperlihatkan peribahasa sebagai salah satu bahasa kiasan dan juga sindiran. Ia terhasil daripada cetusan kejadian, pengalaman dan pengamatan masyarakat dan merupakan warisan nenek moyang yang menjadi pengajaran dari generasi ke generasi dan disebarkan dari mulut ke mulut sehingga menjadi semakin berkembang. Peribahasa juga merupakan ungkapan pendek yang

mempunyai makna konotasi yang ingin disampaikan dalam bentuk isti`arat (metafora) dan juga kina:yaṭ (sindiran).

- iv. Melalui dapatan kajian ini, pengkaji juga dapat mengenalpasti makna leksikal yang terdapat dalam peribahasa tersebut dari segi makna denotasi (hakikat) dan konotasi (maja:z). Makna konotasi dapat diketahui apabila pembaca mengkaji makna-makna leksikal yang didatangkan dalam bentuk peribahasa, ayat, dan juga Hadith. Ianya memerlukan kepada rujukan tambahan dari sumber lain untuk mendalami makna konotasi dalam leksikal tersebut kerana makna ini hanya diketahui oleh golongan sasterawan dan golongan bahasa sahaja. Golongan awam tidak dapat menerima makna selain daripada makna hakiki, kecuali makna konotasi itu sama dengan penerimaannya dengan makna konotasi yang digunakan oleh penutur natif bahasa tersebut.

5.1.2 Peribahasa Arab Dan Melayu

- i. Dalam aspek ini, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan peribahasa Melayu dan Arab mempunyai persamaan dari segi makna sahaja dan berbeza dari segi lafaz dan pemakaian kata. Hal ini kerana lafaz yang digunakan di sini telah dipengaruhi oleh budaya masing-masing.
- ii. Terdapat juga peribahasa yang telah didapati di sini mempunyai persamaan dari sudut makna dan pemakaian kata. Antaranya, peribahasa Arab yang menggunakan objek ‘بَشْرَةٌ’ dan ‘الأديم’, yang membawa maksud ‘kulit luar dan

kulit dalam⁷⁷ untuk menggambarkan sifat seseorang. Begitu juga dalam peribahasa Melayu yang menggunakan objek sama, iaitu ‘kulit’ untuk menggambarkan sifat seseorang.

- iii. Pengkaji juga mendapati bahawa makna yang terdapat dalam kedua-dua peribahasa tersebut adalah terdiri daripada pelbagai unsur yang dapat menunjukkan dua peradaban antara dunia yang berasingan. Ia telah memberikan pengamatan yang sebenar tentang masyarakat Arab dan Melayu pada masa dahulu. Melalui makna konotasi, kedua-dua peribahasa dapat menyampaikan idea-idea yang sama melalui makna-makna literal yang singkat dan padat yang mempunyai maksud yang amat mendalam serta dapat menonjolkan kekayaan budaya, adat resam, sejarah dan sebagainya.
- iv. Hasil kajian juga mendapati bahawa faktor budaya telah mempengaruhi penciptaan sesuatu ungkapan. Lafaz dan kata yang ingin dituturkan adalah dipengaruhi oleh dengan budaya persekitaran masing-masing. Dengan itu, terdapat perbezaan antara lafaz setiap budaya tersebut walaupun terdapat sedikit persamaan dari segi lafaz dan kemungkinan ia berlaku secara kebetulan sahaja.
- v. Di sini pengkaji juga mendapati bahawa terdapat peribahasa yang menggunakan tema tertentu untuk menggambarkan ungkapan yang diungkapkan seperti tema binatang. Contohnya, penggunaan perkataan ‘كُبْد’⁷⁸, iaitu sejenis burung yang

⁷⁷.rujuk entri 4.2.2.10

⁷⁸.4.3.1.1. Peribahasa pertama

menggambarkan tentang usia seseorang. Penggunaan perkataan ‘السُّوس’⁷⁹ iaitu ulat kayu atau sejenis ulat yang memakan bangkai, yang digunakan untuk menggambarkan tentang ‘seseorang yang kuat makan’. Penggunaan perkataan ‘الْبَرَاقِش’⁸⁰ iaitu nama seekor anjing yang digunakan untuk menggambarkan nasib seseorang. Penggunaan perkataan ‘الْبَعَاث’⁸¹ iaitu nama sejenis burung digunakan untuk menggambarkan kelemahan seseorang yang ingin menjadi kuat.

- vi. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan peribahasa bertemakan masyarakat iaitu didatangkan dalam bentuk nasihat dan galakan, mengenai akhlak dan pergaulan, gambaran bebanan atau musibah dan sebagainya. Begitu juga dengan tema yang digunakan dalam ungkapan Melayu, ianya mengambil kira tema dan unsur-unsur yang sama dengan peribahasa Arab.
- vii. Manakala yang menjadi perbezaan antara kedua-dua bahasa tersebut adalah berdasarkan gaya bahasa yang digunakan, istilah dan situasi yang diungkapkan oleh kedua-dua bahasa tersebut. Hal ini adalah disebabkan pengaruh budaya pada sesuatu bahasa kerana ungkapan yang dibina adalah berunsurkan realiti sesuatu masyarakat dan budaya sesuatu bangsa.

⁷⁹ . 4.3.1.9. Peribahasa kesembilan

⁸⁰ . 4.3.2.5. Peribahasa kelima

⁸¹ . 4.3.2.12. Peribahasa kedua belas

- viii. Hasil dapatan mendapati bahawa unsur budaya mempengaruhi gaya bahasa yang disampaikan oleh sesuatu bangsa mengikut realiti budaya masing-masing, tetapi makna dan tujuan yang ingin disampaikan mempunyai matlamat yang sama.
- ix. Kajian juga menunjukkan bahawa pengetahuan mengenai sesuatu makna konotasi yang terdapat dalam sesuatu peribahasa memerlukan rujukan kepada penutur jati itu sendiri di samping menerokai khazanah-khazanah yang berkaitan dengan peribahasa yang telah disimpan dalam bentuk naskah, buku dan sebagainya untuk memahami tentang cerita dibalik penciptaan sesuatu peribahasa. Sebagai contoh, konsep *tashbi:h*, *isti`arah* dan *kina:yat* juga terdapat dalam penggunaan peribahasa Melayu seperti penggunaan konsep *persenofikasi*, *simile*, *metonimi* dan sebagainya.
- x. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan pemakaian peribahasa dalam sesuatu kaum dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan ringkas dan padat. Imej yang dipilih dalam ungkapan peribahasa berkait rapat dengan alam kehidupan sesuatu kaum. Pengungkapan peribahasa disampaikan dengan gaya bahasanya yang menarik dan dapat mempengaruhi jiwa pendengar yang mendengarnya. Ia juga dikenali sebagai bunga bahasa bagi sesuatu bangsa.
- xi. Kajian juga menunjukkan masyarakat Arab lebih banyak menggunakan bahasa kiasan dan mempunyai banyak cerita dibalik penggunaan peribahasa. Hal ini kerana bahasa ini amat kaya dengan peradaban sastera yang dicatit, disimpan dan diwarisi oleh nenek moyang mereka sendiri. Begitu juga dengan peranan *al-Qur'an al-Karim* dan *Hadith* dalam memartabatkan budaya mereka.

- xii. Dalam masyarakat Melayu pula banyak ketinggalan dari sudut kesusasteraan ini kerana penggunaan bahasa kiasan hanya diwarisi dari mulut ke mulut dan tiada catatan dalam bentuk tulisan (Harun Daud, 1989). Faktor ini menunjukkan masyarakat Melayu kurang matang berbanding dengan masyarakat Arab.

5.2 Cadangan

Sepanjang kajian ini, penyelidik mendapati terdapat banyak lagi ruang-ruang yang belum diterokai oleh para pengkaji bahasa, terutamanya dalam mengupas perihal peribahasa Arab ini. Di sini, penyelidik mencadangkan beberapa cadangan yang boleh dibuat kajian oleh mana-mana pengkaji bahasa yang berminat untuk menerokai bidang ilmu ini serta mendalaminya. Antara contoh-contoh kajian yang boleh dibuat ialah:

- i. Pertama, melakukan kajian peribahasa Arab yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir al-Qur'an. Seperti "kitab tafsir fi zila:l al-Qur'an" yang kaya dengan peribahasa serta gaya bahasanya yang tinggi dan kitab-kitab tafsir lain.
- ii. Kedua, kajian juga boleh dilakukan tentang penggunaan peribahasa di dalam Hadith-hadith nabi seperti di dalam "kitab fathul ba:ri" dan lain-lain.
- iii. Ketiga, kajian mengenai penggunaan peribahasa Arab di dalam teks-teks khutbah jumaat yang telah dibukukan yang terdapat di pasaran seperti "khutbah Yusuf Qarḍawi" dan lain-lain.

- iv. Keempat, kajian ini juga boleh dibuat dari buku-buku cerita kanak-kanak yang terdapat di negara Arab seperti kisah teladan dan kisah-kisah lucu seperti “kisah Ju:ha:” dan lain-lain.
- v. Kelima, kajian boleh dilakukan mengenai pemerolehan peribahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah agama di Malaysia. Kajian boleh menjurus kepada linguistik kognitif yang lebih mendalam di mana kajiannya hendaklah bersifat lebih numerikal dan dilengkapi dengan data-data linguistik (*SPSS*).

5.3 Kesimpulan

Sepertimana yang kita sedia maklum, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan peribahasa dengan mendatangkan makna leksikal dari segi denotasi dan konotasi. Makna denotasi dapat digunakan apabila sesuatu leksikal tidak digunakan dalam ayat. Manakala makna konotasi perlu difahami melalui gambaran yang dinukilkan dalam peribahasa yang telah dibincangkan.

Walaupun terdapat perbezaan antara bentuk kata denotasi yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan Arab, tetapi terdapat juga persamaan dari segi makna konotasi yang ingin disampaikan dengan berlatarkan situasi kedua-dua budaya masyarakat tersebut. Hal ini adalah kerana makna yang tersirat tidak dapat difahami hanya dengan meneliti satu perkataan sahaja bahkan memerlukan penelitian terhadap keseluruhan peribahasa tersebut.

Begitu juga persamaan corak pemikiran antara masyarakat Arab dengan masyarakat Melayu telah memungkinkan penghasilan terjemahan peribahasa yang sedia ada dari segi bentuk, makna dan fungsi. Walaupun begitu, terdapat perbezaan antara dua budaya dalam menginterpretasikan sesuatu kata. Perbezaan ini berlaku disebabkan cara masyarakat mengamati dunia dalam dua persekitaran yang berbeza.

Oleh itu, pengetahuan yang mendalam tentang latar belakang budaya dan bahasa masyarakat Arab juga dapat memudahkan lagi proses menyelesaikan permasalahan kajian ini. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat memberi input yang berguna kepada sesiapa yang berminat untuk mengkaji serta memahami penggunaan peribahasa dalam mu‘jam khususnya dalam penggunaan peribahasa dari pelbagai bahan kajian yang lain amnya.

BIBLIOGRAFI

- A. Khalid Mat Noh. (2010). *Peribahasa KBSR*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia, Sdn. Bhd.
- A. Teew. (1964). *Tentang Kamus dan Pekamusannya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. sept18-19.
- Ab. Rahman Mamat, Ab. Rashid dan Hajah Wan Som. (1995). *Bahasa Melayu: Bahasa Dalam Komunikasi dan Proses Komunikasi*. Selangor: Longman Malaysia.
- ‘Abd Hakim Al-Wa:‘iliy. (2001). *Sya ‘erāt Al- ‘Arab (Min Al-Jahiliyyat Ḥattā Niha:yaṭ Al-Qarn Al- ‘Isyri:n)*. Amman: Da:r Al-‘Usmaṭ.
- Abdul Majid Al-Bayanuni. (1991). *Darb Al-Amthal fi Al-Quran Al-Karim, Ahda:fuḥu wa Tarbiyyat wa A:tha:ruhu*. Damsyik: Da:rul Qalam.
- Abdul Razak bin Abdul Karim. (1994). *Rujukan Lengkap Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2004). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Publisher.
- Abdullah Hassan (penterjemah), F. R. Palmer (penulis). (1989). *Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Hussain. (1977). *Kamus Dewan 'Dewan Bahasa'*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Abdullah Hussain. (2006). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adirukmi Achmad Azis. (1998). *Tumbuh-tumbuhan Memperindah Bunga-Bunga Bahasa*. Kuala Lumpur: Jurnal Pelita Bahasa.
- Aḥmad Iskandari dan Muṣṭafa: ‘Ina:ni. (1916). *Al-Wasi:t; fi Al-Adab Al-‘Arabiyy wa Al-Ta:rikhiyy*. Kaherah: Da:r Al-Ma‘a:rif.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon binti Mohd & Abdullah bin Hassan. (2005). *Kamus Pepatah Bidalan & Perumpamaan*. Bentong PTS Professional .
- Ainon binti Mohd & Abdullah bin Hassan. (2005). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Edisi Ke-2. PTS Professional.

- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2006). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*. PTS Litera Utama.
- Ainon Muhammad & Abdullah Hassan. (2008). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-‘Adu:s, Abu Yusuf. (2007). *Madkhal ila: Al-Balaghat Al-‘Arabiyyat, ‘Ilm Bayan, Al-Badi’, Al-Ma‘a:niy. Cet Pertama*. Amman: Da:r Al-Masi:rah.
- Al-Akha:wiyy, Ina:‘am Al-Fawwa:l. (1922). *Mu‘jam Al-Mufassal Fi: Al-‘Ulu:m Al-Bala:ghat*. Beirut: Da:r Al-Kutub.
- Al-Askariyy, Abu Hilal. (1988). *Jamharat Al-Amtha:l*. Beirut: Cet. Kedua, Da:r Al-Ji:l.
- Al-Hasyimiy Aḥmad. (1968). *Jawa:hir Al-Bala:ghat Fi Al-Ma‘a:niy Wa Al-baya:n Al-Ba:di`*. Jakarta: Dar Al-Ihya Al-Kutu:b Al-‘Arabiyyat.
- Alias bin Haji Muda . (2010). *Peribahasa dalam Karangan Bahasa Malaysia. Edisi Kedua..* Kuala Lumpur: Ilmu bakti .Sdn. Bhd.
- Alias bin Hj. Muda. (2011). *Peribahasa Dalam Karangan Bahasa Malaysia. Edisi Kedua*. Subang Jaya: Terbitan Ilmu Bakti Sdn. Bhd.
- Alias Sidek. (1999). *Penglihatan Dunia Orang Melayu Dalam Peribahasa. Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- ‘Ali Al-Ja:rim & Mustḥafa Amin. (1987). *Al-Balaghat Al-Wa:ḍiḥat*. Kaherah: Da:r Al-Ma’a:rif.
- Al-Zikrikla, Khair Al-Din. (1979). *Al-‘Alam, cet. Keempat: Da:r Al-Ilm bi Al-Mala:yin*.
- Al-Jurja:niyy `Abd Al-Qa:hir. (1989). *Dala:’l Al-‘Ijaz*. Damsyik: Dar Qutaybat.
- Al-Jurja:niyy, Abdul Qahir. (1979). *Asra:r Al-Bala:ghah. Ed. Muḥammad Abdul Mun`im Al-Khafaji*. Al-Qa:hirah: Maktabah Al-Qa:hirah.
- Al-Khalil bin Aḥmad. (1967). *Kitab Al-‘Ayn, Edisi Abdullah Darwis*. Baghdad.
- Al-Maghari Aḥmad Mustafa. (2002). *Ulu:m Bala:ghat Al-Bayan wa Al-Ma‘a:niy wa Al-Badi`*. Beirut, Dar Al-Kutub ,Al-‘Ilmiyyat.
- Al-Maida:niyy. (1977). *Majma` Al-Amtha:l*. Kaherah: Isa Al-Ba:biy Al-Halaby wa Shuraka:t.
- Al-Maida:niyy, Abd Raḥman Ḥassan Ḥabannak. (2007). *Al-Balaghat Al-‘Arabiyyat, Usu:siha: wa `Ulu:miha: wa Funu:niha:.* Cet. Kedua. Beirut: Da:r Al-Sya:mimiyyat.
- Al-Marbawi, Mohd Idris. (tt). *Qamus Idris Al-Marbawi : `Arabi-Malayuwi*. Mustafa Al-Babi Al-Halabi wa-Awla:duh.

- Al-Mu‘jam Al-Wasi:ṭ Ibra:him Anis, ‘Abdul Ḥalim Muntaṣer, ‘Aṭiyyah Al-Ṣowa:lihiyy & Muḥammad Khofullah Aḥmad. (1972). *Al-Mu‘jam Al-Wasi:ṭ*. Istanbul Turkey: Maktabaṭ Al-Isa:miyyaṭ.
- Al-Najjar, Majed Flayih. (1984). *Translation As A Correlative of Meaning: Cultural and Linguistic Transfer Between Arabic and English (Mikroform)*. Ann Arbor Michigan: University Microfilm International.
- Al-Qattan, Manna Khalil. (2000). *Maba:hith Fi Ulu:m al-Quran, Cet Ketiga*. Beirut: Muassa:sat Al-Risa:lat.
- Al-Qazwi:niyy, Al- Khatib. (1980). *Al-I:ḍaḥ Fi: Ulu:m Al-Balaghat, ed: Muḥammad ‘Abd al-Mun`im aAl-Kaffa:jiyy*. Lubna:n Da:r Al-Kutub Al-Lubna:niyy.
- Al-Sa:bu:ni, Mohd Ali. (2006). *Al-Ibda' Al-Bayani Fi Al-Qur'an Al-`Azim : "Fi Al-Amthal, wa-Al-Tashbih, wa Al-Tamthil, wa Al-Isti`arat, wa Al-Kinayat" Ma'a Al-Imta' bi-Rawai' . Al-Maktabaṭ Al-`Asriyyaṭ*.
- Al- Suyu:ti Jalaludin Abdul Raḥman. (1976). *Al-Iqtirah Fi Ilm Usul Al-Nahu. Edisi Dr. Aḥmad Muḥammad Qas:im*. Kaherah: Maktabaṭ al-Saa`daṭ.
- Al-Zakarkasyi, (t.t). *Al-Burha:n Fi: Ulu:m Al-Qur`a:n*. Beirut: Da:r Al-Ma`rifat. Ed. Muhammad Abu Al-Fadhl Ibra:him.
- `Atiyah, Jurji Shahin. (2007). *Mu`jam Al-Mu`tamad : Fi Ma Yahtaju Ilayhi Al-Muta'addibun wa Al-Munshi'un Min Matn Al-Lughaṭ Al-‘Arabiyyaṭ : ‘Arabi-‘Arabi*. Beirut: Da:r Al-Kutub Al-`Ilmiyyah.
- Awang Sariyan & Mohd Adnan Mohd Ariffin. (1992). *Pengantar Titian Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Muhammad. (1997). *Penggunaan Gaya Bahasa Perumpamaan Dalam Al-Qur’an: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Disertasi Pengajian Moden, Universiti Malaya.
- Azhar Muhammad. (2009). *Menterjemah Budaya Retorik Melayu melalui Pelaksanaan Pengajian Ilmu Bala:ghaṭ Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Persidangan Persidangan Penterjemahan antarabangsa Kesebelas. Kuala Lumpur.
- Azman Azizan. (2004). *Kiasan Bahasa Arab dan Bahasa Melayu: Satu kajian Perbandingan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Badawi Ahmad. (1990). *Min Bala:ghaṭ Al-Qur`an*. Kaherah: Da:r Nahdhah.
- Bakar Muhammad Ismail. (1986). *Al-Amthal Al-Quraniyyaṭ Dirasa:ṭ Tahli:liyyaṭ*. Syubra, Mesir: Matba`aṭ Al-Ama:naṭ.
- Eugene.A.N, Ed. Mashudi Kader. (1996). *Menerokai Struktural Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- F.R. Palmer (Penterjemah Prof. Abdullah Hassan). (1992). *Semantik*. Cambridge University Press.
- Gory Keraf. (2004). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PTD Gramedia Pustaka Utama.
- Ḥa:mid ‘Auni. (t.t). *Al-Manha:j Al-Wa:ḍih li Al-Bala:ghaṭ*. Kaherah: Maktabaṭ Al-`Azhariyyaṭ li Al-Tura:th.
- Haji Muhammad Bukhari Lubis, Sabariah Abdullah & et. al. (2007). *Frasa idiomatik Arab dan Ertinya. Cetakan Pertama*. Penerbit Universiti Malaysia.
- Harimurti Kridalaksana. (1984.). *Kamus Linguistik. Edisi Kedua*. Jakarta: H. PT Gramedia.
- Hartmann. (1986). *The History of Lexicography. University of Exeter*. Amsterdam.
- Harun Daud. (1989). *Sejarah Melayu: Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hijazi, Maḥmu:d Faḥmi (t.t). *Ilm Al-Lughat Al-Arabiyyaṭ*. Kuwait: Wakalaṭ Al-Matba‘aṭ.
- Ibrahim Ahmad. (1994). *Perkamusan Melayu Suatu Pengenalan*. Cetakan Pertama.
- Ibrahim Makdhku:r. (1985). *Al-Mu`jam Al-Wasi:t*. Kaherah, (T.P).
- Ibrahim Makdhku:r. (t.t). *Al-Adat wa Al-Taqa:lid*. Kaherah: Maktabaṭ Nahdaṭ, Mesir.
- Imil Badi` Ya‘akub. (2011). *Al-Mu`jam Al-Lughawiyy Al-Arabiyy Fi Nasha`at wa Taṭawuriha:.* Kaherah: Maktabaṭ Al-Hadith.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Ilmi. (1996). *Kamus Ilmi, Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris, Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu, Peribahasa*. Cet. 1, Milacetak Sdn. Bhd.
- Kamus Pertamaku*. (1994). Susunan Rosemary San Some dan Dee Reid. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Koleksi Peribahasa Arab*. (1998). Susunan Sidang Pengarang (Cet.1). Terbitan Ciptaan Jiwa Aseni Sdn. Bhd.
- La:yshin, ‘Abd Al-Fattaḥ. (1985). *Al-Baya:n Fi Daw`Asa:lib Al-Qur’an*. Kaherah: Da:r Al-Ma‘a:rif.
- Lakof, G & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: The University of Chocago Press.

- Lakoff G & Turner, M. (1989). *More Than Cool Reason: A Field Guide to Poetic Metaphore*. Chicago: University Of Chicago Press.
- Leech Geoffrey. (1976). *Semantik I*, (ed. J. Hendriek). *Utrecht: Utgeverij Het Spectrum*.
- Lutfi Abbas. (1984). *Bunga Bahasa dalam Sastera Moden Melayu*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maḥmu:d Ismail Şi:niyy, N. M. (1996). *Mu'jam Al-Amtha:l Al-'Arabiyyat*. Beirut: Maktabat Lubna:n.
- Maṭar, 'Abdul Azizi. (1986). *Al-Mu'jam Al-Wasi:t Bayna Muha:fazaṭ wa Al-Tajdi:d. Seminar Perkamusan Arab Semasa*. Tunis.
- Maṭlub, Ahmad. (1975). *Funu:n Al-Balaghiyyaṭ*. Kuwait: Da:r Al-Buhu:th, Al-Ilmiyyaṭ.
- Mc. Athur, T. (1992). *The Oxford Companion to the English Language*. Oxford, Oxford University Press.
- Mohd. Puzhi Yusof (et.al). (2009). *Kamus Farid, Arab-Arab, Melayu Inggeris*.
- Mohd Rosdi bin Ismail. (t.t). *Pengkayaan Kosa Kata Bahasa Arab Mikro, Teknik Dan Aspek. Cetakan Pertama*. Kota Bharu. Kelantan : Arabic Laboratory & Construction.
- Mohamad Ali Al-Sa:bu:ni. (2006). *Al-Ibda' Al-Baya:ni fi Al-Qur'an Al-'Azim : "Fi Al-Amthal, wa-Al-Tashbih, wa-Al-Tamthil, wa-Al-Isti`arat, wa-Al-Kinayaṭ" ma'a Al-Imta' bi-Rawai'*. Al-Maktabaṭ Al-`Asriyyaṭ.
- Mohamad Izwan Md. Yusof. (2007). *Metodologi Ibn Qayyim Al-Jawziyyah dalam Kitab Al-Amthal Fi Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohamad Redzuan Mohd Khalil. (2004). *Hakikat dan Majaz: Satu Kajian dalam Kamus Al-Şihah*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohamad Syukri bin Abdul Rahman. (2010). *Analisis Isti'a:raṭ dalam Kitab Riya:d Al- Sali:hi:n*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohamad Yazid bin Abdul Majid. (2010). *Perbandingan Bahasa Kiasan Dalam Cerpen Arab dan Melayu*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Mohammad Hassan. (1990). *Al-Tarikh Al-'Arabiyy li Al-'Asrain Al-Uthma:niyy wa Al-Hadith*. Kaherah: Universiti Al-Azhar.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1994). *Persuratan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Marwan Ismail dan Wan Moharani bin Mohammad. (2009). *Kajian Semantik dan Mu'jam 'Arabiyy*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Tajudin Nur. (2010). *Semantik Bahasa Arab: Pengantar Studi Ilmu Makna*. Penerbit PPM: Fakulti Sastera, Universiti Padjadgaran.
- Muhammad Saiful Anuar Yussoff. (2002). *Al-Tasybih dalam Bahasa Arab: Kajian Pemikiran Abdul Qahir Al-Jurjani dalam Asra:r Al-Bala:ghat*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Muhmad Zaki Abdul Rahman & Tasyi` Radiah Mezah. (2011). *Mukhtasar Fi Nasya`at Al-Lughat Al-'Ara:biyyat wa Luhja:tuha: wa Ulu:muha:.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muṣṭafa, Ibraḥim, Ahmad Ḥassan Al-Zayya:t, Ḥamid 'Abd Al-Qahir dan Muḥammad 'Aliyy Al-Najja:r. (1989). *Al-Mu'jam Al-Wasi:t*. Istanbul : Da:r Al-Da'wat.
- Nasrun Adel Mohamed Yusof. (2003). *Penggunaan Kesusasterann Arab dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nathesan, S. (2008). *Makna Dalam Bahasa Melayu*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Haji Khalid. (1987). *Kesusasteraan Arab di Zaman Permulaan Islam*. Penerbitan Nadhi.
- Palmer F.R. (1976). *Semantics A New Outline*. London, New York, Melbourne: Cambridge University Press.
- Palmeri, F. R. (1981). *Linguistik Am, Cetakan Kedua (Penterjemah Abdullah Hassan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Parera, J. D. (1990). *Teori Makna*. Jakarta: Erlanga.
- Rathomy, Mohd. Abdai. (1982). *Peribahasa Arab* . Cet.1. Jakarta: Al-Ma'a:rif.
- Ridzuan bin Ahmad. (1999). *Kajian Medan Maklumat di Dalam Al-Mu'jam Al-Wasi:t. Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Safiah Husain. (1988). *Glosar Istilah Kesusasteraan, et. al*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidatul Nornis. (2001). *Peribahasa Melayu dan Cina: Serupa Tetapi Berbeza*. Kuala Lumpur: dalam Dewan Bahasa. Jld 1. bil.6 Jun, hlmn 34-39.
- Salinah Bt Jaafar. (1995). *Pembentukan Kata Dalam Leksikografi Melayu Tumpuan Kamus Dewan* . Kuala Lumpur: Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya.

- Salinah Husain. (2007). *Peribahasa Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol: Satu Perbandingan Makna dan Amalan. Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Salsabil Haji Mohd Zain. (2009). *Kepentingan Membezakan Hakikat dan Majaz: Analisis Hadith-Hadith Terpilih*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith.
- Shafi' Al-Sayyid. (1995). *Al-Ta`bir Al-Baya:ni: Ru`yat Bala:ghiyat Naqdiyyat. Cet. Keempat*. Kaherah, Madinah Nasr: Da:r Al-Fikr Al-`Arabiyy.
- Shamsuddin Ahmad. (2007). *Kamus Peribahasa Melayu-Inggeris*. Edisi Kedua. PTS Profesional.
- Shauqi Dhayf. (1996). *Al-Asra:r Al-Ababa:siyy Al-Awwa:l*. Kaherah: Da:r Al-Ma`a:rif.
- Tabanah, Badawi. (1994). *Mu`jam Al-Balaghat Al-Arabiyyat . Cet. Ketiga*. Jeddah: Da:r Al-Mana:rat, Riya:dh & Da:r Ar-Rafai.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1994). *Stilistik: Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar, Ahmad Mukhtar. (1993). *Ilmu Al-Dila:lah*. Kaherah: Da:r Al-Kutubi.
- Uthman Kh:alid Sa`id. (2001). *Yamtaz al-Amtha:l fi Kitab al-Adb wa al-Nusu:s*. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd.
- Venhaar. (1978). *Pengantar Linguistik. Jilid 1*. Yokyakarta: Gajah Mada Universiti Press.
- Wan Abdul Kadir. (2003). *Pengkaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Hassan Wan Mat. (2009). *Pemburuan Dalam Bahasa Arab*. University Malaya: Thesis PHD, Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Winsted, R. E. (1950). *Malay Proverbs Bidalan Melayu*. Singapura: Lolitho Private Limited.

Rujukan Website:

<http://islamport.com/w/adb/Web/766/76.htm>

http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?idfrom=471&idto=471&bk_no=122&ID=472

<http://wanrusli.net/amthal.php>

<http://waldalbahrain.net/vb/showthread.php?t=7660>

<http://www.albaidha.net/vb/showthread.php?t=12225>

<http://www.islamicbook.ws/adab/ktab-jmhrt-alamthal-001.html>

LAMPIRAN